

Berkhidmat untuk Komuniti dan Negara Bangsa





Rasional

Sejak penubuhannya, Bank Rakyat sentiasa berusaha mengekalkan kedudukan sebagai sebuah bank koperasi Islam yang progresif dan dinamik bagi membantu mempertingkatkan kesejahteraan dan kemakmuran masyarakat dan negara kita.

Tema Laporan Tahunan 2019 kami "Berkhidmat untuk Komuniti dan Negara Bangsa" menggambarkan dedikasi dan komitmen kami untuk mempertingkatkan standard kehidupan semua yang berada di sekeliling kami dengan memenuhi keperluan kewangan serta memberi perkhidmatan yang cemerlang. Dengan memahami keperluan mereka dan menyokong semua sektor, kami berkeupayaan memberi sumbangan lebih bermakna terhadap kemajuan masyarakat dan negara. Usaha ini, berserta komitmen kami untuk berkembang maju secara bertanggungjawab, menyaksikan kami mampu mengekalkan momentum pertumbuhan selama ini.

Sebagai sebuah institusi kewangan pembangunan, Bank Rakyat mempunyai peranan dan tanggungjawab intrinsik untuk berbakti terhadap negara. Tatkala landskap perniagaan masa kini semakin dikuasai oleh golongan muda dengan persekitaran pendigitalan yang semakin meluas, Bank Rakyat berusaha untuk memberi perkhidmatan kepada semua segmen masyarakat tanpa mengira bangsa, individu dan usahawan dalam pasaran di negara ini. Kami berazam untuk berbakti bukan sahaja untuk masa kini, malahan ketika susah dan senang.

Visual pohon pada muka kulit Laporan Tahunan 2019 kami menggambarkan kesalinghubungan antara setiap unsur di alam semesta ini serta mencerminkan kekuatan dan pertumbuhan. Seperti juga pohon, kami melihat diri kami mampu mengharungi ribut kencang dan berperanan sebagai penaung terhadap kemakmuran anggota, pelanggan dan komuniti kami. Pohon pada muka kulit Laporan Tahunan ini turut melambangkan pertumbuhan dan keluasan liputan, sambil memperlihatkan keteguhan dan kecekalan Bank ini menimba ilmu dan pengalaman yang luas, dalam perjalanannya membina keteguhan sepanjang tempoh 65 tahun.



Bagi akses ke Laporan Tahunan kami, sila imbas kod QR menggunakan telefon pintar anda.

Menarik di Dalam

Tentang Kami

Selayang Pandang	4
Nilai, Misi dan Visi Kami	4
Maklumat Korporat	6
Teras Perniagaan Kami	6
Jenama Kami	7

Bank Rakyat: Sepintas Lalu

Prestasi Kewangan Lima Tahun (Bukan Kewangan)	10
Prestasi Kewangan Lima Tahun (Kewangan)	11
Prestasi Sukuan	12
Aset	12
Analisis Segmen bagi Perolehan Bank	13
Liabiliti dan Ekuiti	13
Dividen	14
Prestasi Operasi Perbankan	14
Anggota Kami	15
Pencapaian Utama	16
Peristiwa Penting 2019	20
Kehadiran Kami di Seluruh Malaysia	24
Anugerah 2019	25
Usaha Sosial Kami	26
Pencapaian Bank Rakyat Dalam <i>Malaysia Book of Records</i>	27
Bank Rakyat dalam Media	28

Daripada Kepimpinan

Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif	32
Perbincangan Pengurusan dan Analisis	38
Struktur Korporat Kumpulan	56
Bank Rakyat dan Kerajaan	57
Carta Organisasi	58

Kepimpinan Kami

Lembaga Pengarah	62
Profil Lembaga Pengarah	64
Jawatankuasa Syariah	72
Profil Jawatankuasa Syariah	74
Jawatankuasa Pengurusan	78
Profil Jawatankuasa Pengurusan	80



Tadbir Urus Korporat

86	Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Utama
103	Laporan Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan
110	Jawatankuasa Pengurusan Risiko
113	Terma Rujukan Jawatankuasa Syariah

Penyata Kewangan

120	Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad
124	Penyata Pengarah
125	Laporan Jawatankuasa Syariah Bank Rakyat 2019
131	Akuan Berkanun
132	Laporan Pengarah
134	Penyata Kedudukan Kewangan
136	Penyata Untung atau Rugi dan Pendapatan Komprehensif Lain
138	Penyata Perubahan Ekuiti
142	Penyata Aliran Tunai
145	Nota Kepada Penyata Kewangan

Maklumat Tambahan dan Direktori

278	Ibu Pejabat dan Cawangan
283	Ar-Rahnu X'Change
284	Rakyat Xcess dan Ar-Rahnu X'Change
285	Rakyat Xcess
286	Subsidiari
287	Wakil Khidmat Bank Rakyat


KOMITED BERKHIDMAT KEPADA RAKYAT



Selayang Pandang

Kami adalah bank koperasi Islam terbesar di negara ini dan bank Islam kedua terbesar dari segi saiz aset. Sejarah perjalanan kami bermula sebagai perintis bank koperasi pada 1954 dengan mandat untuk meningkatkan status sosial dan ekonomi masyarakat luar bandar, menyediakan peluang untuk memperbaiki diri dan membina masa depan yang lebih baik untuk keluarga serta komuniti mereka untuk kestabilan dan kemakmuran negara kita. Kami berbangga kerana berjaya melaksanakan mandat tersebut.

Kemudian, kami dikenali pula sebagai Bank Rakyat pada tahun 1973 dan meluaskan keanggotaan kami kepada individu. Ditadbir oleh undang-undang kecil dan Akta Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad 1978, kami turut dibenarkan untuk menyediakan pembiayaan kepada bukan anggota. Kini, kami bukan sahaja memberi perkhidmatan kepada anggota kami malahan kepada individu, perniagaan, syarikat, perbadanan, PKS dan pelanggan lain.



MISI KAMI

Menjadi pemangkin yang diiktiraf di peringkat global bagi pembangunan negara melalui pelbagai perkhidmatan kewangan yang bertunjangan nilai-nilai Islam, semangat masyarakat, dan kemampuan.

VISI KAMI

Berkhidmat untuk komuniti dan negara bangsa.

LEGASI KAMI

Nama kami terpahat kemas dalam lipatan sejarah perbankan Malaysia dan kami berazam untuk kekal menjadi **"Bank Pilihan Anda"** dengan **"Berkhidmat untuk Komuniti dan Negara Bangsa"**.

Aktiviti Utama Kami

Aktiviti utama kami adalah berasaskan koperasi yang melaksanakan urus niaga perbankan berdasarkan prinsip Syariah dengan menerima deposit dan menyediakan perkhidmatan kewangan bagi keperluan runcit dan perniagaan.

Legasi Kami

Legasi kami adalah kesinambungan dorongan kental, semangat padu dan pencapaian yang membanggakan. Pelbagai anugerah di peringkat tempatan, serantau dan antarabangsa yang telah kami raih sejak beberapa tahun ini membuktikan kami bukan sekadar penggiat utama dalam persekitaran perbankan Islam domestik.

PRODUK KAMI

Perbankan Runcit



Akaun Simpanan-i, Akaun Semasa-i, Pembiayaan Peribadi-i, Pembiayaan Kenderaan-i, Pembiayaan Perumahan-i, Pembiayaan Pajak Gada-i, Pembiayaan Pendidikan-i, Kad Kredit-i, Kad Debit-i, Akaun Deposit-i Berjangka.

Perbankan Perniagaan




Deposit-i, Pembiayaan Mikro-i, Pembiayaan Penyambung-i, Pembiayaan Hartanah-i, Kontrak-i, Sewa Beli-i, Saham-i, Pembiayaan Kontrak-i Tjari, Pembiayaan Modal Kerja Berjangka-i untuk Ar-Rahnu X'Change dan CashLine-i.

Koperasi



Seminar dan Program Pembangunan Koperasi dan Usahawan Koperasi, Ruang Kabinet Produk Keusahawanan Koperasi.

Selayang Pandang



- Cawangan Bank Rakyat
- Ar-Rahnu X'Change
- Rakyat Xcess
- Ar-Rahnu X'Change + Rakyat Xcess

Bank Koperasi Islam Terbesar

27 Ar-Rahnu X'Change

Ar-Rahnu X'Change: menawarkan perkhidmatan pajak gadai Islam (Ar-Rahnu).

4 Rakyat Xcess

Rakyat Xcess: Menawarkan perkhidmatan asas selain Ar-Rahnu.

18 Ar-Rahnu X'Change + Rakyat Xcess

Ar-Rahnu X'Change + Rakyat Xcess: Menawarkan Ar-Rahnu dan perkhidmatan asas.

974 Terminal ATM/CDM/CICO

312 Rakyat C.A.R.E

Rakyat C.A.R.E: Menawarkan perkhidmatan perbankan asas, khususnya di kawasan luar bandar melalui koperasi dan peniaga.

78 Wakil Khidmat Bank Rakyat

Wakil Khidmat: Koperasi dilantik sebagai ejen untuk memasarkan produk pembiayaan Bank Rakyat.

KEKUATAN KAMI

Sepanjang tempoh 65 tahun sejak ditubuhkan, prestasi kami terus memberangsangkan. Pada akhir tahun 2019, kami mempunyai:

Warga Kerja
5,752 orang

Pelanggan
8.16 juta

Keuntungan sebelum Cukai dan Zakat
RM1.79 bilion

Jumlah Aset
RM109.62 bilion

Pemegang Saham
842,849

Modal Saham Anggota
RM2.99 bilion

Maklumat Korporat

LEMBAGA PENGARAH

- Datuk Noripah Kamso (*Pengerusi*)
- Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi
- Muhamad Shahril Othman
- Abd Rani Lebai Jaafar
- Prof. Dr Obiyathulla Ismath Bacha
- Tunku Dato' Ahmad Burhanuddin
Tunku Datuk Seri Adnan
- Yuri Zaharin Wahab
- Sofiyah Yahya

SETIAUSAHA BANK

- Sheikh Azree Mokhtar

PEJABAT BERDAFTAR

Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad
Tingkat 35, Menara 1,
Menara Kembar Bank Rakyat,
No. 33, Jalan Rakyat, KL Sentral,
50470 Kuala Lumpur

JURU AUDIT

Ketua Juru Audit Negara
Jabatan Audit Negara
No. 15, Aras 4, Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62518 Putrajaya
Tel : 03-8889 9000
Faks : 03-8888 9721

NOMBOR PENDAFTARAN KOPERASI

2192

PEJABAT KORPORAT

Bank Rakyat
Tingkat 35,
Menara 1, Menara Kembar Bank Rakyat,
No. 33, Jalan Rakyat, KL Sentral,
50470 Kuala Lumpur
Tel : 03-2612 9600

LAMAN SESAWANG

www.bankrakyat.com.my

Jenama Kami

Teras Perniagaan Kami

ANGGOTA



Memastikan kejayaan yang berterusan dengan mengarahkan hal ehwal syarikat secara kolektif, sambil mengekalkan keyakinan pihak berkepentingan dengan memastikan kepentingan wajar pemegang saham dan pihak berkepentingan dipenuhi. Selanjutnya, menangani isu-isu berkaitan dengan perniagaan, kewangan, tadbir urus korporat, tanggungjawab sosial korporat dan etika korporat yang telus.

PELANGGAN



Menjalankan perniagaan dengan adil dan telus dengan menyediakan perkhidmatan dan produk perbankan patuh Syariah, menawarkan perkhidmatan yang semerta, bersopan santun dan berkesan, serta memfokus kepada tadbir urus korporat yang kukuh dan pembiayaan yang bertanggungjawab.

GERAKAN KOPERASI



Memandu pembangunan dan peningkatan gerakan koperasi, dan menyumbang untuk menjadikan gerakan koperasi tersebut satu daya dalam pertumbuhan ekonomi negara.

PRINSIP ISLAM



Menyokong contoh sistem kewangan Islam dengan menyediakan perkhidmatan kewangan patuh Syariah yang istimewa, diiktiraf dan dipercayai, dengan matlamat diperakui sebagai model institusi kewangan pembangunan Islam.

MASYARAKAT



Mencetuskan perubahan positif dalam masyarakat dengan menyediakan perkhidmatan kewangan dan aktiviti tanggungjawab sosial korporat yang akan meningkatkan standard kehidupan dan kesejahteraan rakyat Malaysia.

NEGARA



Menjadi warga korporat bertanggungjawab yang bukan sahaja didorong oleh keuntungan, tetapi yang lebih utama, membawa perubahan positif kepada ekonomi, menjana pekerjaan dan meneraju aktiviti ekonomi yang akan membantu Malaysia mencapai status negara maju dengan ekonomi berpendapatan tinggi.

No. 1
Senarai Indeks 100
Koperasi Terbaik di
Malaysia (SKM)

Ke-2
Institusi Islam
Terbesar di
Malaysia
(Saiz Aset)

10 Terbaik
Bank Islam Terbesar di
Dunia (Dengan saiz aset
berjumlah USD26.75 bilion
dan keuntungan sebanyak
USD500 juta)


Sumber: Asian Banker Research

KOMITED MEMELIHARA BUMI




Prestasi Kewangan Lima Tahun (Bukan Kewangan)

Cawangan




Ar-Rahnu X'Change




Warga Kerja




Panggilan Diterima Pusat Panggilan Tele-Rakyat




Pelanggan (Juta)




Terminal ATM/CDM/CICO



Pelanggan i-Rakyat Berdaftar



Ejen Perbankan (Rakyat C.A.R.E.)



Pendapatan Operasi (RM Bilion)




Keuntungan Selepas Cukai dan Zakat (RM Bilion)



Pembiayaan dan Pendahuluan (RM Bilion)




Kos kepada Pendapatan (%)




Prestasi Kewangan Lima Tahun (Kewangan)


Keuntungan Sebelum Cukai dan Zakat (RM Bilion)



Deposit dan Simpanan (RM Bilion)



Pulangan Bagi Dana Pemegang Saham Biasa (%)



Nisbah Pembiayaan Susut Nilai Kasar (%)




Prestasi Sukuan

	S1 (RM Bilion)	S2 (RM Bilion)	S3 (RM Bilion)	S4 (RM Bilion)
2019				
Pendapatan	1.65	1.64	1.61	1.60
Perbelanjaan	0.85	0.85	0.81	0.82
Pendapatan Bersih	0.79	0.79	0.81	0.78
Keuntungan Sebelum Cukai dan Zakat	0.43	0.44	0.42	0.51
Keuntungan Selepas Cukai dan Zakat	0.31	0.39	0.51	0.42
2018				
Pendapatan	1.56	1.62	1.65	1.64
Perbelanjaan	0.81	0.85	0.88	0.85
Pendapatan Bersih	0.78	0.77	0.77	0.79
Keuntungan Sebelum Cukai dan Zakat	0.45	0.28	0.50	0.62
Keuntungan Selepas Cukai dan Zakat	0.39	0.28	0.25	0.85


Analisis Segmen bagi Perolehan Bank

	2019		2018	
	Peratusan (%)	RM '000	Peratusan (%)	RM '000
Perbankan Pelanggan	65.2	4,551,439	66.7	4,568,306
Perbankan Komersial	4.1	285,018	4.0	272,104
Berasaskan Yuran	2.3	159,040	1.2	82,222
Ar-Rahnu	3.5	246,317	3.5	243,197
Lain-lain	24.9	1,734,990	24.5	1,681,520

Aset



Liabiliti dan Ekuiti



Dividen (RM Juta)

Anggota Kami




Jumlah Anggota (Individu dan Koperasi): 2015-2019

Tahun	Kategori		Jumlah
	Individu	Koperasi	
2019	840,592	2,257	842,849
2018	852,618	2,237	854,855
2017	872,202	2,178	874,380
2016	890,314	2,154	892,468
2015	905,790	2,128	907,918

Jumlah Modal (Individu dan Koperasi): 2015-2019

Tahun	Kategori		Jumlah
	Individu (RM)	Koperasi (RM)	
2019	2,770,784,615	215,245,385	2,986,030,000
2018	2,780,033,736	205,996,264	2,986,030,000
2017	2,798,115,203	187,914,797	2,986,030,000
2016	2,814,731,034	171,298,966	2,986,030,000
2015	2,815,744,078	168,178,922	2,983,923,000

Prestasi Operasi Perbankan



Pencapaian Utama

Pencapaian Utama

1954

- Pendaftaran rasmi Bank Agong Kampong Bekerjasama-sama Persekutuan Tanah Melayu Dengan Tanggungan Berhad dengan ibu pejabat pertamanya di Bukit Mertajam, Pulau Pinang.
- Pemilihan Menteri Besar Perlis, Tan Sri Sheikh Ahmad Mohd Hashim, sebagai Presiden Lembaga Penaja Bank.

1955

- Pemilihan pertama Lembaga Pengarah oleh ahli-ahli kawasan.
- Pemilihan semula Tan Sri Sheikh Ahmad Mohd Hashim sebagai Pengerusi Bank.
- Pemindahan ibu pejabat Bank ke Padang Kota, Pulau Pinang.

1958

- Pelancaran Pelan Pembangunan Lima Tahun Bank untuk mengumpul modal melebihi RM12 juta dalam tempoh lima tahun berikutnya oleh Tan Sri Sheikh Ahmad Mohd Hashim, Pengerusi Bank

1961



- Pemindahan Ibu Pejabat Bank Agong ke Kuala Lumpur untuk memusatkan operasinya untuk memberi perkhidmatan kepada para pelanggan di Semenanjung Malaysia.

1963

- Keahlian Bank Agong terdiri daripada 32 koperasi dengan pelaburan saham berjumlah RM143,000.

1964

- Pembinaan Ibu Pejabat Bank Agong di Jalan Ipoh, Kuala Lumpur bermula.

1966

- Bank Agong berpindah ke bangunannya sendiri di Jalan Ipoh, Kuala Lumpur.

1967

- Lembaga Pengarah Bank memutuskan untuk menukar nama Bank Agong kepada Bank Kerjasama Malaysia Berhad atau lebih dikenali sebagai Bank Kerjasama.

1968

- Pembukaan cawangan pertama Bank Kerjasama di Sungai Petani, Kedah selepas pengambilalihan Bank Persatuan Bekerjasama-sama Kedah Tengah.

1969

- Pembukaan cawangan Bagan Serai, dirasmikan oleh Menteri Besar Perak, Dato' Sri Ahmad Mohd Said.
- Pembukaan cawangan Muar, dirasmikan oleh Menteri Besar Johor, Dato' Osman Mohd Saat.
- Penerbitan Berita Bank Kerjasama, surat berita pertama Bank, dengan Ruangan Ketua Pengarah menyentuh tentang kemungkinan menubuhkan Persatuan Koperasi di Malaysia.

1970



- Pembukaan cawangan Kanger, dirasmikan oleh Putera Mahkota Perlis, Tuan Syed Sirajuddin Ibnu Tuanku Syed Putra Jamalullail.
- Pembukaan cawangan Kota Bharu oleh Pemangku Menteri Besar Kelantan, Dato' Mohamed Nasir.

1971

- Peluasan perkhidmatan meliputi pinjaman kepada ahli-ahli yang ingin menceburi bidang perniagaan, industri dan bagi membeli aset seperti rumah.
- Penubuhan Angkatan Kerjasama Malaysia Berhad (ANGKASA) selepas satu persetujuan dicapai di Kongres Koperasi Malaysia Ke-2 oleh Pengerusi Bank Kerjasama, Tan Sri Sheikh Ahmad Mohd Hashim.

1972

- Pelancaran Akaun Tabung Kumpulan Wang Amanah.
- Pertukaran nama daripada Bank Kerjasama kepada Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad atau Bank Rakyat semasa Mesyuarat Agung Tahunan ke-17.

1973



- Penggunaan rasmi nama Bank Rakyat selepas dicadangkan sendiri oleh Perdana Menteri ketika itu, Tun Abdul Razak.

1974

- Penubuhan syarikat koperasi dinamakan Syarikat Kerjasama Bank Rakyat yang juga dikenali sebagai SEKATARAKYAT oleh kakitangan Bank Rakyat.
- Pelancaran Rakyat First Merchant Bankers Berhad (Rakyat First) bahagian perbankan saudagar Bank Rakyat.

1975

- Penubuhan Rakyat Trading Corporation Sdn. Bhd. (RTC) pembekal bahan pembinaan seperti besi keluli dan simen serta pengedar barangan yang dikeluarkan oleh ASEAN Chemical Fertiliser.

1977

- Pelancaran Jabatan Pengutipan dan penubuhan Biro Aduan.

1978

- Akta Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas 1978) mula berkuat kuasa.
- Bank Rakyat diletakkan di bawah Menteri yang bertanggungjawab terhadap pembangunan koperasi.

1979

- Kertas Putih mengenai Bank Rakyat, Kedudukan Bank Rakyat dibentangkan di Parlimen, berikutan pembentangan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bil Peruntukan Khas) di Dewan Rakyat pada 19 Disember 1977.

1981

- Perjanjian usaha sama ditandatangani dengan Deutsche Genossenschaftsbank (DG Bank), merupakan batu loncatan untuk Bank Rakyat terlibat dalam segmen perbankan saudagar.

1982



- Pelancaran Perkhidmatan Perbankan Bergerak di cawangan Alor Setar, dengan kenderaan Perbankan Bergerak beroperasi terutamanya di Kompleks Lembaga Padi dan Beras Negara bersempena musim menuai.

1983

- Peningkatan keahlian Bank kepada 29,002, yang terdiri daripada 28,134 individu dan 868 koperasi.
- Jumlah aset Bank meningkat kepada RM519 juta dan keuntungan bersih mencapai RM5.9 juta.

1984

- Pelancaran Skim Pinjaman Pendidikan pertama, Skim Pinjaman Menanam Budi.

1986

- Pelancaran Skim Simpanan Nuri oleh Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar bagi menggalakkan budaya menyimpan dalam kalangan kanak-kanak sekolah.

1988

- Pelancaran Skim Pinjaman Pendidikan kedua untuk membantu pelajar menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi di dalam dan luar negeri.
- Pelancaran Skim Pinjaman Khas Siswazah (SPKS) dengan pinjaman maksimum RM20,000 untuk membantu siswazah tanpa pekerjaan tetap menubuhkan dan memulakan perniagaan perkhidmatan perakaunan dan percukaian sendiri.

1989

- Pengenalan perkhidmatan untuk sektor koperasi melalui Akaun Simpanan Koperasi Khas (ASKK).

1990

- Kelulusan untuk menggunakan rizab Bank Rakyat berjumlah RM96.70 juta untuk menampung kerugian terkumpul berjumlah RM86.60 juta.
- Pengumuman pengagihan bonus dua peratus kepada ahli dari tahun 1978 hingga 1988, dividen tunai 10 peratus dan saham bonus 20 peratus masing-masing untuk tahun 1990 dan 1991.

1992

- Parlimen meluluskan Akta Koperasi 1992.

Empat objektif utama Akta tersebut adalah untuk menggalakkan dan mendorong pertumbuhan koperasi, menukar koperasi menjadi usahaniaga yang mampan, memperbaharui cara pentadbiran dan pengurusan koperasi dan mengukuhkan undang-undang berkaitan dengan gerakan koperasi.

1993



- Pelancaran sistem perbankan Syariah yang menawarkan kemudahan seperti Akaun Simpanan Al-Wadiah, Pembiayaan Hartanah Al-Bai' Bithaman Ajil dan Pembiayaan Peribadi Bai Al-Inah.

- Cawangan ke-42 Bank dibuka di Bukit Mertajam, Pulau Pinang, tempat kelahiran Bank.

- Pengenalan Skim Pajak Gadai Islam Ar-Rahnu di Malaysia dengan kerjasama Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) dengan modal permulaan sebanyak RM5 juta.

- Memorandum Persefahaman Ar-Rahnu telah ditandatangani dengan YaPEIM pada 11hb Oktober 1993.

1994

- Penubuhan Majlis Penasihat Syariah Bank Rakyat.

- Pembukaan cawangan pertama di luar Semenanjung iaitu di Kuching, Sarawak.

Pencapaian Utama

1998

- Pembiayaan Kenderaan, An-Naqlu iaitu kemudahan pembiayaan untuk membeli kereta telah dilancarkan.

1999

- Pelancaran Sistem Perbankan Runcit Bersepadu (IRBS) di cawangan Pudu di Kuala Lumpur yang membolehkan pengurusan dalam talian bagi urusan perbankan dan lejar am, dan perkhidmatan ATM sokongan untuk simpanan dan urusan akaun pelaburan yang lebih pantas.

2000

- Pelancaran Pembiayaan Kontrak Tijari dalam usaha membantu perniagaan kecil yang dinamik dan berdaya maju.

2001



Bank Pilihan Anda

- Pelancaran logo korporat baharu bagi menggantikan logo yang telah berusia 20 tahun, bersempena dengan ulang tahun ke-47 Bank Rakyat.
- Pelancaran tiga produk baharu berasaskan konsep Al-Mudarabah - Syabab, Tawfir dan Tilmiz - telah dirasmikan oleh Menteri Pembangunan Tanah dan Koperasi, Tan Sri Kasitah Gaddam.

2002

- Pelancaran perkhidmatan rundingan dan bimbingan melalui Program Rakan Koop untuk membantu koperasi menguruskan aktiviti perniagaan mereka.

2003

- Pengumuman rasmi menandakan semua operasi Bank adalah patuh Syariah.
- Pelancaran Pusat Perbankan Elektronik (EBC) atau eRakyat di cawangan Jalan Tangsi, Kuala Lumpur.

2004

- Bank Rakyat diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi berikutan rombakan kementerian. Sebelum itu, Bank diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Tanah dan Koperasi.

2005

- Bank Rakyat menjadi institusi kewangan bukan komersial pertama yang memperkenalkan perkhidmatan MEPS Interbank Giro (IBG).

2006

- Pelancaran Pusat Panggilan tele-Rakyat, untuk membolehkan pelanggan melaksanakan urusan dengan bantuan personel Pusat Panggilan.

- Pelancaran Budaya Korporat Bank Rakyat, **R.A.K.Y.A.T.:**
R: **Rajin**
A: **Amanah**
K: **Kompeten**
Y: **Yakin**
A: **Akhlaq Mulia**
T: **Taqwa**

- Francais pajak gadai Islam Ar-Rahnu X'Change diperkenalkan ke pasaran, diuruskan oleh subsidiari Bank Rakyat, Rakyat Management Services Sdn Bhd (RMS).

2007

- Pelancaran Kelab Nuri Bank Rakyat oleh Puan Sri Wan Nafisah Nik Mohd Adeb, isteri Pengerusi Bank, Tan Sri Dato' Dr. Syed Jalaludin Syed Salim. Maskot baharu berkonsep angkasawan turut diperkenalkan.

- Pelancaran Perbankan Internet i-Rakyat.

2008

- Karnival Bank Rakyat yang pertama untuk orang ramai dengan konsep permainan yang diadakan di Padang Dataran Pemuda Merdeka, Seberang Prai, Pulau Pinang.

2009



- Penubuhan Yayasan Bank Rakyat yang bermatlamat untuk membangun dan mempertingkatkan standard pendidikan rakyat Malaysia, khususnya dalam kalangan anak-anak anggota Bank.

- Penerbitan dan pengenalan kad kredit berasaskan Syariah yang pertama di pasaran, Tawarruq dengan kerjasama MasterCard Worldwide.

2010

- Pelancaran perkongsian strategik dengan Tabung Haji, membolehkan para penyimpan Tabung Haji melakukan pelbagai urusan di cawangan Bank Rakyat.

2012

- Pelancaran penerbitan pertama Sukuk bernilai RM1 bilion di bawah Program Nota Jangka Sederhana Islam.

2013

- Pelantikan sebagai agen kutipan bagi cukai pendapatan melalui perkongsian strategik dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

2014

- Pembukaan cawangan ke-145 di Labis, Johor yang merupakan cawangan ke-15 Bank di negeri tersebut.

- Pengumuman penerbitan Sukuk Musyarakah bernilai RM1 bilion untuk tempoh tiga dan lima tahun.

- Tahun yang amat bermakna apabila berpindah ke Menara Kembar Bank Rakyat, bangunan ikonik baharu Bank di Jalan Rakyat dan ulang tahun ke-60 Bank disambut di premis baharu ini.

2015



- Pelancaran rasmi Menara Kembar Bank Rakyat.

- Penyerahan bas yang ditaja oleh Bank Rakyat kepada Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM).

- Pelancaran Kad Kredit-i Platinum.

- Persidangan Meja Bulat Ulama Syariah Antarabangsa yang pertama, anjuran Bank Rakyat.

- Pembukaan cawangan Kuala Pilah oleh DYMM Yang DiPertuan Besar Negeri Sembilan.

- Pelancaran Stesen LRT Bank Rakyat - Bangsar oleh Pengerusi Bank Rakyat sebagai sebahagian daripada program tanggungjawab sosial korporat Bank Rakyat.

2016

- Penubuhan Taska Kasih Nuri di Menara 2, Menara Kembar Bank Rakyat. Kemudahan penjagaan kanak-kanak untuk kemudahan kakitangan ibu pejabat Bank Rakyat, telah dirasmikan oleh Pengerusi Bank Rakyat.

- Pelancaran model Menara Bank Rakyat Johor oleh DYMM Sultan Johor yang menandakan penerokaan Bank ke dalam segmen pelaburan hartanah di Johor.

- Program pertama Kembara Kemanusiaan Kemboja 2016 dan pengagihan daging korban bersempena Hari Raya Aidiladha.

- Program Berkhatan Beramai-ramai 2016 pertama anjuran Surau Al-Barakah Menara Kembar Bank Rakyat untuk anak-anak kakitangan Bank dan ahli kariah Al-Barakah sebagai sebahagian daripada sumbangan Bank kepada masyarakat.

- Pelancaran Kalendar Bank Rakyat 2017 bertema "Indahnya Ilhammu, Seninya Jiwamu" berinspirasi kanak-kanak autistik sebagai inisiatif Bank menyokong usaha kerajaan membantu golongan kurang bernasib baik.

- Bank Rakyat menggunakan tema Anak Kita bagi tahun 2016/2017 menandakan komitmennya terhadap kanak-kanak, terutamanya kanak-kanak autistik, dengan menganjurkan pelbagai aktiviti sebagai sebahagian daripada inisiatif tanggungjawab korporat sosialnya terhadap kanak-kanak autisme.

- Pelancaran Kad Muslimah Bank Rakyat, Kad Kredit-i patuh Syariah pertama khusus untuk wanita.

- Penganjuran Program Wira-Wira Hebat untuk meraikan atlet paralimpik negara yang telah memenangi pingat emas dan gangsa di Sukan Paralimpik Rio 2016.

2017

- *Autismlympic* 2017 yang mengumpulkan persatuan autisme di Lembah Klang.

- Larian Rakyat 2017, anjuran Bank buat pertama kali sempena Sukan SEA Kuala Lumpur 2017.

2018



- Bank menganjurkan Anugerah Dari Hati Ke Hati pada 2hb April sempena Hari Kesedaran Autisme 2018.

- Berkongsi kegembiraan sambutan Aidilfitri dengan kanak-kanak autistik dalam Program Sinar Aidilfitri Dari Hati Ke Hati Bank Rakyat di Pasar Raya Besar Mydin Petra Jaya, Kuching.

- Menganjurkan Pertandingan Bicara Berirama (Choral Speaking) pertama pada 14 hingga 16hb September sempena Hari Kemerdekaan Negara ke-61 di Ruang Legar, Suria KLCC.

- Penyerahan bas kepada Persatuan Badminton Malaysia (BAM) sebagai sebahagian daripada inisiatif pembinaan jenama Bank Rakyat serta usaha menyokong aktiviti sukan negara bagi menjulang Malaysia di mata dunia.

Peristiwa Penting 2019

JANUARI

9 Januari 2019

Acara Kayuhan Amal di Masjid Ar-Rahman, Simpang Lang, Perlis yang dilaksanakan secara kolaboratif dengan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPS) telah diserikan dengan keberangkatan DYTM Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibnu Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail yang mana asnaf dan para pelajar kurang bernasib baik menerima sumbangan zakat.

11 Januari 2019

Kad Nuri Nutrisi diedarkan kepada pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Langkawi Pulau Tuba. Ia melayakkan penerima mendapat makanan percuma setiap hari di sekolah.

FEBRUARI



16 Februari 2019

Seorang ibu tunggal dan keluarga mereka di Dungun, Terengganu menerima sumbangan barang keperluan dan bekalan sekolah sebagai sebahagian daripada inisiatif Nuri Nutrisi.

MAR

24 Mac 2019

Bank menjadi tuan rumah Pameran Nuri Nutrisi *Autisme* yang berlangsung di Muzium Negara, Kuala Lumpur. Pameran ini memfokus kepada kesedaran makanan berkhasiat terhadap kanak-kanak autistik.



APRIL



12 April 2020

Bank Rakyat mengumumkan pembayaran dividen sebanyak 13% bagi tahun kewangan 2018, di Magic, Cyberjaya, Selangor. Ia melibatkan pembayaran berjumlah RM379 juta yang dibayar kepada semua anggota.

15 April 2019

Kad Debit-i Bank Rakyat untuk Alumni UiTM dilancarkan sebagai sebahagian daripada kolaboratif Bank dengan UiTM Sarawak untuk menyumbang semula dalam bentuk wakaf atau sumbangan bagi menyokong universiti tersebut dan membantu para pelajar lain.

21 April 2019

Bank Rakyat dengan kerjasama Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra (PTSFP) menganjurkan Nuri @ *The Library* di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) telah dihadiri oleh lebih 150 orang kanak-kanak dari 12 sekolah rendah di Perlis.

Peristiwa Penting 2019

MEI

3 Mei 2019

Pelancaran rasmi kerjasama Bank Rakyat dengan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Ini merupakan hari bersejarah kerana Bank menjadi organisasi tempatan pertama diakreditasi di bawah program Pasukan Negara PBB 'Bersama untuk Hab SDG'.

4 Mei 2019

Mesyuarat Agung Tahunan 2019 telah diadakan di Dewan Tun Abdul Razak, Menara Kembar Bank Rakyat yang dihadiri oleh 1,000 anggota.

6-17 Mei 2019

Bank telah menganjurkan majlis Kasih BRamadan sebagai inisiatif penghargaan terhadap rakan-rakan media yang telah memberi sokongan berterusan kepada Bank.

7 Mei 2019

Bank Rakyat dan PETRONAS menjalin kerjasama untuk menyediakan pembiayaan kepada vendor minyak, gas dan peralatan (OGSE) syarikat minyak dan gas tersebut.



14 Mei 2019

Bank Rakyat mengedar 6,000 pek bubur lambuk melalui program Kasih BRamadan. Program ini merupakan sebahagian daripada inisiatif Bank untuk berkongsi rezeki serta menyemarakkan sambutan Ramadan dengan para pelanggannya, terutamanya komuniti di sekitar Menara Kembar Bank Rakyat.

27 Mei 2019

Bank Rakyat menjalin kerjasama dengan Buletin Utama TV3 dengan menganjurkan Nuri Nutrisi Aidilfitri bagi meraikan para atlet negara.

27 Mei 2019

Bank Rakyat merangkul *Asia Responsible Enterprise Awards 2019* (AREA 2019) dalam kategori Anugerah Pemerikasaan Sosial kerana penglibatannya dalam menyokong komuniti autistik di Malaysia sejak bulan Oktober 2016 melalui kempen #AnakKita.

JUN

20 & 21 Jun 2019

Bank Rakyat meneruskan inisiatif CSR Nuri Nutrisi dengan menyalurkan makanan berkhasiat di Sekolah Kebangsaan Pulau Mabul Semporna, Sabah.

27 Jun 2019

Merayakan Aidilfitri Bank Rakyat bersama pemegang kepentingan, rakan perniagaan dan pendeposit di Dewan Tun Abdul Razak, Menara Kembar Bank Rakyat.




JULAI
**13 Julai 2019**

Program Larian Kebajikan 'Bear A-Thon: Jaga Kesihatan Anda' telah dianjurkan bersama Fakulti Sains Kesihatan dan Kehidupan (FHLS), Management and Science University (MSU) bertujuan untuk mempromosi gaya hidup sihat serta sebagai platform membantu pelajar kurang bernasib baik di sekitar Selangor.

29 Julai 2019

Bank Rakyat melaksanakan pelan 5 tahun baharu yang dikenali sebagai "BR25" untuk melakar pertumbuhan masa depan yang bermatlamat menghasilkan Evolusi Aspirasi bagi Bank Rakyat supaya kekal relevan menjelang tahun 2025.

4 Julai 2019

Bank dengan kerjasama Kementerian Pendidikan menganjurkan Pertandingan Bicara Berirama antara negeri di seluruh negara sebagai sebahagian daripada inisiatif untuk menggalakkan para pelajar bercakap di hadapan khalayak serta membantu mereka memperbaiki kefasihan berbahasa Inggeris.

11 Julai 2019

Bank Rakyat terpilih sebagai penerima anugerah Syarikat Terbaik Keseluruhan bagi tahun kedua berturut-turut pada majlis penyampaian Anugerah CSR Malaysia 2019 kerana komitmennya melaksanakan inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) khususnya untuk kanak-kanak autistik.


SEPTEMBER
**1 September 2019**

Larian Rakyat 2.0 dianjurkan bersempena Minggu Usahawan Nasional, bertempat di Taman Pameran Agro Malaysia, Serdang (MAEPS) sebagai inisiatif membantu mempromosi gaya hidup sihat dan kesejahteraan kepada rakyat Malaysia. Ia berjaya menghimpun 3,000 peserta.

27 September 2019

Bank Rakyat dengan kerjasama Mastercard telah melancarkan buat pertama kali kad kembaranya yang dikenali sebagai Kad Kredit-i Bank Rakyat Platinum Explorer bagi menggalakkan mereka yang gemar melancong menikmati lebih banyak manfaat dan hadiah dengan menggunakan kad ini semasa melancong.


OGOS
**1 Ogos 2019**

Pertandingan Bicara Berirama Bank Rakyat Peringkat Nasional diadakan yang Menara Kembar Bank Rakyat yang mana juara peringkat negeri di seluruh negara bertanding untuk menjadi juara peringkat kebangsaan.

12 Ogos 2019

Bank Rakyat bersama ERA Sarawak mengedar daging korban di Masjid Darul Farhanah, Sarawak dan Masjid Bandaraya, Kota Kinabalu, Sabah bersempena dengan Hari Raya Aidil Adha bagi membantu masyarakat yang kurang bernasib baik di Sarawak dan Sabah.

24 Ogos 2019

Nuri Teenpreneurship 2019 yang menghimpunkan lebih 24,000 orang pelajar sekolah bagi menggalakkan keusahawanan dalam kalangan pelajar, telah mendapat pengiktirafan daripada *Malaysia Book of Records* kerana mencapai penyertaan sekolah paling besar bagi inisiatif keusahawanan.


OKTOBER
1 Oktober 2019

Melalui permuafakatan antara Bank Rakyat dan Management and Science University (MSU), seramai 60 pelajar kurang bernasib baik dari 3 buah sekolah di Shah Alam menerima bantuan makanan sebagai sebahagian daripada program *SHAPE 3.0 MSU MY*.

5 Oktober 2019

Program pembersihan pantai diadakan di Pantai Batu Buruk, Terengganu sebagai sebahagian daripada inisiatif kelestarian Bank.

14 Oktober 2019

Sumbangan Bank Rakyat kepada Koperasi Kolej Vokasional Kuching Bhd yang menjalankan projek Kebun Nuri Nutrisi: Ladang Cendawan Tiram.

**19 Oktober 2019**

Bank Rakyat menganjurkan Persidangan Meja Bulat Cendekiawan Syariah Islam Antarabangsa (iSHAR), sebuah program meja bulat selama dua hari yang menghimpunkan lebih 20 cendekiawan Syariah dan pengamal perbankan Islam dari seluruh dunia termasuk Malaysia, Emiriah Arab Bersatu, Turki, Arab Saudi, Kuwait, Syria, Bahrain dan Jordan. Acara tersebut berlangsung di Hotel Marriott Putrajaya.


NOVEMBER
2 - 30 November 2019

Mesyuarat Agung Wilayah Bank Rakyat diadakan di seluruh negara.

9 November 2019

Bank Rakyat mengambil bahagian dalam perayaan Maulidur Rasul tahunan 2019 Peringkat Kebangsaan yang berlangsung di Axiata Arena, Bukit Jalil, Kuala Lumpur. Kontinjen kami yang diketuai oleh Dato' Rosman Mohamed memenangi tempat ketiga dalam kategori sektor swasta bagi Kontinjen Perarakan Maulidur Rasul 2019.

**16 November 2019**

Rakyat Management Services (RMS) menganjurkan program Menanam Pokok Bakau Ar-Rahnu X'Change. Sebanyak 1,000 pokok bakau telah ditanam di Bagan Pasir, Tanjung Karang, Selangor. 100 orang peserta yang terdiri daripada warga kerja RMS, wakil daripada Ar-Rahnu X'Change (ARX), guru-guru dan pelajar sekolah telah mengambil bahagian dalam aktiviti CSR ini.

28 November 2019

Bank Rakyat merangkul anugerah Sosial Impak Terbaik (Besar) di majlis penyampaian *Europa for Sustainability EU-Malaysia Chamber of Commerce and Industry (EUMCCI) 2019*. Ia merupakan satu pengiktirafan terhadap usaha Bank Rakyat dalam menyokong komuniti autistik di Malaysia sejak bulan Oktober 2016 melalui kempen #AnakKita.


DISEMBER
**2-3 Disember 2019**

Pusat Pembangunan Keusahawanan dilancarkan di Pulau Bum Bum dengan matlamat untuk membantu komuniti setempat melalui penyediaan peluang pekerjaan untuk mereka serta menggalakkan mereka menceburi bidang perniagaan.

27 Disember 2019

Satu Memorandum Persefahaman (MoU) telah ditandatangani oleh Bank dengan Majlis Islam Sarawak (MIS) untuk melaksanakan Program Integriti Kewangan bagi Masjid (PINK Masjid) di Sarawak.

Kehadiran Kami di Seluruh Malaysia

NEGERI	CAWANGAN	AR-RAHNU X'CHANGE	RAKYAT XCESS	AR-RAHNU X'CHANGE + RAKYAT XCESS	WAKIL KHIDMAT BANK RAKYAT
Selangor	21	10	-	5	11
Kuala Lumpur / Putrajaya	15	2	-	-	8
Negeri Sembilan	7	3	1	2	4
Melaka	4	2	-	-	1
Johor	15	7	1	3	7
Pahang	11	3	1	1	9
Kelantan	8	3	-	1	4
Terengganu	8	2	-	1	3
Perak	12	6	-	2	5
Kedah	10	6	-	3	6
Pulau Pinang	7	-	-	-	5
Perlis	2	-	-	-	2
Sabah	13	-	-	-	7
Sarawak	14	1	1	-	6
Jumlah	147	45	4	18	78

CAWANGAN 147	AR-RAHNU X'CHANGE 45	RAKYAT XCESS 4	AR-RAHNU X'CHANGE + RAKYAT XCESS 18	WAKIL KHIDMAT BANK RAKYAT 78
------------------------	--------------------------------	--------------------------	---	--

Anugerah 2019



• **Anugerah Sosial Impak Terbaik,** Europa Awards for Sustainability EU-Malaysia Chamber of Commerce and Industry (EUMCCI) 2019



• **Anugerah Pemerkasaan Sosial,** Asia Responsible Enterprise Awards 2019 (AREA 2019) di Taiwan



• **Syarikat Terbaik Keseluruhan,** Anugerah CSR Malaysia 2019



• **Best Islamic Debit Program,** Mastercard Appreciation Night 2019



• **Sumbangan Cemerlang kepada MyDebit,** Malaysian e-Payments Excellence Awards

- **Tempat Pertama dalam Senarai Indeks 100 Koperasi Terbaik di Malaysia,** Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)
- **Penyumbang Teratas Bancatakalul** bagi Kategori *Group Term Takaful*

Usaha Sosial Kami

4 JENAMA TERAS

- AUTISMLYMPIC
- AUTISMPRENEUR
- AUTISM BUDDIES
- AUTISMAZING



Pencapaian Bank Rakyat Dalam *Malaysia Book of Records*

24 Ogos 2019



Penyertaan pelajar terbesar dalam sebuah acara keusahawanan yang dijalankan serentak.

15 Ogos 2015

Jumlah tabung simpanan duit syiling terbanyak yang didepositkan secara serentak oleh kanak-kanak

30 Julai 2015

Rumah terbuka Aidilfitri terbesar dianjurkan serentak

25 Jun 2011

Keropok lekor terpanjang

9 April 2011

Bank pertama menurunkan tukun (mesin ATM) @ Taman Laut Malaysia, Pulau Perhentian

Bank Rakyat di Media

Bank Rakyat di Media

13pc DIVIDEND FROM BANK RAKYAT

Total payout amounting to RM277m to be distributed on Monday

13% DIVIDEND 2018

Bank Rakyat has announced a 13 per cent dividend for the year ended December 31, 2018. The dividend amounting to RM277 million will be distributed on Monday, January 14, 2019. The dividend is payable to all registered shareholders as at the record date of January 10, 2019.

Bank Rakyat raih anugerah Syarikat Terbaik Keseluruhan kali kedua

Bank Rakyat has been awarded the Best Overall Company award for the second time at the 2018 ASEAN Corporate Governance Awards. The award is presented to the company that is perceived to have the highest level of corporate governance in the region.

Bank Rakyat has been awarded the Best Overall Company award for the second time at the 2018 ASEAN Corporate Governance Awards. The award is presented to the company that is perceived to have the highest level of corporate governance in the region.

BANK RAKYAT, PETRONAS TO GIVE LOANS TO OGSE VENDORS

Financing programme to benefit SMEs with supply to national oil firm

Bank Rakyat and Petronas have signed a Memorandum of Understanding (MOU) to provide financing support to Small and Medium Enterprises (SMEs) that supply goods and services to the national oil company. The programme aims to improve the financial health of these vendors and support the local economy.

Menangi dua kilogram emas

Bank Rakyat donor 20 kilogram emas untuk program CSR

Bank Rakyat has donated 20 kilograms of gold to support a social responsibility (CSR) program. The gold will be used to fund various community development projects and support the financial needs of underserved groups.

Growing entrepreneurs young and old

Bank aims for listing in record book at event to spur learning among school students

Bank Rakyat is participating in a record book listing event to inspire young entrepreneurs. The event is designed to provide school students with valuable insights into the banking industry and encourage them to pursue entrepreneurial ventures.

30 Semporna students get food aid under Bank Rakyat CSR

Bank Rakyat provides food aid to students in Semporna

Bank Rakyat has provided food aid to 30 students in Semporna as part of its Corporate Social Responsibility (CSR) program. The aid is intended to support the nutritional needs of these students and improve their quality of life.

Dua bank serah zakat perniagaan

Bank Rakyat and another bank donate zakat to support SMEs

Two banks, including Bank Rakyat, have donated zakat to support Small and Medium Enterprises (SMEs). The zakat is intended to provide financial assistance to these businesses and help them grow and sustain themselves.

14,700 pelajar terima bantuan persekolahan

Bank Rakyat provides educational aid to 14,700 students

Bank Rakyat has provided educational aid to 14,700 students. The aid is intended to support the educational needs of these students and help them achieve their academic goals.

Bank Rakyat sasaran pinjaman Ar-Rahnu meningkat

Bank Rakyat aims to increase Ar-Rahnu loan volume

Bank Rakyat is targeting an increase in its Ar-Rahnu loan volume. The bank is offering competitive interest rates and flexible repayment terms to attract more borrowers.

Bank Rakyat auto finance centre state's first

Bank Rakyat launches first auto finance centre in the state

Bank Rakyat has launched its first auto finance centre in the state. The centre is designed to provide a comprehensive range of services to customers, including car financing, insurance, and maintenance.

Bank Rakyat perkenal cawangan konsep digital

Bank Rakyat introduces digital concept branches

Bank Rakyat has introduced digital concept branches. These branches are designed to provide a seamless digital banking experience to customers, with a focus on online services and digital marketing.

Bank Rakyat perkenal Kad kredit-i Platinum Explorer

Bank Rakyat introduces Platinum Explorer credit card

Bank Rakyat has introduced the Platinum Explorer credit card. The card offers a range of benefits, including travel insurance, airport lounge access, and exclusive rewards.

BID TO CUT RELIANCE ON PERSONAL FINANCING

Bank Rakyat aims to reduce reliance on personal financing

Bank Rakyat is aiming to reduce its reliance on personal financing. The bank is focusing on expanding its corporate and institutional banking services to diversify its revenue streams.

PAVING THE PATH TO SUSTAINABILITY

Bank Rakyat focuses on sustainable development

Bank Rakyat is focusing on sustainable development. The bank is implementing various initiatives to reduce its carbon footprint, improve its environmental performance, and support social development.

Bank Rakyat rangkul anugerah CSR peringkat Asia

Bank Rakyat wins Asia-level CSR award

Bank Rakyat has won an Asia-level CSR award. The award recognizes the bank's commitment to social responsibility and its efforts to support the community and the environment.

Bank Rakyat rangkul anugerah CSR peringkat Asia


Bank Rakyat wins Asia-level CSR award

Bank Rakyat has won an Asia-level CSR award. The award recognizes the bank's commitment to social responsibility and its efforts to support the community and the environment.

KOMITED MENYOKONG KEMAJUAN NEGARA



Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif



DATO' ROSMAN MOHAMED
Ketua Pegawai Eksekutif

PARA ANGGOTA DAN PEMEGANG SAHAM SEKALIAN,

Saya berasa bangga dan amat berbesar hati untuk membentangkan perutusan saya yang pertama sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Bank Rakyat. Izinkan saya memulakan perutusan saya dengan menyampaikan ucapan setinggi penghargaan kepada Datuk Noripah Kamsu yang telah menamatkan perkhidmatan beliau dalam Lembaga Pengarah pada 3 April 2020. Saya mengucapkan terima kasih atas sokongan dan komitmen yang ditampilkan oleh Datuk Noripah yang telah berkhidmat dengan Bank Rakyat sejak 11 Disember 2018.

Pelantikan saya sebagai Pemangku Pengarah Urusan pada Ogos 2019 dan kemudian sebagai Ketua Pegawai Eksekutif pada Februari 2020 bertepatan dengan aspirasi Bank yang berhasrat untuk 'Berkhidmat kepada Masyarakat dan Negara'. Kini, kita sedang berusaha ke arah melaksanakan strategi lima tahun yang dikenali sebagai Bank Rakyat 2025 atau "BR25".

BR25 akan dilaksana berasaskan kepada lima teras - Pelanggan dan Anggota, Digitalisasi dan Analitik, Kolaboratif dan Kerjasama, Manusia dan Kelestarian - bagi membantu merealisasikan tema Laporan Tahunan bagi tahun ini iaitu "Berkhidmat untuk Masyarakat dan Negara". Ia juga memberikan fokus yang jelas kepada perniagaan Bank tentang apa yang perlu dicapai sepanjang tempoh beberapa tahun akan datang.

BR25 terbentuk daripada sejarah 66 tahun dan mandat kita bagi mempertingkatkan status sosial dan ekonomi masyarakat petani luar bandar, menyediakan peluang untuk memudahkan pemerkaasaan diri, membina masa depan yang lebih cerah serta kestabilan dan kemakmuran negara. Bank kita bukan sekadar sebuah organisasi perniagaan semata-mata, sebaliknya kita percaya bahawa perniagaan yang dijalankan perlu berkhidmat untuk rakyat dan bukan sebaliknya. Sehubungan dengan itu, kita gigih meletakkan kedudukan Bank di landasan yang mampu mewujudkan nilai untuk masyarakat dan negara.

Prestasi yang memberangsangkan ini dicituskan daripada keteguhan asas kita serta fokus terhadap pelbagai aktiviti teras dalam suasana persekitaran yang serba mencabar. Kumpulan kekal sebagai bank koperasi Islam memperoleh keuntungan tertinggi serta institusi kewangan Islam kedua terbesar di Malaysia.

PRESTASI KEWANGAN 2019

Bank menampilkan satu lagi tempoh pertumbuhan dan perkembangan pada tahun 2019. Walaupun berdepan dengan landskap ekonomi yang tidak menentu serta pasaran perbankan runcit yang sangat mencabar persaingannya, namun Bank terus mencatatkan kejayaan melakar kemajuan yang memberangsangkan. Prestasi ini tidak mungkin tercapai tanpa sokongan penuh para pemegang kepentingan kita - Lembaga Pengarah, penguat kuasa undang-undang, warga kerja, pelanggan dan anda; anggota serta pemegang saham sekalian.

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2019 (TK19), Kumpulan mencapai keuntungan sebelum cukai dan zakat (PBTZ) sebanyak RM1.79 bilion, manakala keuntungan bersih Kumpulan pula berjumlah RM1.15 bilion. Prestasi yang mantap ini telah dicapai melalui peningkatan pendapatan bersih dari tahun ke tahun sebanyak 3.26% yang didorong oleh pertumbuhan pendapatan operasi teras dan pengurangan kos pembiayaan dari tahun ke tahun sebanyak 1.62% yang dihasilkan daripada pengurangan Kadar Polisi Semalaman (OPR) pada separuh tahun kedua 2019. Prestasi yang dicapai turut disumbang oleh inisiatif berterusan untuk meningkatkan Akaun Semasa dan Akaun Simpanan (CASA).

Prestasi yang memberangsangkan ini adalah hasil keteguhan asas serta fokus Bank terhadap pelbagai aktiviti teras dalam suasana persekitaran yang mencabar. Bank Rakyat berjaya mengekalkan kedudukannya sebagai bank koperasi Islam yang mencatatkan keuntungan paling tinggi serta institusi kewangan Islam kedua terbesar di Malaysia.

Sebagai langkah ke hadapan, kita akan terus fokus kepada penajajaran dalaman, khususnya untuk menerokai potensi yang belum dimanfaatkan dalam perniagaan dan operasi Bank bagi mewujudkan nilai jangka panjang untuk anggota. Bagi TK19, kita memberi pulangan kepada anggota dengan pembayaran dividen sebanyak 14% daripada keuntungan selepas cukai dan zakat yang berjumlah RM405 juta, berbanding 13% yang berjumlah RM379 juta pada tahun sebelumnya.

Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif

Sementara itu, RAM Ratings juga telah memperteguhkan penarafan institusi kewangan AA2/Stabil/P1 Bank Rakyat dan penarafan sukuk Bank yang diterbitkan melalui jentera pembiayaan kita (Imtiaz Sukuk II Berhad dan Mumtaz Rakyat Sukuk Berhad). Peneguhan ini dibuat berasaskan kepada keteguhan asas dalam pembiayaan peribadi, terutamanya dalam kalangan penjawat awam dan kapasiti menyerap kerugian yang mantap.

Pengiktirafan lain yang dicapai sepanjang tahun ini termasuk diberi penarafan 'Nombor satu dalam kalangan 100 Koperasi Terunggul di Malaysia' oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Penyumbang Bancatakaful Terunggul bagi Kategori Takaful Berjangka Kumpulan, Program Debit Islam Terbaik di Malam Penghargaan Mastercard 2019 dan Sumbangan Terbilang kepada MyDebit di Majlis Anugerah Kecemerlangan e-Pembayaran Malaysia.

BERBAKTI KEPADA MASYARAKAT

Bank Rakyat meneruskan pelbagai inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporatnya (CSR) pada tahun ini dengan memfokus kepada penyediaan makanan berkhasiat untuk anak-anak kurang berkemampuan di seluruh Malaysia melalui program Nuri Nutrisi. Program ini selaras dengan komitmen Bank Rakyat sebagai organisasi pertama diakreditasi di bawah program

dan inisiatif Matlamat Pembangunan Mampan Malaysia, Pasukan Negara Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (SDG UNCT). Sehingga kini, 2,000 pelajar kurang berkemampuan dari seluruh negara telah mendapat manfaat daripada program Nuri Nutrisi yang bertujuan menyalurkan makanan berkhasiat kepada kanak-kanak daripada keluarga B40.

Antara matlamat utama Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) bagi inisiatif Nuri Nutrisi meliputi pembasmian kemiskinan, memastikan kesihatan dan kecergasan, menyediakan pendidikan berkualiti dan air bersih serta menangani ketidaksetaraan sejagat. Selaras dengan matlamat ini, program ini berhasrat untuk menerbitkan 'Kehidupan Mampan' masyarakat setempat melalui pelbagai usaha mempertingkatkan status nutrisi masyarakat serta untuk melindungi keperluan sosial masyarakat setempat, termasuk bukan warganegara. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) memainkan peranan penting dalam menggalakkan masyarakat inklusif dan kesamarataan. Menyedari hakikat ini, Bank komited untuk "tidak meminggirkan sesiapa" dalam membantu negara menggalakkan pertumbuhan inklusif serta mencapai SDG. Masyarakat inklusif juga penting dalam mencapai matlamat serampang dua mata Kumpulan Bank Dunia untuk membasmi kemiskinan melampau dan melonjakkan kemakmuran bersama.



Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif

Dalam menghadapi cabaran berkaitan Revolusi Perindustrian Keempat, kita harus berfikir tentang pelbagai cara untuk mengukuh dan meluaskan tanggungjawab ekonomi dan sosial. Sebagai sebahagian daripada program Nuri Nutrisi, penyelesaian utama termasuk merapatkan jurang dalam pendidikan dengan menjadikan pendidikan lebih inklusif kepada kanak-kanak tanpa mengira latar belakang, pendapatan keluarga dan status mereka dengan menyokong kewangan inklusif, melabur dalam infrastruktur dan memastikan akses yang lebih baik kepada air bersih dan sanitasi. Usaha menangani ketidaksamarataan ini amat penting bagi memastikan mobiliti sosioekonomi. Justeru, membuat pelaburan produktif jangka panjang dalam pendidikan asas berkualiti untuk semua kanak-kanak di Malaysia amat diperlukan bagi merapatkan jurang pendidikan dan pendapatan.

Pada bulan Disember 2019, Bank telah mengumumkan kerjasama dengan Majlis Agama Islam Sarawak (MIS) untuk mewujudkan pengurusan kewangan yang lebih baik di semua masjid melalui Program Integriti Kewangan untuk Masjid (PINK) di Sarawak. Inisiatif PINK bertujuan untuk meningkatkan ketelusan dan kecekapan masjid di negeri berkenaan dalam mengurus kewangan masing-masing melalui platform digital Bank Rakyat iaitu i-bizRakyat.

Melalui kerjasama ini, masjid yang terlibat mampu mengurus dan memantau wang sumbangan yang diterima secara sistematik menggunakan platform digital tersebut. Usaha ini juga akan memastikan sumbangan yang diterima oleh masjid dapat diagihkan secara telus untuk tujuan pembangunan ummah. Sarawak merupakan negeri pertama yang melaksanakan inisiatif PINK dan Bank bertekad untuk mencapai penglibatan sekurang-kurangnya 500 buah masjid atau 50 peratus masjid yang ada di negeri tersebut untuk menyertai program ini pada tahun 2020.

Bank Rakyat sentiasa meletakkan usaha menyumbang kepada masyarakat sebagai satu perkara penting. Sebagai sebuah bank yang bertanggungjawab mengendalikan perniagaan yang semakin berkembang, kami menganggap adalah menjadi kewajipan kami untuk memberikan sokongan kepada masyarakat sekeliling.



Kami menggunakan sumber kami sendiri untuk menyediakan bidang-bidang keperluan dalam masyarakat setempat bagi membantu mempertingkatkan taraf hidup. Peruntukan zakat kita sebanyak RM33 juta pada tahun ini akan memberi bantuan yang diperlukan bagi mempertingkatkan kedudukan ekonomi dan sosial golongan yang memerlukan.

Kita turut menyumbang secara berterusan untuk pembangunan sektor koperasi melalui pelbagai inisiatif dan mengeluarkan sebanyak RM35.03 juta atau 2% daripada PBTZ kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi dan 1% daripada PBTZ atau sebanyak RM17.52 juta kepada Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi. Sumbangan kita kepada kedua-dua tabung koperasi ini bagi tahun 2019 berjumlah RM52.55 juta.

Melalui pelbagai inisiatif dan usaha berterusan memperkasa masyarakat pada tahun ini, Bank telah diberi pelbagai pengiktirafan sebagai pemain industri dan sebuah organisasi koperasi terbilang di Malaysia dan di peringkat antarabangsa.

Bank juga telah diberi pengiktirafan sebagai Syarikat Terbaik Keseluruhan di majlis Anugerah CSR Malaysia 2019, Anugerah Sosial Impak Terbaik di majlis *Europa Awards for Sustainability EU-Malaysia Chamber of Commerce and Industry (EUMCCI)* 2019 dan Anugerah Perniagaan Bertanggungjawab Asia dalam Pemerikasaan Sosial 2019.



Berlandaskan lima teras, BR25 bertujuan untuk memesatkan Bank menjadi pemangkin diiktiraf secara global untuk pembangunan negara melalui penyediaan pelbagai jenis perkhidmatan kewangan berteraskan nilai-nilai Islam, masyarakat dan kelestarian.

Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

Di bawah pelan transformasi BR25, kita telah mengenal pasti enam pelan induk utama iaitu pendigitalan, pengalaman pelanggan yang memuaskan, pembangunan modal insan, Pusat Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), kelestarian dan kepimpinan Syariah. Untuk merealisasikan matlamat ini bagi menjadi 'Bank Pilihan' rakyat Malaysia, Bank telah melaksanakan pelan transformasi tersebut dengan mengintegrasikan kelestarian dalam strategi perniagaannya.

BR25 yang mengandungi tiga fasa menggariskan matlamat Bank sepanjang tempoh lima tahun akan datang. Pelan lima tahun sebelumnya ditujukan kepada pencapaian sehingga tahun 2022 sangat bermanfaat dalam mengekalkan kemantapan kedudukan kita dengan memfokus kepada kecemerlangan operasi dan pengukuhan asas kita. Dengan mengambil kira tiga unsur utama yang bertindak mentransformasi landskap perbankan global secara keseluruhan - pendigitalan, globalisasi dan penguatkuasaan - Lembaga Pengarah telah menyusun semula pelan BR25 tersebut.

Berlandaskan lima teras, BR25 bertujuan untuk mengukuhkan kedudukan Bank agar menjadi pemangkin diiktiraf secara global untuk pembangunan negara melalui penyediaan pelbagai jenis perkhidmatan kewangan berteraskan nilai-nilai Islam, masyarakat dan kelestarian.

Sebagai sebahagian daripada rancangan BR25, kita mempunyai matlamat untuk mencapai sistem perbankan Islam berintegrasi melalui Sistem Perbankan Teras (COBRA) pada tahun ini, yang dijadual akan beroperasi pada tahun 2020. COBRA memainkan peranan penting dalam usaha niaga digital Bank dan bermatlamat untuk menyumbang kepada pertumbuhan dan pembangunan masyarakat dan negara.

Di samping itu, melalui teras pertama yang memfokuskan kepada pelanggan dan anggota, Bank Rakyat berhasrat untuk menawarkan kadar pembiayaan paling berdaya saing bagi menyumbang ke arah pembangunan ekonomi dan sosial yang lebih berkesan menjelang akhir tahun 2025. Salah satu strategi yang akan dilaksanakan ialah dengan mengurangkan pergantungan Bank dalam portfolio pembiayaan peribadi.



Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif



Sepanjang beberapa tahun lepas, keteguhan Bank Rakyat dalam pembiayaan peribadi telah diperakui. Segmen ini terus menampilkan prestasi yang baik melalui pemotongan gaji secara automatik bagi segmen penjawat awam yang telah membolehkan nisbah baki kasar pembiayaan terjejas (GIF) di bawah 2%. Walau bagaimanapun, hampir 80% daripada jumlah portfolio pembiayaan kini meliputi pembiayaan peribadi, sementara 20% selebihnya terdiri daripada pembiayaan kenderaan dan perumahan serta pembiayaan koperasi.

Sambil bertekad untuk menyemarakkan lagi kemampuan dalam jangka masa panjang, kami juga sedar terhadap keperluan untuk mempelbagai portfolio pembiayaan Bank. Sehubungan dengan itu, Bank menyasarkan untuk mengurangkan pembiayaan peribadi kepada 70% daripada jumlah pembiayaan beberapa tahun akan datang dan mengembangkan pembiayaan perumahan, kenderaan, PKS dan koperasi. Pada tahun ini, kita akan mengembangkan pembiayaan kita kepada PKS dan koperasi.

Pembiayaan Bank kepada koperasi dan PKS pada masa ini adalah masih kecil iaitu sebanyak RM2.42 bilion daripada portfolio peribadi sebanyak RM55.53 bilion pada akhir 2018. Bank berhasrat untuk menggandakan pembiayaan kepada koperasi dan PKS kepada RM5 bilion menjelang akhir tahun 2025 dengan mewujudkan beberapa pusat yang bukan sahaja menyediakan pembiayaan, malah khidmat nasihat kepada PKS kerana kita sedar terhadap keperluan mewujudkan kelebihan baharu dalam sektor ini.

Peneguhan fokus Bank terhadap koperasi dan PKS seiring dengan pelancaran Dasar Keusahawanan Nasional 2030 oleh Kerajaan pada bulan Julai 2019. Dasar yang dibentangkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi yang mana Bank Rakyat merupakan agensi di bawahnya, bertujuan melipatgandakan perolehan koperasi supaya berkembang kepada RM60 bilion menjelang 2030 berbanding RM40.3 bilion pada 2018 dan bagi membolehkan sumbangan PKS kepada ekonomi meningkat kepada 50% berbanding 37.4% pada tempoh yang sama.

MASA DEPAN

TK19 merupakan tahun perubahan dan cabaran yang ketara, terutamanya dalam landskap ekonomi dan politik domestik. Bagi tahun 2020, Bank akan terus fokus untuk membantu koperasi, PKS dan perniagaan mikro dan pada masa yang sama tidak mengabaikan perniagaan runcit teras yang meliputi Pembiayaan Peribadi-i, Pembiayaan Kenderaan-i, Pembiayaan Perumahan-i dan Pajak Gadai-i Ar-Rahnu.

Selain daripada meluaskan portfolio pengeluaran pembiayaan, Bank juga gigih berusaha untuk memperhebatkan deposit CASA. CASA kita merupakan antara komposisi yang paling rendah dalam industri perbankan dan untuk menangani isu ini, kami merancang untuk mendekati masjid-masjid supaya deposit mereka disimpan dengan Bank serta pada masa yang sama meluaskan asas pasaran pelanggan kita.

Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif



Apabila pendigitalan akan menjadi fokus utama kita pada tahun-tahun akan datang, kita tidak mempunyai perancangan untuk menutup 147 cawangan sedia ada di seluruh negara walaupun kita menyasar untuk menambah baik kira-kira 30 cawangan Bank kepada saluran digital. Sistem COBRA yang disasar akan beroperasi pada bulan Oktober 2020 akan turut meliputi aplikasi perbankan mudah alih. Bank percaya inisiatif digital adalah penting dalam transformasi tawaran produk dan perkhidmatan Bank yang menggambarkan komitmen kepada pembiayaan beretika.

Bank Rakyat yang kini merupakan Bank koperasi Islam terbesar di Malaysia telah berjaya mencatatkan keuntungan operasi tahunan secara purata RM1.6 bilion secara konsisten sepanjang lima tahun lepas. Bank sedang mempersiapkan produk dan perkhidmatannya untuk menyumbang kepada masyarakat serta pelanggan bagi membuktikan komitmennya kepada masyarakat setempat. Bank Rakyat akan terus menginovasi strateginya serta menerokai kaedah baharu untuk berhubung dengan pelanggan dan anggota dengan mengamalkan budaya 'Berfikir Tanpa Kotak' (Boxless Thinking).

PENGHARGAAN

Saya dengan tulus ikhlas mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah memainkan peranan mengukuhkan asas Bank Rakyat sehingga membolehkan kita terus membawa organisasi ini ke hadapan dalam suasana persekitaran luaran yang sentiasa berubah. Bank berdepan dengan pelbagai cabaran pada tahun lepas dan saya amat menghargai panduan dan sokongan yang diberikan oleh anggota Lembaga Pengarah. Justeru, saya bagi pihak Jawatankuasa Pengurusan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan atas sokongan tersebut.

Pada masa yang sama, saya juga menyampaikan ucapan penghargaan kepada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Kementerian Kewangan, Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan seluruh badan penguatkuasa atas sokongan tidak ternilai yang diberikan.

Saya juga mengambil kesempatan ini mengucapkan jutaan terima kasih kepada seluruh pemegang kepentingan - anggota, pelanggan dan masyarakat setempat - kerana meletakkan kepercayaan anda sekalian terhadap Bank Rakyat sebagai 'Bank Pilihan Anda'.

Tidak dilupakan juga, ucapan terima kasih ditujukan kepada warga kerja Bank Rakyat kerana membolehkan Bank menghasilkan prestasi kewangan dan pertumbuhan teguh, atas kesungguhan dan usaha cemerlang anda dalam menyediakan perkhidmatan kepada pelanggan kita serta sokongan tidak berbelah bahagi untuk memenuhi tuntutan visi dan misi kita. Saya, bersama rakan-rakan sekerja dalam Jawatankuasa Pengurusan amat bangga terhadap kesungguhan dan komitmen yang ditampilkan oleh setiap warga kerja. Saya amat gembira melihat semangat dan dedikasi yang tinggi setiap warga kerja Bank dalam mendepani segala cabaran.

Sepanjang kita menelusuri tahun 2020, kita semua perlu berganding bahu dalam semangat satu pasukan dan mencabar diri kita untuk memastikan strategi BR25 menjana hasil dan seterusnya merealisasikan objektif Bank untuk 'Berkhidmat untuk Masyarakat dan Negara'.

DATO' ROSMAN MOHAMED
Ketua Pegawai Eksekutif

Perbincangan Pengurusan dan Analisis

Walaupun menghadapi cabaran ekonomi yang tidak menentu serta persaingan sengit dalam pasaran perbankan runcit, namun Bank Rakyat kekal berdaya tahan dengan menampilkan prestasi memberangsangkan pada TK2019. Pada tahun ini, kami mengekalkan kedudukan kami sebagai bank koperasi Islam paling menguntungkan serta institusi kewangan Islam kedua terbesar.

EKONOMI DUNIA TIDAK MENENTU

Ekonomi global berkembang sebanyak 2.9% pada tahun 2019 (2018: 3.6%), iaitu kadar pertumbuhan paling perlahan sepanjang tempoh 10 tahun, disebabkan oleh krisis perdagangan Amerika Syarikat (AS)-China yang berpanjangan dan belum selesai di samping isu Brexit U.K. yang memburukkan lagi kitaran kemelesetan dalam aktiviti pembuatan dan pelaburan global.

Ketidaktentuan dasar perdagangan dan krisis geopolitik di negara-negara maju dan sedang membangun menghimpit aktiviti ekonomi global, terutamanya aktiviti pembuatan dan perdagangan pada penggal kedua tahun 2019 sehingga menyebabkan perdagangan dunia hanya mampu mencapai pertumbuhan sebanyak 1.0% sahaja pada tahun ini (2018: 3.7%). Pencapaian ini merupakan pertumbuhan paling rendah pernah dicatatkan sejak tahun 2009.

Walaupun bagaimanapun, permintaan pengguna yang teguh serta polisi monetari yang bersifat lunak telah sedikit sebanyak menyediakan sokongan kepada pertumbuhan global.

Harga minyak mentah kekal stabil

Harga minyak secara relatif kekal stabil dan diniagakan di paras yang rendah sepanjang tahun 2019 walaupun berdepan dengan isu geopolitik yang tidak menentu disebabkan oleh arus pasaran minyak. Harga penanda aras minyak mentah Brent dunia secara purata mencapai US\$64 setong (/t) pada tahun 2019, US\$7/t lebih rendah berbanding US\$71 pada tahun 2018, sementara harga minyak mentah West Texas Intermediate (WTI) yang merupakan penanda aras AS, mencapai purata US\$57/t pada tahun 2019, US\$7/t lebih rendah berbanding US\$64 pada tahun 2018.

Harga minyak meningkat kepada US\$72.1/t bagi Brent dan US\$63.91/t bagi WTI pada bulan April 2019 berikutan pemulihan keadaan kewangan, gangguan tenaga di Venezuela dan keputusan AS menamatkan sekatan ke atas Iran. Walau bagaimanapun, harga melalui tekanan penyusutan apabila Donald Trump, Presiden AS, secara terbuka mendesak Negara-Negara Pertubuhan Pengeksport Petroleum (OPEC) dan Arab Saudi meningkatkan pengeluaran bagi memenuhi kekurangan bekalan yang diakibatkan oleh pembatalan sekatan ke atas import Iran. Selepas itu, harga minyak menjunam akibat pengeluaran mencatat rekod di AS dari bulan Oktober 2019 dan prospek pertumbuhan ekonomi yang lemah, terutamanya di negara-negara sedang membangun.

Pada bulan Julai 2019, OPEC dan para pengeksport bukan OPEC (termasuk Rusia) telah mencapai persetujuan untuk melanjutkan had pengeluaran minyak masing-masing untuk tempoh sembilan (9) bulan lagi mulai 1 Julai 2019 hingga 31 Mac 2020 sebagai tindak balas untuk menangani masalah penyusutan harga minyak. Harga minyak mentah berada di paras yang rendah pada akhir tahun 2019 kerana pengeluaran minyak mentah AS yang tinggi serta kelemahan permintaan dan kesuraman ekonomi global diburukkan lagi oleh kekurangan bekalan yang dicetuskan akibat sekatan AS ke atas Iran, had pengeluaran oleh negara-negara pengeksport serta kekacauan di Venezuela.

Emas mencatat keuntungan tahunan paling teguh sejak tahun 2010

Harga emas melonjak sebanyak 20.71% Tahun ke Tahun (Tkt) ke paras US\$1,517.27 pada akhir tahun 2019, kenaikan tahunan paling tinggi sejak tahun 2010. Ketidaktentuan yang dicetuskan akibat perselisihan perdagangan AS-China menjadi faktor utama yang menjejaskan pasaran emas pada tahun 2019. Kejatuhan nilai dolar AS, terutamanya antara bulan Februari dan Mac 2019 serta kebimbangan kemelesetan ekonomi global juga mendorong para pelabur untuk memegang aset yang lebih selamat. Perkembangan lain seperti protes di Hong Kong sejak bulan Jun 2019, isu Brexit, ketegangan di Timur Tengah dan dasar kadar faedah di peringkat global (terutamanya oleh Perbendaharaan AS) juga menyokong paras harga emas yang tinggi.

EKONOMI MALAYSIA MENCAPAI PERTUMBUHAN SEDERHANA

Ekonomi Malaysia terjejas disebabkan oleh cabaran luar dan domestik, berkembang pada kadar sederhana iaitu sebanyak 4.3% pada tahun 2019 (2018: 4.7%). Pencapaian ini merupakan pertumbuhan tahunan paling rendah sejak tahun 2019, sementara KDNK 4ST2019 sebanyak 4.3% merupakan pertumbuhan suku tahunan paling perlahan sepanjang tempoh 10 tahun.

Dasar utama dan peralihan politik yang terjadi daripada penutupan kerajaan persekutuan AS, perang perdagangan antara AS dan China dan isu Brexit menyumbang kepada kelemahan permintaan luaran yang telah menjejaskan eksport bersih serta aktiviti pelaburan Malaysia. Walau bagaimanapun, kelemahan aktiviti pelaburan telah dibantu dengan pengembalian semula bagi projek infrastruktur mega seperti East Coast Rail Link (ECRL), Bandar Malaysia, MRT2 dan LRT3.

Ekonomi domestik juga terjejas akibat gangguan bekalan dalam sektor komoditi dan pertanian. Ketidaktentuan dan ketiadaan hala tuju polisi yang jelas telah menyebabkan sentimen di pasaran pada tahun ini kekal rapuh.

Walaupun bagaimanapun, ekonomi domestik kekal kompetitif didorong oleh penggunaan swasta sebanyak 7.6% (2018: 8.0%). Sementara itu, penamatan Cukai Barangan dan Perkhidmatan sebelum pengembalian semula kepada Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) menyebabkan pertumbuhan yang lebih sederhana dalam penggunaan swasta pada tahun 2019. Perbelanjaan isi rumah disokong oleh kestabilan pendapatan secara berterusan, pertumbuhan guna tenaga dan langkah-langkah kerajaan seperti peningkatan gaji minimum dan pindahan tunai (contohnya Bantuan Sara Hidup) dan bonus untuk penjawat awam. Gaji nominal agregat dalam sektor swasta dan awam berkembang pada kadar yang lebih perlahan iaitu masing-masing sebanyak 4.2% dan 3.7% pada tahun 2019 (2018: 6.0% dan 4.5%).

Pasaran Buruh Stabil

Walaupun keadaan pasaran buruh lemah, ia kekal menyokong pertumbuhan. Pertumbuhan guna tenaga berkurangan sedikit iaitu sebanyak 2.1% (2018: 2.5%), menyumbang kepada pertambahan guna tenaga seramai 316,000 orang (2018: 360,250 orang). Kadar penyertaan tenaga buruh juga meningkat kepada 68.9% (2018: 68.3%), sementara kadar pengangguran stabil pada paras 3.3% (2018: 3.4%). Walau bagaimanapun, pemberhentian kerja meningkat kepada 29,605 orang (2018: 23,168 orang), menurut Jabatan Perangkaan Malaysia.

Deflasi buat pertama kali sejak 2009

Malaysia mengalami deflasi buat pertama kali sejak krisis kewangan global tahun 2009, di mana Indeks Harga Pengguna (IHP) bulanan menyusut kepada -0.7% Tkt dan -0.4% Tkt, masing-masing pada bulan Januari dan Februari 2019. Sementara itu, inflasi berkurangan ke 0.7% Tkt pada tahun 2019 (2018: 1.0% Tkt), terutamanya melalui lanjutan siling harga bahan api dan skim kawalan harga musim perayaan untuk beberapa jenis barang makanan, sementara penamatan dasar cukai penggunaan, terus memberi tekanan pengurangan kepada harga secara keseluruhan pada tahun 2019. Harga minyak dunia yang rendah dan keadaan bekalan makanan yang bertambah baik turut menyumbang kepada harga bahan api domestik dan makanan.

Perbincangan Pengurusan dan Analisis



Malaysia mengalami deflasi buat pertama kali sejak krisis kewangan global tahun 2009, di mana Indeks Harga Pengguna (IHP) bulanan susut kepada -0.7% TkT dan -0.4% TkT, masing-masing pada bulan Januari dan Februari 2019. Sementara itu, inflasi berkurangan ke 0.7% TkT pada tahun 2019 (2018: 1.0% TkT), terutamanya melalui lanjutan siling harga bahan api dan skim kawalan harga musim perayaan untuk beberapa jenis barang makanan, sementara penamatan dasar cukai penggunaan, terus memberi tekanan pengurangan kepada harga secara keseluruhan pada tahun 2019.

Dasar kewangan masih kondusif

Bank Negara Malaysia (BNM) mengurangkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) sebanyak 25 mata asas kepada 3.00% pada bulan Mei 2019, potongan kadar pertama sejak bulan Julai 2016. Langkah polisi monetari ini konsisten untuk menyokong laluan pertumbuhan yang lebih mantap dalam suasana kadar inflasi yang rendah. Menurut BNM, pengurangan OPR bertujuan untuk mengekalkan tahap akomodatif monetari bagi memastikan dasar kewangan kekal kondusif untuk mencapai pertumbuhan berterusan dan kestabilan harga.

Langkah ini mendorong perbelanjaan isi rumah yang mampan lalu menyokong penggunaan domestik dan pertumbuhan ekonomi. Kadar OPR yang rendah juga telah mengukuhkan aktiviti pembiayaan yang memanfaatkan isi rumah dan sektor perniagaan kerana kos pembiayaan yang rendah. Institusi kewangan kekal menguntungkan melalui sokongan aktiviti pemberian pembiayaan yang berterusan.

Prestasi FBMKLCI

Pada 31 Disember 2019, FBMKLCI mengalami kerugian sebanyak 6.02% atau 101 mata TkT, ditutup pada 1,588.76 mata (2018: -5.9% TkT kepada 1,690.58 mata), menjadikannya pasaran saham yang paling lemah dalam kalangan pasaran utama ASEAN. Permodalan pasaran menguncup sedikit, iaitu sebanyak 1.7% TkT kepada RM1.71 trilion (2018: RM1.73 trilion).

Indeks penanda aras meningkat dengan mantap pada awal tahun, didorong oleh pengukuhan nilai ringgit, pergerakan semula pelbagai projek mega, sentimen pelabur yang bertambah baik, dan suasana optimistik dalam sektor perladangan. Walau bagaimanapun, FBMKLCI susut disebabkan oleh pendapatan suku tahunan korporat yang kurang memberangsangkan, lalu menyebabkan prestasi negatif daripada beberapa sektor utama pada tahun ini. Pada tempoh setengah tahun kedua 2019, ia menyusut daripada paras tertinggi 1,731 mata pada bulan Februari, akibat ketidakpastian rundingan AS-China dan beberapa perkembangan geopolitik yang memaksanya menjunam ke paras bawah 1,600 pada akhir tahun 2019.

Tahun kedua pengaliran keluar pelaburan asing

Pelabur asing menarik keluar sebanyak RM11.14 bilion ekuiti dari Malaysia. Walaupun angka ini lebih rendah berbanding -RM11.69 bilion pada tahun sebelumnya, dana asing berubah menjadi pembeli bersih hanya selama 18 minggu daripada 52 minggu berbanding 31 minggu sebagai pembeli bersih pada tahun 2018. Walaupun berlaku perubahan kecil aliran keluar pelaburan asing bersih pada tahun 2019, pasaran ekuiti Malaysia masih mencatatkan aliran keluar paling besar di rantau ASEAN.

Pergerakan dalam pasaran ekuiti tempatan didorong oleh perubahan sentimen pelabur berikutan keadaan yang semakin tidak menentu di persekitaran luar. Penjualan berterusan oleh pelabur asing juga dicituskan oleh beberapa peristiwa di luar jangkaan seperti keputusan FTSE Russell mengekalkan Malaysia di bawah senarai pemerhatian bagi Indeks Bon Kerajaan Dunia.

Turun naik nilai ringgit

Ringgit mengakhiri tahun 2019 pada paras RM4.0925 berbanding USD, meningkat sebanyak 1.1% TKT (Dis 2018: RM4.1385/USD), tetapi secara purata lebih tinggi pada nilai RM4.1426 setiap USD (purata 2018: RM4.0328/USD). Matawang tempatan juga meningkat sedikit berbanding matawang kelompok pasaran dagangan rakan dagang utama Malaysia (NEER) sebanyak 0.8% pada tahun 2019 berikutan halangan berterusan peningkatan risiko di pasaran kewangan dunia dalam suasana krisis dagangan yang semakin buruk dan kebimbangan terhadap prospek pertumbuhan dunia.



Matawang tempatan menunjukkan pengukuhan ke paras tertinggi RM4.0615 berbanding dolar AS pada Mac sebelum jatuh ke paras RM4.2203 pada awal September 2019, sebahagiannya disebabkan oleh harga minyak mentah yang rendah. Ketiadaan pemangkin positif dalam ekonomi domestik serta keadaan politik yang tidak menentu melemahkan lagi nilai ringgit. Seterusnya nilai ringgit mengukuh pada akhir tahun berikutan jangkaan Perbendaharaan AS akan melaksanakan satu lagi potongan kadar faedah dan perkembangan positif rundingan dagangan AS-China serta peningkatan harga komoditi.

PERTUMBUHAN BERTERUSAN SEKTOR PERBANKAN

Walaupun beroperasi dalam persekitaran yang mencabar, sektor perbankan tempatan mencapai pertumbuhan berterusan pada tahun ini.

- **Pertumbuhan sederhana pembiayaan:** Pertumbuhan pembiayaan industri perbankan susut kepada 3.9% TkT (Dis 2018: 7.7% TkT), didorong oleh pertumbuhan sederhana segmen isi rumah (2019: 4.7% berbanding 2018: 8.3%) dan segmen bukan isi rumah (2019: 2.7% berbanding 2018: 6.8%) kerana sentimen perniagaan dan pengguna yang lemah pada tahun ini. Kewangan Islam mencatatkan

Kewangan Islam mencatatkan pertumbuhan yang perlahan iaitu sebanyak 8.3% pada tahun 2019 (2018: 17.8%), tetapi 39.2% lebih tinggi (2018: 37.7%) dari segi jumlah pembiayaan keseluruhan sektor perbankan. Nisbah pertumbuhan kewangan Islam menggambarkan peningkatan kesedaran yang berterusan pasaran terhadap penyelesaian kewangan Islam sebagai sebuah alternatif berdaya saing yang menyediakan nilai lebih baik berbanding kewangan konvensional.

pertumbuhan yang perlahan iaitu sebanyak 8.3% pada tahun 2019 (2018: 17.8%), tetapi meningkat kepada 39.2% (2018: 37.7%) dari segi jumlah pembiayaan keseluruhan sektor perbankan. Nisbah pertumbuhan kewangan Islam menggambarkan peningkatan kesedaran yang berterusan serta perluasan penerimaan pasaran terhadap penyelesaian kewangan Islam sebagai sebuah alternatif berdaya saing yang menyediakan nilai lebih baik berbanding kewangan konvensional.

Perbincangan Pengurusan dan Analisis

- **Kualiti aset kekal mantap:** Pembiayaan tidak berbayar kekal rendah bagi hampir keseluruhan portfolio kredit dan secara relatifnya stabil kerana jumlah pembiayaan tidak berbayar berbanding jumlah pembiayaan dalam sistem perbankan kekal di paras 1.5% (Dis 2018: 1.5%). Walaupun berlaku kemerosotan prestasi pembiayaan segmen isi rumah dan sektor perniagaan tertentu seperti dilaporkan oleh BNM, potensi kerugian kekal pada tahap penimbal kewangan bank. Pembiayaan tidak berbayar isi rumah secara keseluruhan terus didorong oleh pembiayaan hartanah kediaman yang meningkat dengan ketara sejak beberapa suku kebelakangan walaupun kesan kadar asas yang rendah. Pembiayaan tidak berbayar sektor perniagaan pula disebabkan oleh nilai yang besar khususnya dalam penyusutan sektor pembuatan dan pertanian.

- **Pertumbuhan deposit semakin perlahan:** Sepanjang tahun 2019, deposit sistem perbankan secara keseluruhan menunjukkan pertumbuhan perlahan, iaitu sebanyak 2.9% TkT (Dis 2018: 9.2% TkT), pencapaian paling rendah dalam tempoh tiga (3) tahun akibat kejatuhan deposit entiti perniagaan. Jumlah dana yang ditempatkan dengan bank-bank Islam mewakili 38.0% daripada deposit sektor perbankan secara keseluruhan (2018: 36.6%).

Pertumbuhan CASA pada tahun 2019 lebih tinggi iaitu sebanyak 6.7% TkT (2018: 1.2%), hampir sama dengan paras yang disumbang oleh pendeposit runcit dan bukan runcit serta didorong oleh persaingan sengit untuk meluaskan deposit. Nisbah CASA kepada jumlah deposit telah bertambah kepada 26.9% pada akhir Disember 2019 (purata 5 tahun: 26.2%, 2018: 25.6%).

- **Kecairan kekal mampan:** Nisbah Lindungan Kecairan (NLK) sistem perbankan yang menunjukkan kemampuan bank memenuhi keperluan kecairan sepanjang 30 hari tempoh tekanan, adalah sebanyak 149% pada akhir tahun 2019 (2018: 143%) di mana semua bank mencatatkan paras NLK di atas peraturan minimum 100%. Pelaksanaan keperluan Nisbah Pembiayaan Stabil Bersih (NPSB) bagi melengkapi NLK akan diperkukuhkan lagi dengan nisbah pematuan minimum 80% pada bulan Julai 2020 dan 100% pada bulan September 2021.

MEMENUHI MANDAT INSTITUSI KAMI

Kemajuan yang dicapai untuk memenuhi matlamat institusi kami pada tahun 2019 kekal positif di mana Bank berjaya memenuhi atau melepasi kebanyakan daripada sasaran 2019.



KESAN PEMBANGUNAN		
Objektif	Tindakan strategik	Prestasi Sebenar Disember 2019
Analisis impak paras tinggi pencapaian DFI		
• Sumbangan kepada pembangunan sektor koperasi	Pembiayaan geran bagi membolehkan koperasi mengeluarkan produk baharu dan menambah nilai kepada produk sedia ada • Tabung Amanah Pendidikan Koperasi • Tabung Kumpulan Wang Pembangunan Koperasi	Jangka Panjang • 2% daripada KSCZ • 1% daripada KSCZ
• Menyumbang kepada pembangunan sektor pendidikan	Pembiayaan geran anggota Bank Rakyat bagi membolehkan penyertaan pelajar mendapat pendidikan tinggi melalui bantuan kewangan • Peruntukan dana melalui Yayasan Bank Rakyat	• 0.50% daripada saham individu
OUTPUT SEKTOR DIMANDAT		
Pencapaian institusi dalam menyokong keperluan sektor sasaran		
• Pelaksanaan inisiatif khusus Kerajaan	Membantu usahawan Bumiputera luar bandar • Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED)	Jangka Sederhana SPED: • Penggunaan Dana (Diluluskan) - RM0.94 juta • 10 permohonan
	Membantu usahawan mikro membangunkan perniagaan mereka • Skim Pinjaman Penjaja Bergerak (SPPB)	Jangka Sederhana SPPB: • Pengeluaran keseluruhan - RM0.65 juta
	Pembangunan Keusahawanan Komprehensif dan Bersepadu • Menyediakan pembiayaan kepada koperasi	Jangka Sederhana Pembiayaan kepada Koperasi: • Diluluskan - RM183.09 juta
	Pembangunan Keusahawanan Komprehensif dan Bersepadu • Menyediakan pembiayaan kepada PKS dan usahawan mikro	Jangka Sederhana Pembiayaan kepada PKS dan Usahawan Mikro: • Diluluskan - RM203.54 juta
• Penyediaan khidmat nasihat dan rundingan	Penyediaan perkhidmatan tambah nilai untuk membangun dan memupuk PKS • Seminar untuk pembangunan koperasi dan usahawan	Jangka Sederhana • 13 seminar sepanjang tahun ini

KEMANTAPAN ORGANISASI		
Objektif	Tindakan Strategik	Prestasi Sebenar Disember 2019
Keperluan institusi mempermudah DFI bagi mencapai aktiviti dimandatkan		
• Mencapai kemampanan kewangan	Inisiatif dilaksanakan bagi mengekalkan keadaan operasi yang selamat dan mantap: Nisbah Modal Berwajaran Risiko (RWCR)	Jangka Panjang • 24.12%
	Nisbah Modal Teras	• 22.64%
	Nisbah Lindungan Kecairan	• 258.27%
	Nisbah Pembiayaan Stabil Bersih	• 106.70%
	Keuntungan Sebelum Cukai dan Zakat	• RM1.75 bil
	Pulangan Atas Dana Pemegang Saham (ROSF)	• 9.56%
	Pulangan Atas Aset (ROA) Keuntungan Sebelum Cukai dan Zakat	• 1.62%

TINJAUAN PRESTASI KEWANGAN

Kumpulan mencatat keuntungan sebelum cukai dan zakat sebanyak RM1.79 bilion pada TK2019 berbanding RM1.86 bilion pada TK2018 dan keuntungan bersih sebanyak RM1.15 bilion. Kestabilan keuntungan ini telah disumbang oleh pendapatan bersih yang meningkat sebanyak 3.26% Tkt, didorong oleh pertumbuhan pendapatan operasi teras dan kos pembiayaan lebih rendah berkurangan sebanyak 1.62% Tkt berikutan pengurangan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada setengah tahun kedua 2019. Usaha untuk meningkatkan CASA juga memberi kesan positif kepada pendapatan.

Jumlah aset meningkat sebanyak 2.6% atau RM2.73 bilion kepada RM109.62 bilion berbanding RM106.89 bilion pada akhir TK2018. Pertumbuhan didorong terutamanya oleh pembiayaan dan pendahuluan yang meningkat sebanyak 2.8% kepada RM70.97 bilion. Pulangan Atas Aset (ROA) pada tahun ini kekal sihat pada kadar 1.7% dan melebihi ROA industri perbankan domestik sebanyak 1.6%.

Baki pembiayaan kasar Kumpulan berjumlah RM72.42 bilion berbanding RM70.40 bilion pada TK2018 selepas Kumpulan mendapat kesan daripada langkah mempelbagai portfolio, terutamanya daripada pembiayaan perumahan, kenderaan dan perniagaan bagi memenuhi persaingan yang semakin hebat. Pembiayaan perumahan berkembang sebanyak 12.3% kepada RM6.65 bilion, sementara pembiayaan kenderaan meningkat sebanyak 11.2% kepada RM3.08 bilion. Pembiayaan perniagaan, terutamanya segmen koperasi pula berkembang



sebanyak 9.0% kepada RM2.42 bilion. Baki pembiayaan peribadi kami di paras RM55.53 bilion mencatatkan peningkatan sederhana sebanyak 1.2%, selaras dengan strategi jangka panjang Kumpulan untuk mengurangkan ketergantungan menyeluruh kepada pembiayaan peribadi.

Liputan Kerugian Pembiayaan kekal tinggi pada paras 127.3% (2018: 115.8%), mengatasi purata industri domestik sebanyak 89.6%. Di samping itu, pemantauan rapi secara berterusan terhadap kualiti aset kami telah membolehkan nisbah penurunan nilai pembiayaan kasar Kumpulan bertambah baik kepada 1.93% berbanding 2.12% sebelumnya.

Deposit Kumpulan berjumlah RM83.83 bilion pada tahun 2019 berbanding RM82.74 bilion sebelumnya. Baki CASA juga meningkat dengan ketara pada paras 15.1% kepada RM6.60 bilion.

Dana pemegang saham menunjukkan keteguhan kedudukan modal Kumpulan kerana ia meningkat sebanyak 9.4%

kepada RM19.55 bilion pada tahun 2019 (2018: RM17.87 bilion) hasil keuntungan bersih yang dicapai pada tahun ini. Pada 31 Disember 2019, selepas membayar dividen akhir dicadangkan, Nisbah Modal Berwajaran Risiko dan Nisbah Modal Teras kekal teguh, di mana masing-masing mencatatkan 23.6% dan 22.1%. Kedua-dua nisbah modal mengatasi keperluan peraturan minimum, menjadikan Kumpulan salah sebuah bank paling teguh dari segi kedudukan modal.

Kumpulan mengumumkan dividen sebanyak 14% dengan pembayaran dianggarkan berjumlah RM406 juta kepada semua anggota pada tahun 2019. Di samping itu, Kumpulan menyumbang sebanyak 2% daripada keuntungan sebelum cukai dan zakat sebanyak RM35 juta kepada Tabung Amanah Pendidikan Koperasi dan 1% atau RM18 juta kepada Kumpulan Wang Pembangunan Koperasi sebagai sebahagian daripada peranan yang dimandatkan dalam ekosistem koperasi. Pada tahun ini, jumlah sumbangan kami kepada tabung-tabung koperasi ini berjumlah RM53 juta.

Penarafan stabil

RAM Ratings Services Berhad (RAM) telah memperkukuhkan lagi penarafan institusi kewangan AA2/Stable/P1 Bank Rakyat bersama Sukunya yang diterbitkan menerusi saluran pembiayaan Bank. Penarafan ini diberikan kerana kedudukan pembiayaan peribadi (PP) Bank yang teguh serta kemandapan kapasitinya menyerap kerugian.

RAM mengakui bahawa dengan kedudukan modal yang teguh, Bank mempunyai penimbal yang baik daripada sebarang kemungkinan mengalami kerugian kredit. Pada akhir bulan Jun 2019, nisbah modal Basel 1 Tier 1 dan jumlah modal Bank (tidak termasuk keuntungannya pada tempoh fiskal pertengahan tahun pertama 2019), masing-masing berjumlah 21.1% dan 22.5%.

Kualiti aset Bank disokong oleh portfolio PP yang mendapat manfaat daripada pembayaran semula melalui pemotongan gaji dan mekanisme pindahan. Pada akhir bulan Jun 2019, nisbah pembiayaan turun nilai kasar keseluruhan Bank meningkat sedikit kepada 2.1% berikutan tahap pemulihan yang lebih tinggi dalam pembiayaan kepada sektor perniagaan.

**TINJAUAN OPERASI****Perbankan runcit****Pembiayaan Kasar**

Pembiayaan kasar meningkat sedikit iaitu sebanyak 2.98% berikutan penyatuan dan penyusunan fokus perniagaan, selaras dengan Pelan Perniagaan 5 Tahun (PP5T).

Pembiayaan Peribadi-i

Pembiayaan Peribadi-i kekal sebagai komponen utama perniagaan perbankan runcit Bank. Portfolio ini meningkat sebanyak 1.2% pada TK2019 berbanding penyusutan sebanyak 2.0% pada tahun sebelumnya berikutan usaha kami mengawal pertumbuhannya di bawah 1% setahun kerana kami mengambil langkah untuk mempelbagai ke dalam portfolio lain. Perbankan runcit berusaha meluaskan asas pelanggannya ke segmen pelanggan lain seperti sektor swasta dan bukan pendapatan tetap. Portfolio pembiayaan peribadi mencatat perolehan sebanyak RM55.53 bilion pada akhir tahun 2019.

Pembiayaan Perumahan-i

Segmen Pembiayaan Perumahan-i Bank Rakyat mencatatkan pertumbuhan ketara sebanyak 12.3% pada tahun 2019 kepada RM6.65 bilion berbanding RM5.92 bilion pada tahun 2018.

Pertumbuhan ini berjaya dicapai walaupun beroperasi dalam pasaran hartanah yang lembab berikutan langkah makro berhemat yang diperkenalkan oleh kerajaan dan Bank Negara Malaysia untuk memupuk pemberian pinjaman bertanggungjawab dalam sektor kewangan dan menghalang aktiviti spekulasi di pasaran. Ia juga disumbang oleh pemudahan harga hartanah kediaman dan kelemahan sentimen pengguna akibat kos sara hidup tinggi yang menekan permintaan untuk hartanah kediaman.

Pembiayaan Kenderaan-i

Pembiayaan ini merupakan skim ansuran fleksibel bagi pelanggan membeli kenderaan tempatan baharu dan kenderaan import dengan tempoh pembiayaan maksimum sehingga sembilan tahun. Pada tahun 2019, Pembiayaan Kenderaan-i mencatatkan pertumbuhan sebanyak 11.2% kepada RM3.08 bilion berbanding RM2.77 bilion pada tahun sebelumnya.

Pajak Gadai-i

Pajak Gadai-i (Pajak gadai Islam atau Ar-Rahnu) adalah alternatif kepada pajak gadai konvensional yang menyediakan tunai segera dan mudah sehingga RM350,000 berasaskan kepada prinsip Syariah. Ia menjadi salah satu produk kami yang paling berjaya sejak diperkenalkan pada tahun 1993. Perkhidmatan ini disediakan di 140 cawangan dan 45 saluran Ar-Rahnu X'Change yang beroperasi dari hari Isnin hingga Sabtu.

Kini Ar-Rahnu berada di kedudukan nombor satu di Malaysia dengan 45% bahagian pasaran dan menyumbang sebanyak RM1.94 bilion baki pada tahun 2019.

Deposit-i

Pada tahun 2019, jumlah deposit kami meningkat sebanyak 1.3% atau RM1.10 bilion kepada RM83.83 bilion berbanding RM82.74 bilion pada tahun 2018. Pada bulan Disember 2019, baki eCA-i kami berjumlah RM1.72 bilion, peningkatan sebanyak RM319.27 juta berbanding pencapaian pada tahun sebelumnya. Baki SA-i kami pula meningkat kepada RM4.88 bilion atau 12.6% berbanding kutipan pada tahun 2018. Sementara itu, baki TD-i pula meningkat sebanyak 3.3% kepada RM71.22 bilion.

Deposit kami mencapai peningkatan kecil selaras dengan pertumbuhan pembiayaan yang lebih baik secara keseluruhan dalam industri sebagai sebahagian daripada strategi mengurangkan pegangan Aset Cair Berkualiti Tinggi (HQLA) pada setengah tahun kedua 2019.

Perbankan perniagaan

Perbankan Perniagaan menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan pembiayaan yang menyediakan penyelesaian terbaik untuk keperluan pelanggan-pelanggan Korporat, Komersil, Koperasi, PKS dan Mikro.

Ringkasan Prestasi TK2019

- Aset Pembiayaan Keseluruhan meningkat sebanyak 6.78% kepada RM4,788.7 juta berbanding RM4,484.6 juta (TK2018).
- Pendapatan Pembiayaan meningkat sebanyak 4.75% kepada RM285.04 juta berbanding RM272.10 juta (TK2018).
- KSC berjumlah RM114.07 juta. KSC pada TK2018 adalah lebih tinggi kerana pembalikan rosot nilai pada tahun tersebut.

Sektor Pembiayaan

- Memenuhi mandat sebagai bank koperasi, pembiayaan kepada sektor Koperasi meliputi 50.6% daripada keseluruhan aset pembiayaan.
- Ia diikuti oleh sektor Pembinaan (19.17%) dan Kewangan, Insurans, Hartanah dan Aktiviti Perniagaan (14.56%).

Langkah ke hadapan

Perbankan Perniagaan menjangkakan Keseluruhan Aset Pembiayaan meningkat 9.0% kepada RM5.24 bilion pada tahun 2020 daripada RM4.78 bilion pada tahun berakhir 2019. Fokus utama akan ditumpukan kepada pembiayaan PKS, selaras dengan Pelan Strategik BR25 dan Pelan Induk PKS. Peluasan portfolio PKS Bank Rakyat adalah selaras dengan Dasar Keusahawanan Kebangsaan (NEP) baharu Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) yang bertujuan mengangkat Malaysia menjadi sebuah negara keusahawanan lengkap sepenuhnya menjelang tahun 2030. Ia bermatlamat untuk memperkukuh sumbangan ekonomi Perniagaan Kecil dan Sederhana (PKS) kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) kepada 50% menjelang tahun 2030 (daripada 37.4% pada tahun 2018).

Pembiayaan Mikro-i

Ditawarkan kepada usahawan mikro untuk membiayai keperluan perniagaan.

Perbankan Perniagaan	2015 (RM juta)	2016 (RM juta)	2017 (RM juta)	2018 (RM juta)	2019 (RM juta)
Aset pembiayaan	4,879.68	4,744.5	4,366.2	4,484.64	4,788.70
Pendapatan Pembiayaan	339.2	307.7	310.4	272.10	285.04
Keuntungan Sebelum Cukai (KSC)	221	67.3	164.4	200.79	114.07

Pembiayaan Mikro Ditawarkan kepada Usahawan Mikro

Pencapaian keseluruhan pembiayaan mikro bagi tahun 2019 adalah seperti berikut

Diluluskan - RM36.84 juta
Pengeluaran - RM36.36 juta
Baki Tertunggak - RM80.07 juta
Pendapatan - RM12.31 juta

Pembiayaan kepada Usahawan di bawah Dana Dimandatkan Kerajaan:**i) Skim Pembiayaan Ekonomi Luar Bandar (SPED)**

Pada bulan Disember 2019, RM195.70 juta telah dikeluarkan kepada 1,863 pemohon.

ii) Tabung Skim Peniaga dan Penjaja Mikro (MPPK-i)

Sejumlah RM79.69 juta telah dikeluarkan di bawah skim ini kepada 18,194 akaun pada bulan Disember 2019.

iii) Dana SME Corp: Program Pengkayaan dan Peningkatan (E²)

Pada bulan Disember 2019, sejumlah RM5.73 juta daripada dana ini telah dikeluarkan kepada 134 pelanggan bagi membantu mereka mengembangkan perniagaan mereka.

iv) Skim Pinjaman Penjaja Bergerak (SPPB)

Pada bulan Disember 2019, sejumlah RM1.16 juta di bawah skim ini telah dikeluarkan kepada 13 usahawan.

Saluran Penghantaran**Fokus Terhadap Saluran Maya**

Bagi memenuhi keperluan para pelanggan yang sentiasa berubah-ubah terhadap keperluan perkhidmatan perbankan secara maya, Bank Rakyat sentiasa mempunyai aspirasi yang tinggi dalam menyediakan pembaharuan yang dapat meningkatkan pengalaman pelanggan secara digital.

Buat masa ini, iRakyat merupakan saluran maya yang memenuhi keperluan pelanggan runcit manakala iBizRAKYAT telah diwujudkan bagi memenuhi keperluan pelanggan yang terdiri daripada organisasi perniagaan dan korporat. Melangkah ke hadapan, aplikasi perbankan mudah alih Bank Rakyat akan diperkenalkan bagi menyediakan pengalaman perbankan secara digital yang lebih menyeluruh.

Fokus Terhadap Saluran Fizikal

Saluran fizikal memainkan peranan yang penting dalam memelihara hubungan antara Bank dengan para pelanggan. Justeru itu, Bank Rakyat sentiasa menambahbaik dan meningkatkan kualiti perkhidmatan di semua saluran fizikal seluruh Malaysia. Ini bagi memastikan para pelanggan mendapat pengalaman perbankan secara fizikal yang terbaik dari semasa ke semasa disamping usaha bank dalam memperkasakan perkhidmatan secara digital.

Bank Rakyat kini mempunyai 147 cawangan, 4 Rakyat Xcess, 27 Ar-Rahnu X'Change dan 18 Rakyat Combo (gabungan Rakyat Xcess dan Ar-Rahnu X'Change) di samping mesin juruwang automatik (ATM) dan mesin deposit tunai (CDM), di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan masyarakat luar bandar yang mempunyai kemudahan perbankan yang agak terhad, Bank Rakyat turut melaksanakan tanggungjawab sosialnya dengan menyediakan kemudahan 4 buah Bank Bergerak dan 312 Ejen Bank (RAKYAT C.A.R.E).

Kepelbagaian Perkhidmatan

Bank Rakyat komited dalam mempelbagaikan urusan harian pelanggan yang tidak terhad hanya kepada urusan perbankan melalui jalinan kerjasama dengan pelbagai organisasi bagi menyediakan perkhidmatan yang memenuhi keperluan pelanggan. Kerjasama dengan pelbagai pihak antaranya Tabung Haji, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional, Merchante Asia Sdn. Bhd., Pejabat Daerah, Majlis Agama Islam Negeri-Negeri, Pusat Zakat Negeri, syarikat telekomunikasi adalah bertujuan bagi memastikan pelanggan mendapat manfaat dengan menjadikan Bank Rakyat sebagai satu pusat hentian perbankan mereka.

PERBENDAHARAAN

Tinjauan prestasi

Tahun 2019 memberi petunjuk paling jelas tentang dua pembahagian (*dichotomy*) antara fundamental asas di satu sudut dan kesan usaha mengubah (*alchemy*) bank-bank pusat ke atas harga aset, diikuti dengan sentimen pelabur yang bercampur di satu sudut lain.

Tinjauan FTSE Russell terhadap potensi mengecualikan Malaysia daripada WGBI telah menjejaskan sentimen pelabur sehingga menyebabkan keadaan yang tidak menentu di pasaran bon tempatan. Di samping itu, kelemahan pertumbuhan pendapatan korporat, ketegangan dagangan AS-China yang berterusan dan pengaliran keluar dana asing dari dalam negara terus menggoncang pasaran domestik. Walau bagaimanapun, paras rizab antarabangsa yang mencukupi, dasar kewangan yang baik serta kadar pertukaran wang asing yang fleksibel juga menyediakan penimbal kepada Malaysia daripada semua kejutan tersebut. Sungghpun susana suram di pasaran pada penghujung tahun 2018, namun pasaran ekuiti menghasilkan pulangan yang sangat teguh pada tahun 2019. Ringgit dan pasaran kewangan seperti bon juga menunjukkan prestasi yang baik. Pencapaian ini merupakan satu kemajuan di luar kebiasaan.

Sebahagian besar daripada portfolio kami adalah dalam pendapatan tetap terutamanya kerana ia menyediakan daya tahan serta keuntungan modal semasa pelaksanaan kitaran pemulihan oleh bank pusat dan pasaran matawang yang masih memberikan kami peningkatan semasa kitaran pertumbuhan ekonomi.

Pendorong paling besar terhadap keteguhan prestasi seluruh kelas aset ini pada tahun 2019 adalah dasar kewangan akomodatif oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Kadar Dasar Semalaman (OPR) telah dikurangkan sebanyak 25 mata, daripada 3.25% kepada 3.0%. Pada suku tahun keempat 2019, nisbah Keperluan Rizab Berkanun (SRR) telah dikurangkan daripada 3.50% kepada 3.0%. Pengurangan SRR telah dilaksanakan bagi mengekal kecukupan kecairan dalam sistem kewangan domestik. Ini akan terus menyokong kecekapan fungsi pasaran kewangan domestik dan mempermudah institusi perbankan mengurus kecairan secara berkesan.



Justeru, Perbendaharaan kekal mempertahankan keteguhan kedudukan kecairan bank sepanjang tempoh yang mencabar di pasaran sambil mempertingkatkan komposisi pembiayaan Bank serta mengoptimimum peruntukan asetnya dengan cekap. Jumlah pendapatan Perbendaharaan yang dijana adalah sebanyak RM1.424 bilion, dihasilkan terutamanya melalui keteguhan pemulihan ekuiti dan kepesatan prestasi pendapatan tetap. Perbendaharaan mampu mengekalkan pulangan portfolio secara keseluruhan dalam persekitaran hasil yang berkurangan, sambil pada masa sama, mengurangkan kos secara keseluruhan hasil pengurusan pembiayaan secara berhemat oleh jabatan pasaran wang untuk membiayai peluasan aset perbendaharaan dengan sokongan teguh daripada jualan perbendaharaan.

Perbendaharaan akan terus mendapat keuntungan daripada komposisi aset pendapatan tetapnya sambil mengekalkan kedudukan kecairan dalam suasana pasaran global yang sukar.

Langkah ke hadapan

Para pelabur menjangka penguncupan pertumbuhan global terus mengiringi tahun 2020 kerana perselisihan perdagangan serta intervensi para penggubal dasar. Rundingan perang perdagangan tiada kesudahan dan wabak COVID-19 yang belum pernah berlaku sebelum ini mencetuskan kebimbangan di kalangan pelabur di seluruh dunia. Pertukaran matawang asing dan aset pendapatan tetap dijangka akan menghadapi cabaran hebat kerana Dolar AS diramal akan terus meningkat berbanding matawang lain kerana statusnya yang dianggap selamat. Intervensi berskala besar dalam bentuk fiskal dan kewangan sudah tersedia untuk menghalang impak besar kemelesetan ekonomi.

Perbendaharaan akan terus mendapat keuntungan daripada komposisi aset pendapatan tetapnya sambil mengekalkan kedudukan kecairan dalam suasana pasaran global yang sukar. Ia akan memastikan kecairan yang mencukupi bagi operasi harian Bank dengan menggerakkan jentera pembiayaan kecairan.

Keutamaan strategik lain termasuk pengurusan secara aktif nisbah dalaman dan peraturan, sambil pada masa sama, menambahbaik komposisi pembiayaan dalam persekitaran kadar faedah rendah.

Semua pertimbangan ini menjadikan landskap pelaburan yang mencabar untuk diterajui sebagai langkah menuju ke hadapan. Perbendaharaan akan terus mengharapkan kedudukan yang seimbang, tetapi dipastikan bertahan, wajar dikekalkan dalam suasana norma baharu yang kita alami sekarang.

MELAKSANAKAN JANJI KEPADA PELANGGAN

Kami melaksanakan beberapa inisiatif pada tahun 2019 sebagai sebahagian daripada usaha berterusan kami menambahbaik pemilikan, pengekalan, kesetiaan dan kepuasan pelanggan serta usaha pemasaran dan penjenamaan Bank. Semua inisiatif ini meliputi Kaji Selidik Kepuasan Pelanggan Industri Perbankan (MBICSS), Membeli-belah Misteri (MS) dan Ucapan Selamat Hari Lahir kepada para pelanggan.

Kaji Selidik Kepuasan Pelanggan Industri Perbankan Malaysia

MBCISS telah dilaksanakan untuk menilai piawaian perkhidmatan pelanggan dalam industri perbankan tempatan serta mewujudkan penanda aras bersama bagi bank-bank di Malaysia bagi membantu pelanggan mereka membuat keputusan kewangan yang lebih baik. Selain itu, penemuan kaji selidik ini akan membantu industri memperkukuh amalan yang saksama dan bertanggungjawab, mempromosi kualiti dan ketelusan perkhidmatan pelanggan serta mengenal pasti keteguhan dan peluang masing-masing berbanding piawaian perkhidmatan industri minimum.

Kaji selidik ini merupakan usaha bersama dengan Persatuan Bank-Bank Malaysia (ABM) dan Persatuan Perbankan serta Institusi Kewangan Islam Malaysia (AIBIM) dengan sokongan penuh Bank Negara Malaysia (BNM). Sebanyak 20 buah bank mengambil bahagian dan 350 pelanggan menjadi peserta bagi setiap bank. Output MBICSS yang dikongsi di sini berasaskan sepenuhnya kepada pembentangan kepada Bank Rakyat mengenai prestasi Bank Rakyat.

Bidang ukuran:

1. Ukuran utama MBICSS adalah Skor Promoter Bersih (NPS). NPS (Promoter - Detractor) merupakan metrik terkemuka dunia untuk mengukur tahap kesetiaan.
2. Ukuran paras kedua merupakan Kepuasan Pelanggan secara keseluruhan mengikut Teras Piagam Perkhidmatan Pelanggan:
 - a) Prinsip 1: Kenali Pelanggan Anda
 - b) Prinsip 2: Perkhidmatan yang cekap dan menepati masa
 - c) Prinsip 3: Perkhidmatan yang telus dan berbudi pekerti
 - d) Prinsip 4: Perbankan yang mudah diakses

Keputusan:

1. Skor NPS adalah +42 menempatkan kami di kedudukan kesembilan (9) daripada 20 bank yang menyertai. Skor tersebut lebih tinggi daripada Penanda Aras Industri (+41).
2. Kepuasan Keseluruhan adalah 81%, menempatkan kami di kedudukan ke 13 daripada 20 bank yang menyertai. Bank Rakyat setara dengan Penanda Aras Industri (81%) dan di atas piawaian perkhidmatan minimum (80%).

Kami melaksanakan beberapa inisiatif pada tahun 2019 sebagai sebahagian daripada usaha berterusan kami menambahbaik pemilikan, pengekalan, kesetiaan dan kepuasan pelanggan serta menambahbaik usaha pemasaran dan penjenamaan Bank.

Tiga (3) pendorong terunggul NPS meliputi:

1. Faktor pengalaman adalah pendorong utama terutamanya terhadap kepuasan keseluruhan.
2. Produk dan perkhidmatan ditawarkan unik dan berbeza daripada yang lain.
3. Produk dan perkhidmatan ditawarkan relevan dengan keperluan.

Untuk menggalakkan pelanggan memberi tahap syor yang tinggi (Promoter), antara perkara yang memerlukan penambahbaikan adalah pengalaman berkaitan cawangan dan fungsi ATM/CDM.

Berasaskan kepada kaji selidik tersebut, Prinsip paling penting untuk mendorong kepuasan pelanggan ialah Prinsip 4, diikuti dengan Prinsip 1.

Penilaian pelanggan misteri

Objektif *Mystery Shopper* (MS) adalah untuk mengukur konsistensi SOP yang dilaksanakan oleh cawangan bagi memastikan cawangan menyampaikan pengalaman pelanggan yang hebat, untuk mengenal pasti jurang dan perkara yang memerlukan penambahbaikan, bagi menilai prestasi Duta Perkhidmatan Pelanggan (CSA) dan penilaian prestasi 147 cawangan diukur setiap tahun.

Keputusan:

Skor keseluruhan adalah 84%, memenuhi piawaian perkhidmatan minimum (80%).

Keteguhan kami adalah SST dan fasad luaran/dalaman di mana kami memastikan kebersihan, kekemasan dan hiasan yang minimal.

Perkara yang menjadi keutamaan adalah ucapan sambutan oleh Duta Perkhidmatan Pelanggan (CSA) dan penjualan bersilang produk lain oleh wakil jualan dan juruwang.

Pelan Tindakan:

1. Zon Pengurusan Perkhidmatan Pelanggan (CMSZ) sentiasa mengadakan sesi Libat Urus Cawangan dan Wilayah bagi berkongsi keputusan kaji selidik, untuk memupuk budaya perkhidmatan pelanggan berprestasi tinggi, menampilkan perkara-perkara memerlukan penambahbaikan, mengenal pasti cabaran, menyediakan sokongan dan panduan.
2. Melaksana Latihan Perkhidmatan Pelanggan dengan tujuan mencapai pengekalan dan menarik pelanggan baharu serta mengekal prestasi perniagaan Bank.
3. Pelaksanaan Duta Perkhidmatan Pelanggan bertindak sebagai titik pertemuan pertama dengan pelanggan, memahami dan menangani keperluan dan kehendak pelanggan.
4. Mewujudkan Masa Pusing Ganti Ibu Pejabat (TAT). Inisiatif ini bertujuan memastikan semua jabatan menyampaikan piawaian perkhidmatan yang tinggi, menambahbaik masa bertindak balas, mengenal pasti pendorong kepuasan pelanggan dan mengenal pasti jurang dan perkara-perkara memerlukan penambahbaikan.
5. Menambahbaik proses pengendalian aduan dan mempertingkatkan sistem aduan (Sistem Pengurusan Pelanggan) untuk menunjukkan bahawa Bank serius dalam menyampaikan penyelesaian perselisihan dengan pantas.

Ucapan selamat hari lahir

Untuk membuatkan pelanggan berasa diiktiraf, dihargai, dihormati dan wajar diberi layanan istimewa, kami menghantar ucapan selamat hari lahir kepada 193,717 penerima pada tahun ini.

Pengurusan aduan

Pada tahun 2019, 94% daripada jumlah aduan telah diselesaikan dalam tempoh 14 hari.

MEMANFAATKAN TEKNOLOGI

Teknologi terus mempengaruhi penyediaan perkhidmatan kewangan dan dijangka akan menjadi semakin penting seiring dengan langkah kita memasuki zaman digital. Pada tahun ini, kami telah menyediakan peningkatan tambahan dalam pelbagai tawaran perkhidmatan kami bagi memastikan kecekapan operasi dan keselesaan pelanggan kami.

Platform Pembayaran Runcit Masa Sebenar (RPP)

RPP mendorong lonjakan kemajuan yang sangat pesat dalam infrastruktur pembayaran dengan menawarkan kaedah membayar yang lebih mudah melalui Perkhidmatan Alamat Proksi kepada para



Sistem perbankan seluruh syarikat iaitu Sistem Perbankan Teras (COBRA) dijadual akan beroperasi pada tahun depan dan akan memainkan peranan utama dalam usaha niaga digital kami. Pada tahun ini, kami telah mengadakan sesi townhall bagi berkongsi perkembangan mengenai inisiatif COBRA kepada semua kakitangan. COBRA akan menjadi sistem perbankan teras bersepadu baharu; menggunakan teknologi digital terkini yang akan membolehkan fleksibiliti dan penskalaan bagi mendorong pertumbuhan perniagaan kami.

pengguna melalui institusi yang mengambil bahagian. Para pelanggan yang berdaftar dengan Perkhidmatan Alamat Proksi boleh menerima pembayaran melalui maklumat mudah dicapai seperti nombor telefon mudah alih atau nombor Kad Pengenalan tanpa menggunakan maklumat akaun bank. Pengguna juga boleh memindahkan pengenal pasti Perkhidmatan Alamat Proksi mereka antara akaun atau institusi kewangan, dan dengan demikian membolehkan pelanggan lebih selesa terhadap aliran pembayaran yang mereka bakal terima.



COBRA (Sistem Perbankan Teras)

Sistem perbankan seluruh syarikat iaitu Sistem Perbankan Teras (COBRA) dijadual akan beroperasi pada tahun depan dan akan memainkan peranan utama dalam usaha niaga digital kami. Pada tahun ini, kami telah mengadakan sesi townhall bagi berkongsi perkembangan mengenai inisiatif COBRA kepada semua warga kerja. COBRA akan menjadi sistem perbankan teras bersepadu baharu; menggunakan teknologi digital terkini yang akan membolehkan fleksibiliti dan penskalaan bagi mendorong pertumbuhan perniagaan kami.

Peningkatan keselamatan Perbankan Internet

Pada tahun ini, kami telah mempertingkatkan parameter yang diperlukan untuk kata laluan iRakyat pelanggan dengan memasukkan digit dan simbol khas bersama huruf besar dan kecil sebagai usaha memperkukuh keselamatan platform perbankan atas talian iRakyat. Kami juga telah memperkenalkan ujian CAPTCHA dan ciri keselamatan lain bagi menjaga tahap keselamatan transaksi iRakyat, termasuk daripada serangan bertubi-tubi.

Sistem baharu ini dijangka akan merealisasikan manfaat berikut:



Perbankan internet korporat

Perkhidmatan perbankan internet korporat kami telah dinaik taraf pada tahun ini dengan penggantian platform iRakyat Commerce bagi menyediakan Perkhidmatan Pengurusan Tunai kepada pelanggan korporat atas talian kami melalui saluran berorientasi pelanggan dan selamat. Inisiatif ini juga menyediakan pemprosesan terus bagi pelanggan korporat melaksanakan transaksi dan membolehkan mereka melihat data perniagaan di seluruh unit operasi masing-masing.



Sistem Pengurusan Risiko Perniagaan (ERMS)

Pelaksanaan Sistem Pengurusan Risiko Perniagaan sangat penting bagi mempermudah membuat keputusan untuk mencapai matlamat pelan strategik serta mengurus persekitaran perniagaan di luar dugaan. Pada tahun ini, kami berjaya melaksanakan modul ERMS berikut:

- Risiko Pasaran
- Risiko Kredit
- Pengurusan Risiko Perniagaan
- Perancangan Modal Berasaskan Risiko

Perbincangan Pengurusan dan Analisis

PENGLIBATAN KAMI BERSAMA KOMUNITI

Inisiatif CSR kami memberi kesan 21,012 penerima manfaat yang mana sebanyak RM478,472 telah dibelanjakan untuk program Nuri Nutrisi di 45 buah sekolah di seluruh negara. Kami juga telah memperkenalkan Kebun Nuri Nutrisi di lima buah sekolah.

Nuri Nutrisi

Pada bulan Januari 2019, kami telah mengadakan acara Berbasikal Nuri Nutrisi untuk kebajikan di Perlis sebagai sebahagian daripada program Nuri Nutrisi. DYTM Tuanku Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibnu Tuanku Syed Sirajuddin Jamalulail telah mencemar duli berangkat ke majlis pembukaan cara tersebut. Acara ini merupakan permulaan inisiatif Nuri Nutrisi yang merupakan teras dalam Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Bank bagi tahun 2019.

Program ini bertujuan untuk menyalurkan makanan berkhasiat kepada kanak-kanak daripada keluarga B40. Melalui program ini, setiap kanak-kanak akan mendapat perspektif positif mengenai kepentingan mengamalkan pengambilan makanan berkhasiat dan tabiat pemakanan yang sihat.

Antara matlamat pembangunan kelestarian program Nuri Nutrisi yang selari dengan matlamat SDG adalah membasmi kemiskinan

dan kebuluran, menjamin kesihatan dan kesejahteraan, menyediakan pendidikan berkualiti dan air bersih serta mengurangkan isu ketidaksamarataan sejagat. Program ini juga bertujuan mewujudkan 'Kehidupan Lestari' dalam kalangan komuniti setempat dengan pelbagai usaha dilaksanakan untuk menambatkan status pemakanan komuniti tersebut serta melindungi keperluan sosial mereka. Pada tahun 2019, seramai 6,785 pelajar mendapat manfaat daripada program Nuri Nutrisi.

Permuafakatan dengan PBB

Program Nuri Nutrisi turut merintis laluan kepada kami untuk menjadi organisasi tempatan pertama menjalin kerjasama dengan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dalam program 'Bersama Mencapai Matlamat Pembangunan Lestari' (SDG). Hab Bersama Untuk Mencapai SDG direka berasaskan prinsip sumber ramai dan bertindak balas kepada keperluan mobilisasi sumber dengan memadan penyumbang kewangan dan bukan kewangan dalam membentuk inisiatif bagi menangani jurang berkaitan SDG dalam bidang-bidang Tiada Sesiapa Tercicir, Kesaksamaan Gender dan Pemerkasaan Wanita dan Kelestarian Alam Sekitar. Inisiatif kami di bawah program ini dikembangkan melalui program Nuri Nutrisi, pada masa sama kami juga telah melaksanakan pelbagai aktiviti yang sejajar dengan SDG berkaitan.






Ini meliputi SDG ke-6: Air bersih dan sanitasi yang mana program Sekolah Lestari-Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) telah dianjurkan bersama dengan Jabatan Alam Sekitar dan Kementerian Pendidikan dengan sokongan teknikal daripada Institut Pembangunan Alam Sekitar (LESTARI) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Inisiatif yang mendidik golongan muda supaya menjaga kebersihan tandas dan sentiasa menjaga kebersihannya untuk mengelak tercetusnya wabak penyakit dan jangkitan telah mencecah 14,264 pelajar pada tahun 2019 dan memanfaatkan 16,308 pelajar sejak tahun 2017. Majlis penyampaian anugerah SLAAS bagi 2018/2019 telah diadakan pada 19 Oktober 2019 bersempena dengan Hari Alam Sekitar.

Selari dengan SDG ke-14: Hidupan di Lautan: YBR bersama Universiti Malaysia Terengganu menganjurkan program pendidikan Kesedaran Terumbu Karang untuk mengganti terumbu karang yang rosak di beberapa kawasan terjejas. Satu bengkel pemuliharaan terumbu karang juga telah diadakan bagi membincangkan usaha pemuliharaan dan cara-cara untuk meningkatkan tahap kesedaran mengenai isu tersebut di kalangan komuniti setempat. Selain itu, bagi memastikan kelestarian jangka panjang melalui kesedaran tentang keperluan pemuliharaan alam sekitar, YBR telah menganjurkan dua siri Program Pendidikan Kitar Semula di kejohanan Bola Sepak 7 Sebelah 1 Murid 1 Sukan KKPM-YBR (Kejohanan 7 S1M1S) dan melalui penyertaannya dalam Hari Sukan Kebangsaan. Program ini bertujuan meningkatkan tahap kesedaran terhadap alam sekitar dalam kalangan anak muda melalui pengasingan sisa kaca, kertas, tin dan plastik. Seramai 470 peserta terlibat dalam Program Pendidikan Kitar Semula, sementara usaha pemulihan terumbu karang pula mencatatkan 145 orang peserta.

Pada bulan Disember 2019, kami melancarkan Pusat Pembangunan Keusahawanan kami di Pulau Bum Bum serta menyerahkan peralatan memproses hasil laut sebagai usaha mewujudkan peluang pekerjaan kepada komuniti setempat.



Perbincangan Pengurusan dan Analisis

No.	Program	Bilangan Penerima	Matlamat Pembangunan Lestari (SDG)	
1.	Nuri Nutrisi SMK Sanglang, Perlis	20	 Matlamat 1 - Membasmi Kemiskinan	
2.	Nuri Nutrisi SMK Langkawi Pulau Tuba	20		
3.	Nuri Nutrisi SK Bagan Nyior, Langkawi	20		
4.	Nuri Nutrisi SK Lubuk Cempedak, Langkawi	20		
5.	Nuri Nutrisi SK Tuba, Langkawi	20		
6.	Kebun Nuri Nutrisi Tunku Putra, Perlis	100		
7.	Nuri Nutrisi Kulai, Johor	50		
8.	Nuri Nutrisi Kota Bharu, Kelantan	5		
9.	Nuri Nutrisi Dungun, Terengganu	4		
10.	Nuri Nutrisi SK Majidi, Johor Bahru	31		
11.	Nuri Nutrisi UniMAP, Perlis	50		
12.	Nuri Nutrisi Kejohanan Olahraga Pendidikan Khas	800		
13.	Walkathon UiTM Melaka bersama Bank Rakyat	200		
14.	Nuri Nutrisi SK Lendu, Melaka	30		
15.	Nuri Nutrisi Dato' Naning, Melaka	30		
16.	Nuri Nutrisi Sungai Petai, Melaka	30		
17.	Kebun Nuri Nutrisi UiTM Jasin, Melaka	90		
18.	Nuri Nutrisi Pulau Mabul, Semporna, Sabah	30		
19.	Kasih BRamadan SK Kampung Tun Ku, PJ	200		 Matlamat 2 - Membasmi Kebuluran
20.	Kasih BRamadan SK Sungei Way, PJ			
21.	Kasih BRamadan SMK Taman Medan, PJ			
22.	Kasih BRamadan SK Iskandar, Alor Setar, Kedah			
23.	Kasih BRamadan SK Seri Cempaka, Kota Bharu, Kelantan			
24.	Kasih BRamadan SMK Agama Sheikh Hj Mohd Said, Seremban			
25.	Kasih BRamadan SMK Muara Tuang, Kota Samarahan			
26.	Kasih BRamadan SMK Majakir, Papar			
27.	Nuri Nutrisi Aidilfitri Bank Rakyat - Buletin Sukan TV3		15	
28.	Nuri Nutrisi SK Subang Bestari 2		30	
29.	Nuri Nutrisi SMK Lela Segara, Kuala Terengganu	30	 Matlamat 3 - Kesihatan dan Kesejahteraan	
30.	Nuri Nutrisi Tok Adis, Kuala Terengganu	30		
31.	Nuri Nutrisi di <i>Cries of The Germs</i> UiTM Shah Alam	200		
32.	Nuri Nutrisi SMK Tengku Sulaiman, Perlis	30		
33.	Nuri Nutrisi SK Green Lane, Georgetown, Pulau Pinang	30		
34.	Pusat Pembangunan Usahawan Pulau Bum Bum, Semporna, Sabah	80		
35.	Nuri Nutrisi SK Balimbang, Semporna, Sabah	30		
36.	Nuri Nutrisi SMK Bum Bum, Semporna, Sabah	30		
37.	Nuri Nutrisi Bank Rakyat bersama FELDA Mempaga, Pahang	30		
38.	Pameran Nuri Nutrisi di Muzium Negara	150		
39.	Kebun Nuri Nutrisi Kolej Vokasional Kuching	491	 Matlamat 4 - Pendidikan Berkualiti	
40.	Nuri Nutrisi SK Green Lane, Georgetown, Pulau Pinang	30		
41.	Kebun Nuri Nutrisi SK Green Lane, Georgetown, Pulau Pinang	991		
42.	Kebun Nuri Nutrisi PERKIM, Alor Setar, Kedah	47		
43.	Larian Bear-A-Thon MSU bersama Bank Rakyat	500		
44.	Nuri Nutrisi SK Seksyen 24	150		
45.	Nuri Nutrisi SK Bandar Anggerik	150		
46.	Nuri Nutrisi SK Seksyen 13	150		
47.	Penyerahan penapis air bersih oleh Bank Rakyat kepada UniMAP	250		 Matlamat 6 - Air Bersih dan Sanitasi
48.	Kempen 3R Bank Rakyat (<i>Reduce, Reuse, Recycle</i>)	1,591		
JUMLAH		6,785		

Perbincangan Pengurusan dan Analisis



MEMBINA ASAS UNTUK MASA DEPAN KITA: BANK RAKYAT 2025

Pada tahun ini, kami telah melancarkan pelan strategik Bank Rakyat 2025 (BR25). Pelan lima tahun ini akan membolehkan kami memenuhi mandat Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC), yang terkandung di dalam Dasar Keusahawanan Negara 2030 dan aspirasi sosioekonomi jangka panjang negara.

BR25 akan turut menjadi panduan kami ke arah memperkukuhkan kemampan Bank dengan menyepadukan kelestarian ke dalam strategi perniagaan bagi mencapai pertumbuhan mampan dan impak positif, bukan sekadar untuk operasi dalaman, bahkan untuk komuniti dan negara.

Kami telah mengenal pasti lima teras yang menjadi tunjang BR25: Pelanggan dan Anggota; Digitalisasi & Analitik; Kolaboratif & Kerjasama; Manusia; dan Kelestarian melalui hasil teras-terasi ini:

TERAS 1
Penambahbaikan Pembangunan Ekonomi dan Sosial

TERAS 2
Pengalaman Terbaik Pelanggan

TERAS 3
Inovasi dan Matlamat Ekosistem Bersama Dipercepatkan

TERAS 4
Budaya Berprestasi Tinggi

TERAS 5
Menjangkau Kewangan Islam

Sehingga Mac 2020, kami telah menyelesaikan Fasa 1 dan 2 dalam BR25 yang meliputi pembentukan aspirasi dan merangka strategi.

Program Pendidikan

Yayasan Bank Rakyat terus membiayai program Pembiayaan Pendidikan Boleh Ubah (PPBU) yang menyalurkan bantuan kewangan kepada pelajar yang kurang bernasib baik yang ingin melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat pengajian tinggi. Pada 2019, 758 orang pelajar menerima bantuan berjumlah RM20.07 juta. Sejak 2008, seramai 4,849 penerima mendapat manfaat daripada bantuan kewangan berjumlah RM130.0 juta bagi melanjutkan pelajaran mereka di dalam dan luar negeri dari peringkat diploma hinggalah ke peringkat PhD.

Pada tahun ini, Yayasan Bank Rakyat telah melancarkan Biasiswa Yayasan Bank Rakyat yang menyediakan biasiswa kepada pelajar cemerlang melanjutkan pelajaran mereka di peringkat ijazah Sarjana Muda di dalam negeri. Biasiswa tersebut memberi peluang kepada lulusan SPM, diploma dan penuntut peringkat ijazah pertama menyambung pengajian mereka sambil membantu memperbaiki status sosioekonomi mereka. Seramai 24 pelajar telah menerima biasiswa berjumlah RM2.25 juta sepanjang tahun ini.

Di samping menyediakan pembiayaan dan biasiswa, Biasiswa Yayasan Bank Rakyat turut mengiktiraf kegigihan penuntut mengekalkan keputusan cemerlang sepanjang tempoh pengajian mereka melalui Majlis Anugerah Graduan Cemerlang. Seramai 47 siswazah menerima hadiah RM1,000 setiap seorang di Majlis Anugerah Graduan Cemerlang 2019, yang diharap akan menyemarakkan lagi semangat pelajar yang sedang mengikuti pengajian masing-masing.

Program Pembangunan Pelajar kami memastikan penerima biasiswa dan bantuan kewangan ini mendapat pendidikan yang seimbang bagi menghasilkan individu serba boleh dan berdaya pasar yang tinggi. Pada 2019, seramai 1,029 penerima biasiswa telah mengambil bahagian dalam program yang berlangsung dalam dua sesi pada tahun ini, program tahunan tersebut turut menyentuh pembangunan kepimpinan kemanusiaan melalui kerjasama dengan MERCY Malaysia, yang mendedahkan mereka kepada pelbagai aspek kerja kebajikan.

Bagi mengekalkan momentum pelajar sepanjang tempoh pengajian mereka, Program Pemantapan Pelajar YBR menyediakan sokongan berterusan kepada pelajar yang mencatatkan CGPA kurang daripada 3.0. Program ini bermatlamat untuk memotivasi dan memberi inspirasi kepada pelajar agar sentiasa fokus terhadap pengajian mereka. Program ini juga menyediakan platform kepada pelajar untuk berasa dihargai dan berkongsi cabaran yang sedang mereka hadapi. Seramai 103 pelajar telah mengambil bahagian dalam program ini pada tahun 2019.

Yayasan Bank Rakyat terus menaja program Seminar Didik Rakyat dengan kerjasama Berita Harian bagi menyokong calon-calon yang menduduki peperiksaan UPSR, PT3 dan SPM. 51 seminar diadakan di seluruh negara pada 2019 yang melibatkan 11,202 pelajar. Sejak 2014, 64,133 pelajar telah menyertai program ini.

Yayasan Bank Rakyat turut mengadakan Program *Icon Live Up the Dreams*, sebuah program motivasi bersama-sama penceramah terkenal yang boleh menjadi teladan kepada pelajar selepas mereka menamatkan persekolahan. Pada 2019, sebanyak 30 buah sekolah dengan 9,684 pelajar telah menyertai program ini. Sejak 2014, program ini telah memberi manfaat kepada seramai 32,741 pelajar.

Program Tuition Rakyat yang diadakan sejak 2015 memberi bantuan tuisyen dan kelas tambahan kepada pelajar kurang berkemampuan dan bagi merapatkan jurang perbezaan antara pelajar bandar dengan luar bandar. Pada 2019, sebanyak 199 buah sekolah telah menerima bantuan kelas Tuition Rakyat yang melibatkan 9,050 pelajar. Sehingga kini, 67,223 pelajar telah mendapat manfaat daripada kelas Tuition Rakyat ini.

Sejajar dengan fokus Kementerian Pendidikan terhadap konsep STREAM (*Science, Technology, Reading, Engineering, Arts and Mathematics*) di sekolah, Yayasan Bank Rakyat telah melancarkan inisiatif bas pintar Nuri Lab yang menyediakan pelbagai modul dan aktiviti pembelajaran yang kreatif dan interaktif.

Pasukan Nuri Lab yang bergerak ke seluruh semenanjung Malaysia, telah membuka peluang pembelajaran yang menyeronokkan dan bermaklumat kepada 26,258 pelajar di 91 lokasi di luar bilik darjah. Mula beroperasi sejak 2018, bas pintar ini telah sampai kepada 56,753 pelajar, dengan fokus terutamanya kepada pelajar sekolah rendah.

Sebagai sebahagian daripada kempen Kembali ke Sekolah 2020, kami telah menyalurkan RM100 kepada 100 pelajar sekolah menengah dan rendah daripada kumpulan B40 di 136 lokasi di Malaysia untuk membantu mereka membuat persediaan bagi memulakan tahun baharu persekolahan. Seramai 14,264 pelajar mendapat manfaat daripada program Kembali ke Sekolah ini. Menerusi kerjasama dengan cawangan, kami menyalurkan bantuan ini kepada pelajar yang layak dengan membuka Akaun Simpanan-Nuri Bank Rakyat. Seramai 18,871 pelajar telah menerima bantuan ini sejak 2018.

Program BR Protégé kami merupakan program latihan profesional yang mempunyai objektif untuk melatih penasihat kewangan profesional dengan menyediakan ruang bagi mereka menimba pengalaman sambil membuka peluang kerjaya. Program sepanjang tahun ini mendedahkan para pelatih kepada latihan pengurusan berkaitan serta kemahiran sendiri. Selain sesi di dalam kelas, para peserta juga ditempatkan di cawangan-cawangan bank kami. Pada tahun 2019, 51 siswazah telah ditawarkan menyertai program ini dengan penempatan di salah sebuah daripada 51 cawangan kami.

YBR menjadi penaja utama bagi Pertandingan Robattle Antarabangsa UniCKL 2019, yang merupakan tahun kedua Yayasan ini menjadi penaja utama acara ini. Bermatlamat untuk memupuk minat dalam bidang keusahawanan dan robotik dalam kalangan remaja, acara ini disertai oleh 250 orang pelajar yang mewakili 67 pasukan dari institusi pengajian tinggi awam dan swasta serta sekolah menengah dan rendah dari seluruh negara. Kolej Kemahiran Tinggi Mara Balik Pulau yang dinobatkan sebagai juara keseluruhan, telah menerima hadiah wang tunai RM2,000.

Program Kemasyarakatan

Program *Community Heroes* YBR bermatlamat untuk menggalakkan amalan kerja amal dalam kalangan penerima biasiswa YBR serta orang ramai. Program yang berlangsung sepanjang tahun ini bukan hanya menunjukkan impak melalui penyertaan para pelajar, tetapi juga pembangunan ekonomi masyarakat setempat seperti orang kampung, komuniti sekolah dan penduduk di kawasan luar bandar termasuklah masyarakat Orang Asli dan kumpulan B40 yang terjejas akibat bencana alam. Pada tahun 2019, seramai 1,109 *Community Heroes* terlibat dalam 52 program, dengan mencatatkan sejumlah 11,118 kerja sukarelawan.

Pada tahun 2019, YBR telah menaja Kejohanan 7S1M15 untuk tahun kelima berturut-turut. Pertandingan bola sepak ini, yang diadakan dari peringkat daerah hingga nasional, menyaksikan penyertaan seramai 35,665 pelajar dari 2,956 buah sekolah. Acara ini bermatlamat untuk menggilap bakat dalam kalangan pelajar sekolah rendah dan menjadi batu loncatan untuk mereka berkembang dalam arena bola sepak. Hasilnya, lima orang peserta 7S1M15 telah diserapkan ke dalam Kelab Bola Sepak Johor Darul Takzim yang terkenal. Sementara itu, gelaran juara kebangsaan telah diraih oleh SK Bandar Puteri Jaya, Kedah.

Seramai 484 pelajar dari kawasan pedalaman Sarawak mengambil bahagian dalam Program Kembara Muda Rakyat (KMR06) di Bintulu. Acara ini termasuk Program Kitar Semula dan Pembersihan Pantai di Pantai Tanjung Batu di Bintulu serta tayangan filem *Panggung Ashtar Galactic*, menyediakan peluang yang jarang dinikmati oleh para peserta. Di samping itu, aktiviti program celik kewangan turut diadakan, sambil para peserta dibawa ke beberapa kawasan menarik di Bintulu seperti Lembaga Pelabuhan Bintulu, RTM dan Kolej Vokasional Bintulu. Lawatan tersebut bertujuan memberi pengalaman baharu kepada para peserta dan mendedahkan mereka kepada fungsi dan kepentingan pelbagai organisasi terhadap ekonomi Malaysia.

Seramai 532 pelajar dan 119 orang guru serta pegawai teknikal telah menyertai Kejohanan Sukan Sekolah Murid Orang Asli (KSSMOA) 2019 yang berlangsung di Pahang. Acara olahraga, bola sepak, takraw dan ragbi sentuh telah dipertandingkan dalam acara sukan selama tiga hari ini, yang bermatlamat untuk menggalakkan kehadiran melalui aktiviti sukan bagi membantu pelajar Orang Asli menguasai sekurang-kurangnya kemahiran 3M (Membaca, Menulis dan Mengira). Bersempena acara tersebut, YBR turut mengadakan Program Pendidikan yang disertai oleh Wira Komuniti.

Pahang muncul sebagai juara acara ini, berikut adalah pemenang bagi setiap acara sukan:

Bil	Acara	Pemenang
1	Takraw - Kumpulan & Beregu	Pahang
2	Bola Baling - Lelaki	Selangor
3	Bola Baling - Perempuan	Pahang
4	Bola sepak	Perak
5	Ragbi sentuh	Selangor
6	Olahraga	Perak

Perbincangan Pengurusan dan Analisis

- Digitalisasi dan Analitik: Tiga evolusi bagi teras ini akan melibatkan pelaksanaan Rangka Tindakan Digitalisasi, yang menawarkan pengalaman dan perkhidmatan kami melalui peranti pintar serta transformasi beberapa cawangan kami kepada cawangan berasaskan digital.
- Kolaboratif dan Kerjasama: Lima evolusi di bawah teras ini memfokus terhadap kolaborasi dengan pemegang kepentingan berkaitan untuk tujuan kemajuan keusahawanan melalui pembangunan PKS, kebijaksanaan kepimpinan, pendigitalan, pemerolehan CASA dan kelestarian.
- Manusia: Teras ini akan dilaksanakan dengan memupuk bakat yang mahir digital dan menggerakkan peranan baharu yang diperlukan ramai seperti analitik data dan saintis data dan membangunkan pasukan berprestasi tinggi.
- Kelestarian: Melalui empat evolusi, kami meletakkan sasaran untuk mencapai pertumbuhan ekonomi dan mewujudkan hasil mampan. Kami juga menyasar untuk menjadi bank yang bertanggungjawab dari segi sosial untuk rakyat dan mengekalkan pengiktirafan global kami.

Di bawah Fasa 2, kami telah merangka enam rangka tindakan yang menggariskan taktik dan strategi kami untuk mencapai sasaran kami bagi setiap bidang di bawah rangka tindakan tersebut. Rangka tindakan berkenaan merangkumi:

1. Pengalaman Terbaik Pelanggan - Memandu kami ke arah menyediakan pengalaman pelanggan terbaik melalui saluran yang berkesan. Berikutan pelan ini, kami akan melaksanakan projek untuk menukar keseluruhan pengalaman pelanggan di setiap titik urusan pelanggan.
2. Digitalisasi - Kami akan memanfaatkan teknologi dan data untuk memahami dengan lebih baik keperluan pelanggan milenial kami dengan melaksanakan berbagai projek yang menyampaikan pengalaman terbaik melalui pelbagai saluran.



3. Pusat Tambah Nilai PKS - Kami akan membezakan antara Pusat PKS kami dengan menjalin perkongsian dengan pelbagai agensi dalam ekosistem MEDAC serta komuniti, koperasi dan organisasi sektor swasta untuk memastikan satu sistem perkongsian kemakmuran. Projek di bawah rangka tindakan ini akan memfokus kepada proses dari hujung ke hujung bagi inkubasi, pembiayaan PKS, penyertaan dalam ekuiti dan khidmat nasihat untuk membuka peluang pertumbuhan PKS, penskalaan, kesediaan eksport dan penyerapaian di pasaran saham.
4. Modal Insan - Menerajui kami ke arah pembinaan Budaya Berprestasi Tinggi melalui pasukan kerja prestasi tinggi. Kami akan mengambil tenaga kerja berbakat yang relevan sambil mempertingkatkan dan membina semula kemahiran tenaga kerja sedia ada, sambil memperkasa tenaga kerja kami dan meninggikan tahap keberkesanan struktur organisasi kami.
5. Kelestarian - Rangka tindakan ini akan menerajui usaha penyelarasan aktiviti kami dengan UN SDG melalui pengwujudan sebuah Pusat Kecemerlangan Kewangan Lestari. Ia juga akan memastikan kami menggerakkan kepimpinan bestari dan inovasi dalam kewangan mampan dan juga sejajar dengan Perantaraan Berasaskan Nilai (VBI) BNM.

6. Kepimpinan Syariah - Meletakkan nilai dikongsi Bank dengan pendekatan kemanusiaan bagi membolehkan kami muncul sebagai peneraju dalam sektor kewangan Islam global. Rangka tindakan yang menjadi asas kepada lima rangka tindakan lain ini akan bertindak sebagai penghubung pendekatan kolaborasi seluruh rangka tindakan dan teras kami. Di bawah rangka tindakan ini, kami akan melaksanakan projek yang bertujuan mengekalkan kedudukan kami sebagai salah satu daripada 10 bank Islam terbesar di dunia dan mengukuhkan pengiktirafan terhadap kami di peringkat dunia.

Buat masa ini, kami dalam Fasa 3 BR25 di mana kami melaksanakan pelan kami dengan pemantauan dan tadbir urus yang ketat. Kami juga telah mengenal pasti tenaga kerja yang kami perlukan dan menyediakan strategi pengurusan perubahan dan pelan komunikasi strategik untuk memudahkan pelaksanaan BR25.


Dengan adanya BR25 yang telah pun beroperasi, kami meletakkan harapan yang tinggi untuk melihat Bank Rakyat mencapai prestasi yang lebih mantap pada masa hadapan. Walaupun keadaan ekonomi dan perniagaan yang masih tidak menentu menambah tekanan kepada persekitaran operasi, namun dengan pelan strategik lima tahun ini, kami yakin terhadap prospek Bank dalam jangka masa panjang.

Perbincangan Pengurusan dan Analisis




Struktur Korporat Kumpulan


Bank Rakyat dan Kerajaan



* Sehingga 1 September 2019

** Sehingga 1 Disember 2019





KOMITED MEMELIHARA ALAM SEMULA JADI





LEMBAGA PENGARAH

Dari kiri:

DATUK NORIPAH KAMSO
Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif

DATUK WAN SURAYA WAN MOHD RADZI
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

MUHAMAD SHAHRIL OTHMAN
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

ABD RANI LEBAI JAAFAR
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

PROF. DR OBIYATHULLA ISMATH BACHA
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

**TUNKU DATO' AHMAD BURHANUDDIN
TUNKU DATUK SERI ADNAN**
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

YURI ZAHARIN WAHAB
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

SOFIYAN YAHYA
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

SHEIKH AZREE MOKHTAR
Setiausaha Bank

Profil Lembaga Pengarah

DATUK NORIPAH KAMSO

Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif



PELANTIKAN SEBAGAI PENERUSI

11 Disember 2018 - 10 Disember 2020

PENDIDIKAN

- Sarjana, Pengurusan Perniagaan, Marshall Universiti, Hintington, West Virginia, Amerika Syarikat
- Sarjana Muda Sains, Northern Illinois Universiti, Dekalb, Illinois, Amerika Syarikat
- Diploma Pengurusan Perniagaan, Institut Teknologi MARA

JAWATAN LAIN YANG DISANDANG DALAM BANK RAKYAT / KUMPULAN BANK RAKYAT

- Pengerusi Ahli Lembaga Pemegang Amanah, Yayasan Bank Rakyat

JAWATAN LAIN YANG DISANDANG

- Pengarah, Top Glove Corporation Berhad
- Ahli Jawatankuasa Rayuan untuk SIDREC (Pusat Penyelesaian Pertikaian Industri Sekuriti), Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
- Pengerusi Bersama, Islamic Finance Industry Council, Malaysia-US Chamber of Commerce Washington DC

JAWATAN YANG PERNAH DISANDANG

- Felo Pelawat Kewangan Islam di Pusat Oxford untuk Pengajian Islam
- Pengamal Global di Kediaman di Pusat Kewarganegaraan Global Kumpulan Prinsipal Kewangan, Drake University, Des Moines Iowa, Amerika Syarikat
- Penasihat, CIMB Islamic
- Ketua Pegawai Eksekutif, CIMB Principal Islamic Asset Management
- Ketua Pegawai Eksekutif, CIMB Principal Asset Management Berhad
- Pengarah Eksekutif / Ketua Pegawai Eksekutif, CIMB Futures Sdn Bhd
- Timbalan Pengurus Besar, Pengurus Besar, Pengarah, Perbankan Korporat, Commerce International Merchant Bankers Berhad (CIMB)
- Eksekutif- Pengurus Kanan Perbankan Korporat, Bank of Commerce (M) Berhad
- Pegawai Pembangunan, Bahagian Projek, Urban Development Authority (UDA)

DATUK WAN SURAYA WAN MOHD RADZI

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif



PELANTIKAN SEBAGAI AHLI LEMBAGA PENGARAH

11 Disember 2018 - 10 Disember 2021

PENDIDIKAN

- LLB (HONS,) University Of Sheffield, Sheffield, United Kingdom
- Pengajian Undang-Undang Profesional, University of South Bank dan Lincoln's Inn, London, United Kingdom
- Diploma Pascasiswazah dalam Program Pengurusan Awam, Kuala Lumpur
- Diploma Polisi Perdagangan, Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), Geneva, Switzerland
- Program Kepimpinan Berpotensi Tinggi, Sekolah Perniagaan Harvard, Boston, Massachusetts, Amerika Syarikat
- Program Kepimpinan Kerajaan ASEAN, GE Crotonville, New York, Amerika Syarikat

JAWATAN LAIN YANG DISANDANG DALAM BANK RAKYAT / KUMPULAN BANK RAKYAT

- Ahli, Jawatankuasa Pencalonan & Imbuan
- Ahli, Jawatankuasa Pelaburan
- Ahli, Jawatankuasa Lembaga Tender
- Pengerusi, Rakyat Holdings Sdn Bhd
- Pengerusi, Rakyat Travel Sdn Bhd

JAWATAN LAIN YANG DISANDANG

- Ketua Setiausaha, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC)
- Ahli Lembaga Pengarah, UDA Holdings Berhad
- Ahli Lembaga Amanah, TEKUN Nasional

JAWATAN YANG PERNAH DISANDANG

- Timbalan Ketua Setiausaha (Strategi & Pemantauan), Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri (MITI)
- Pengarah Kanan (Sektor Dasar), MITI
- Pengarah Kanan (Pelaburan dan Kemudahan Perdagangan), MITI
- Penasihat Hal Ehwal Ekonomi, Pejabat MITI Luar Negara (Singapura)
- Penasihat Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Pejabat Luar Negara MITI (Brussels), MITI
- Ketua Penolong Pengarah (Integrasi Ekonomi ASEAN), MITI
- Penolong Pengarah (Perdagangan Antarabangsa), MITI

MUHAMAD SHAHRIL OTHMAN*Pengarah Bebas Bukan Eksekutif***ABD RANI LEBAI JAAFAR***Pengarah Bebas Bukan Eksekutif***PELANTIKAN SEBAGAI AHLI LEMBAGA PENGARAH**

8 Julai 2019 - 7 Julai 2022

PENDIDIKAN

- Sarjana Ekonomi Antarabangsa & Kewangan, University Of Queensland, Australia
- Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan Dengan Kepujian (Pemasaran), Universiti Teknologi MARA (UiTM)
- Diploma Pengajian Perbankan, UiTM

JAWATAN LAIN YANG DISANDANG DALAM BANK RAKYAT / KUMPULAN BANK RAKYAT

- Ahli, Jawatankuasa Pencalonan & Imbuan
- Ahli, Jawatankuasa Pemantauan (CoBRa)
- Ahli, Jawatankuasa Pembiayaan

JAWATAN LAIN YANG DISANDANG

- Setiausaha Sulit Kanan Kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan, Putrajaya
- Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, Danajamin Nasional Berhad
- Pengarah Gantian, Malaysian Timber Industry Board
- Ahli, Perbadanan Padang Golf Subang
- Ahli, Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah

JAWATAN YANG PERNAH DISANDANG

- Ketua Seksyen, Bahagian Pelaburan Strategik, Kementerian Kewangan
- Penasihat Kepada Pengarah Eksekutif, Kumpulan Bank Dunia, Washington DC, Amerika Syarikat
- Ketua Penolong Setiausaha Kanan, Bahagian Pelaburan Strategik, Kementerian Kewangan
- Pengurus Perancangan Korporat, Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB)
- Ketua Penolong Pengarah, Unit Perkongsian Awam Swasta (PPP), Jabatan Perdana Menteri
- Ketua Penolong Pengarah, Kementerian Kesihatan
- Penolong Setiausaha, Kementerian Kerja

PELANTIKAN SEBAGAI AHLI LEMBAGA PENGARAH

- Pelantikan pertama: 1 Januari 2018 - 31 Disember 2019
- Pelantikan semula: 1 Januari 2020 - 31 Disember 2020

PENDIDIKAN

- Ahli, Institut Berkanun Profesional Kewangan Islam (CIIF)
- Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan (FIDE), Bank Negara Malaysia
- Leadership Development Summer Program (GLDP), Harvard University Boston, Massachusetts, Amerika Syarikat
- Ahli Piagam Profesional Operasi dan Kredit Risiko Bertauliah (CRP) BAI Pusat Persijilan, Amerika Syarikat
- Ahli, Institut Bank-Bank Malaysia (MIBM)
- Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Kewangan & Pemasaran, University Of NewHaven, Connecticut, Amerika Syarikat
- Sarjana Muda Sains Kewangan Perniagaan, Indiana University Bloomington, Amerika Syarikat
- Diploma Perakaunan, UiTM

JAWATAN LAIN YANG DISANDANG DALAM BANK RAKYAT / KUMPULAN BANK RAKYAT

- Pengerusi, Jawatankuasa Pencalonan & Imbuan
- Pengerusi, Jawatankuasa Risiko
- Ahli, Jawatankuasa Audit & Pemeriksaan
- Ahli, Jawatankuasa Pembiayaan

JAWATAN LAIN YANG DISANDANG

- Ahli Lembaga Pengarah, Institut Lanjutan Kepimpinan & Keusahawanan (LEAD), Universiti Management & Science (MSU)
- Profesor Tambahan, MSU

JAWATAN YANG PERNAH DISANDANG

- Pengerusi & Pengarah, Zikay Factoring Sdn Bhd
- Pengarah, Sektor Awam & Pembangunan Perniagaan, RHB Capital
- Ketua Pegawai Eksekutif/ Pengarah Urusan, RHB Islamic Bank
- Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Affin Islamic Bank
- Naib Presiden Kanan, Jabatan Pembiayaan Kontrak & IKS, Affin Bank Bhd
- Naib Presiden Pertama, Perbankan Perusahaan, Affin Bank Bhd
- Timbalan Pengurus Besar, Bahagian Perbankan, Affin Bank Bhd
- Ketua Bahagian Operasi, Affin Bank Bhd
- Pengurus Cawangan, Affin Bank Bhd
- Pengurus Perhubungan Akaun, Bahagian Perbankan Korporat, Standard Chartered Bank

**PROF. DR OBIYATHULLA ISMATH BACHA**

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

PELANTIKAN SEBAGAI AHLI LEMBAGA PENGARAH

1 April 2019 - 31 Mac 2022

PENDIDIKAN

- Doktor Pentadbiran Perniagaan (dengan pengkhususan dalam Kewangan), Boston University, Amerika Syarikat
- Sarjana Pentadbiran Perniagaan (dengan Kepujian Tinggi), Boston University, Amerika Syarikat
- Sarjana Seni (Ekonomi), Boston University, Amerika Syarikat
- Ijazah Sains Sosial (Kepujian, ke-2), Universiti Sains Malaysia

JAWATAN LAIN YANG DISANDANG DALAM BANK RAKYAT / KUMPULAN BANK RAKYAT

- Pengerusi, Jawatankuasa Pelaburan
- Ahli, Jawatankuasa Audit & Pemeriksaan
- Ahli, Jawatankuasa Pembiayaan
- Ahli, Jawatankuasa Pemantauan (CoBRa)

JAWATAN LAIN YANG DISANDANG

- Profesor Kewangan, Jabatan Kewangan dan Perakaunan, Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (INCEIF)
- Ahli Jawatankuasa Syariah, SABANA, Amanah Pelaburan Harta Tanah (REIT)

JAWATAN YANG PERNAH DISANDANG

- Penasihat, Great Eastern Life Insurance
- Presiden, Persatuan Kewangan Malaysia
- Profesor Adjung Kewangan, Sekolah Kewangan Luxembourg, University of Luxembourg, Perancis
- Ahli Jawatankuasa Syariah, HSBC Amanah
- Ahli Jawatankuasa Syariah, Rakan Kongsi Ekuiti Asia (AEP) Ekuiti Persendirian, Singapura
- Ahli Jawatankuasa Pelaburan, Pacific Mutual Fund, Malaysia
- Panel Perundingan Pasaran Derivatif, Bursa Malaysia
- Perunding IDB - Kumpulan Kerja Bersama Bank Negara Malaysia (BNM) untuk Mobilisasi Sumber, BNM IDB, Malaysia
- Perunding, Kajian IRTI-IFSB Midterm Kajian Pasaran Modal Islam, IRT-IFSB, Malaysia
- Perunding, Projek Bank Dunia tentang Kemungkinan Menggunakan Sukuk Untuk Pembiayaan Pemerintah Tempatan, BANK DUNIA - Pejabat Cawangan Turki
- Perunding, UNESCAP, Idea daripada Pasaran Modal Islam untuk Pembangunan Mapan di Asia dan Pasifik, UNESCAP - Bangkok, Thailand
- Penasihat kepada Cadangan Perkongsian Risiko Sukuk untuk Indonesia, Maybank Islamic, Malaysia
- Ketua / Dekan Pengajian Siswazah, Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (INCEIF), Malaysia

- Profesor Kewangan, Jabatan Pentadbiran Perniagaan, Fakulti Ekonomi dan Sains Pengurusan, Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia
- Profesor dan Pengarah, Pusat Pengurusan, Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia
- Profesor Madya & Pengarah, Pusat Pengurusan, Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia
- Ketua, Program MBA, Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia
- Profesor Madya & Ketua, Jabatan Pentadbiran Perniagaan, Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia
- Penolong Profesor dan Ketua Jabatan Pentadbiran Perniagaan, Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia
- Penolong Profesor Kewangan, Boston, University, Amerika Syarikat
- Pegawai Kredit, Malayan Banking Berhad

TUNKU DATO' AHMAD BURHANUDDIN TUNKU DATUK SERI ADNAN

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

**PELANTIKAN SEBAGAI AHLI LEMBAGA PENGARAH**

1 Oktober 2019 - 30 September 2021

PENDIDIKAN

- Fellowship, Persatuan Akauntan Bertauliah Berkanun, United Kingdom
- Bersekutu, Persatuan Akauntan Bertauliah Berkanun, United Kingdom
- Bersekutu, Institut Akauntan Malaysia, Malaysia
- Siswazah, Persatuan Akauntan Bertauliah Berkanun, United Kingdom
- Sijil & Diploma, Kolej Pengajian Tinggi Luton, United Kingdom
- Siswazah, Brighton Technical College, United Kingdom
- Sijil, Kolej Melayu, Malaysia

JAWATAN LAIN YANG DISANDANG DALAM BANK RAKYAT / KUMPULAN BANK RAKYAT

- Pengerusi, Jawatankuasa Pembiayaan
- Pengerusi, Jawatankuasa Audit & Pemeriksaan
- Ahli, Jawatankuasa Lembaga Tender
- Ahli, Jawatankuasa Risiko

JAWATAN LAIN YANG DISANDANG

- Pengarah, Jaya Raya Sdn Bhd
- Pengarah, MAA Group Berhad
- Pengarah, MyMy Payments Malaysia Sdn Bhd
- Pengarah, Hospitality 360 Sdn Bhd
- Pengarah, Tabs Agro Business Services Sdn Bhd
- Pengarah, Scholastic IB International Sdn Bhd
- Pengarah, St. John's International Edu Group Sdn Bhd
- Pengarah, St. John's International (Campus 2) Sdn Bhd
- Pengarah, Alfaakademik Sdn Bhd

JAWATAN YANG PERNAH DISANDANG

- Pengarah Urusan Kumpulan & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Themed Attractions Resorts and Hotels Sdn Bhd
- Pengarah Urusan / Ketua Pegawai Eksekutif, Themed Attractions and Resorts Sdn Bhd
- Pengarah Eksekutif, CIMB Bank Berhad
- Ketua Pegawai Eksekutif, Kumpulan CIMB Bank Berhad dan CIMB Investment Bank Berhad
- Ketua Juruaudit Dalaman Kumpulan, Bumiputra-Commerce Bank Berhad
- Ketua - Perkhidmatan Kewangan Runcit, Bumiputra-Commerce Bank Berhad
- Perancang Korporat Strategik, Bumiputra-Commerce Bank Berhad
- Pengarah Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif, Commerce Asset Fund Managers Sdn Bhd
- Pegawai Kewangan, Commerce Asset-Holding Berhad
- Pengurus Besar Kumpulan & Setiausaha Syarikat, Lenggang Holdings Sdn. Bhd.
- Pegawai Kanan Bank, Bank of Commerce Berhad

Profil Lembaga Pengarah



YURI ZAHARIN WAHAB

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

PELANTIKAN SEBAGAI AHLI LEMBAGA PENGARAH

4 Oktober 2019 - 3 Oktober 2021

PENDIDIKAN

- Sarjana Sains Komputer Sc. Dan Ekonomi, Monash University, Australia 1984

JAWATAN LAIN YANG DISANDANG DALAM BANK RAKYAT / KUMPULAN BANK RAKYAT

- Pengerusi, Jawatankuasa Pemantauan (COBRA)
- Ahli, Jawatankuasa Risiko
- Ahli, Jawatankuasa Pencalonan & Imbuhan

OTHER POSITION HELD

- Perunding & Penasihat Perusahaan Huawei Malaysia, Paracell (M) Sdn Bhd

JAWATAN YANG PERNAH DISANDANG

- Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Puncak Semangat Technology Ventures (Sebahagian daripada Kumpulan Syarikat Al Bukhary)
- Ketua Pegawai Eksekutif, Synergy Cloud Sdn. Bhd, (A Kumpulan Syarikat Puncak Semangat & Al Bukhary)
- Pengarah Urusan, CISCO Sytems (Malaysia) Sdn Bhd
- Pengarah Urusan, Dell Sales Malaysia (DSM) Sdn Bhd
- Pengarah Urusan, Nortel Networks Malaysia & Brunei

- Pengarah Jualan, Nortel Networks Malaysia
- Naib Presiden Kanan, Alcatel Network Systems Malaysia
- Naib Presiden / Pengurus Besar, Sapura Marketing Sdn Bhd
- Penolong Pengurus Besar Jualan & Pemasaran, Sapura Digital (ADAM)
- Pengurus Kanan, Teledata Marketing (anak syarikat Sapura)
- Pengurus Produk, Teledata Marketing
- Perwakilan Runcit, Mobil Minyak Malaysia
- Eksekutif Perniagaan Antarabangsa, Sapura Holdings
- Eksekutif Pemasaran, Sapura Holdings

SOFIYAN YAHYA

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

PELANTIKAN SEBAGAI AHLI LEMBAGA PENGARAH

31 Oktober 2019 - 30 Oktober 2021

PENDIDIKAN

- BSc (Kepujian) Kejuruteraan Mekanikal, City Universiti London, United Kingdom

JAWATAN LAIN YANG DISANDANG DALAM BANK RAKYAT / KUMPULAN BANK RAKYAT

- Pengerusi, Jawatankuasa Lembaga Tender
- Ahli, Jawatankuasa Pelaburan
- Ahli, Jawatankuasa Pencalonan & Imbuhan

JAWATAN LAIN YANG DISANDANG

- Pengerusi Eksekutif, Cekap Technical Services Sdn Bhd
- Ketua Pegawai Eksekutif, SEAMOG Group Sdn Bhd
- Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif, Ni Hsin Resources Bhd
- Pengerusi, Koperasi Tenaga & Petroliaim Bhd
- Pengerusi, Society for Protective Coatings (SSPC) Malaysia
- Penasihat dan Pemegang Amanah, Malaysia Oil & Gas Services Council (MOGSC)
- Felo, Institut Bahan Malaysia (IMM)
- Teknologis Profesional, Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT)

JAWATAN YANG PERNAH DISANDANG

- Pengerusi, Jord Malaysia Sdn Bhd
- Naib Presiden, KNM Group Bhd / KNM Process Systems Sdn Bhd
- Pengurus Besar / Pengarah Urusan, Atkins Inspection Services Sdn Bhd kemudian bergabung menjadi Oilfield Inspection Services Sdn Bhd
- Pengurus Kawasan, Malaysia Timur, Solus Oceaneering Sdn Bhd
- Jurutera Mekanikal, PAPPOS Sdn Bhd
- Jurutera, Bahagian Pengeluaran, Petronas

Profil Lembaga Pengarah



SHEIKH AZREE MOKHTAR

Setiausaha Bank

PELANTIKAN SEBAGAI SETIAUSAHA BANK

- 15 Julai 2019

PENDIDIKAN

- Lesen Setiausaha Syarikat dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia
- Sarjana Muda Pentadbiran Korporat, Universiti Teknologi MARA (UiTM)
- 1994, Diploma Perakaunan, UiTM

JAWATAN YANG PERNAH DISANDANG

- Setiausaha Suruhanjaya, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD)
- Setiausaha Syarikat, UEM Edgenta Berhad
- Setiausaha Syarikat, PLUS Malaysia Berhad
- Setiausaha Syarikat, Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB)



Jawatankuasa Syariah

Jawatankuasa Syariah



1. DATO' SETIA HJ MOHD TAMYES ABD WAHID
Pengerusi

2. USTAZ MD. YUNUS ABD. AZIZ

3. USTAZ WAN RUMAIZI WAN HUSIN

4. DR ABDULLAAH JALIL

5. PROF. MADYA DR AZMAN MOHD NOOR

6. DR MOHAMMAD ZAINI YAHAYA

7. PROF. DATO' DR MOHD AZMI OMAR

8. USTAZ MOHD ZAMEREY ABDUL RAZAK
Setiausaha

Jawatankuasa Syariah

DATO' SETIA HJ MOHD TAMYES ABD WAHID

Pengerusi

DILANTIK MENGANGGOTAI JAWATAN KUASA SYARIAH

- 1 Mei 2019 - 31 Ogos 2021

PENDIDIKAN

- Sarjana Muda Syariah (Kepujian), Universiti Al-Azhar, Kaherah, Mesir
- Diploma Pendidikan Bahasa Arab, Universiti Ain Shams, Kaherah, Mesir

JAWATAN LAIN YANG DISANDANG

- Mufti Selangor
- Pengerusi, Jawatankuasa Fatwa Negeri, Selangor
- Ahli, Dewan Diraja Selangor
- Ahli, Lembaga Pemegang Amanah, Lembaga Zakat Selangor (LZS)
- Ahli, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)
- Ahli, Lembaga Pengawasan dan Pelesenan Percetakan Al-Quran (LPPQ), Kementerian Dalam Negeri

- Ahli, Jawatankuasa Penasihat Syariah, as-Salihin Trustee Berhad
- Pengerusi, Jawatankuasa Pengagihan Zakat, LZS
- Ahli, Jawatankuasa Pelaburan, MAIS
- Ahli, Panel Syariah, Dana Wakaf, Universiti Islam Malaysia (UIM)
- Ahli, Lembaga Pemegang Amanah Perbadanan Wakaf Selangor
- Ahli, Jawatankuasa Pengurusan Wakaf Selangor Muamalat, Bank Muamalat Malaysia Berhad

JAWATAN YANG PERNAH DISANDANG

- Ahli, Panel Syariah, Institut Piawai dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM Berhad)
- Ahli, Panel Persijilan Halal, Halal Development Corporation (HDC)
- Pengetua, Sekolah Agama Menengah Tinggi Hishamuddin, Klang
- Pengetua, Sekolah Agama Menengah Tinggi Kuala Kubu Bharu

**USTAZ WAN RUMAIZI WAN HUSIN****DILANTIK MENGANGGOTAI JAWATAN KUASA SYARIAH**

- 1 Mei 2019 - 31 Ogos 2021

PENDIDIKAN

- Ijazah Sarjana, Fiqh dan Usul al-Fiqh, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
- Sarjana Muda, Fiqh dan Usul al-Fiqh, Universiti al-Bayt, Jordan

JAWATAN LAIN YANG DISANDANG

- Ahli, Jawatankuasa Syariah, PruBSN Takaful
- Ahli, Lembaga Syariah, Ar-Rajhi Bank Malaysia
- Ahli, Jawatankuasa Penasihat Syariah, Lembaga Tabung Haji
- Ahli, Majlis Syariah, Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA)
- Ahli, Panel Perunding, Pusat Penyelidikan Antarabangsa dalam Ekonomi dan Kewangan Islam (IRCIEF), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
- Perunding Sadaqah House, IRCIEF, KUIS

JAWATAN YANG PERNAH DISANDANG

- Pensyarah, Jabatan Fiqh dan Usul al-Fiqh, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
- Ahli, Jawatankuasa Syariah, Yayasan Muamalat Belia
- Penasihat Syariah, Bank Tisu, Hospital Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian, Kelantan
- Felo Perunding dan Pembangun Modul, IRCIEF, KUIS
- Ahli Jawatankuasa Kerja bagi MS1900: 2014 Standard (Sistem Pengurusan Kualiti Berasaskan Syariah - Keperluan dan Garis Panduan), Urus Setia SIRIM
- Jurulatih Kewangan dan Perbankan Islam untuk kakitangan Bank Negara Malaysia, CIMB, Hong Leong Bank, Public Bank, Prudential Assurance Malaysia Berhad, BSN, MBSB, PUNB, RHB dan OCBC
- Ahli, Kesatuan Sarjana Islam Antarabangsa (Ittihad al-'Alami li 'Ulama' al-Muslimin), Qatar
- Ahli, Persatuan Penasihat Syariah (ASAS), Kuala Lumpur
- Ahli, Panel Pakar Muamalat, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
- Ahli, Jawatankuasa Penasihat Syariah, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

**DR ABDULLAAH JALIL****DILANTIK MENGANGGOTAI JAWATAN KUASA SYARIAH**

- 1 April 2018 - 31 Mac 2021

PENDIDIKAN

- Doktor Falsafah Kewangan Islam, INCEIF
- Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Perbankan dan Kewangan Islam), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
- Sarjana Muda Syariah (Fiqh dan Pengajian Islam), Universiti Yarmouk, Irbid, Jordan

JAWATAN LAIN YANG DISANDANG

- Pensyarah Kanan, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
- Pegawai Pematuhan Syariah, Persijilan Sistem Pengurusan Kualiti MS1900:2005, USIM
- Pengerusi, Jawatankuasa Syariah, PruBSN Takaful

- Ahli, Jawatankuasa Syariah, Koperasi Kakitangan Universiti Sains Islam Malaysia
- Ahli, Panel Penyelidik Fatwa, Jabatan Mufti Negeri Sembilan

JAWATAN YANG PERNAH DISANDANG

- Ahli, Jawatankuasa Syariah, Unit Syariah dan Kewangan Islam, Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Dunia (INFAD), USIM
- Ahli, Jawatankuasa Penyelarasan bagi Muamalat Takaful, dan Program Kewangan dan Perbankan Islam, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia
- Penyelaras Seminar, Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Dunia (INFAD), USIM
- Felo Penyelidik, Institut Pengurusan Kewangan dan Kekayaan Islam (IFWMI), USIM

**USTAZ MD. YUNUS ABD. AZIZ****DILANTIK MENGANGGOTAI JAWATAN KUASA SYARIAH**

- 1 Julai 2018 - 30 Jun 2020

PENDIDIKAN

- Ijazah Sarjana Fiqh dan Usul al-Fiqh, Universiti al-Bayt, Jordan
- Sarjana Muda Syariah, Universiti Malaya

JAWATAN LAIN YANG DISANDANG

- Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
- Ahli, Jawatankuasa Majlis Penasihat Syariah, USIM
- Pengerusi, Surau At-Taqwa Desa Anggerik, Nilai, Negeri Sembilan

JAWATAN YANG PERNAH DISANDANG

- Timbalan Dekan, Pembangunan Pelajar & Pengurusan Prestasi, USIM
- Ketua Program Sarjana Muda dalam Fiqh dan Fatwa, USIM
- Penyelaras, Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Dunia (Bahagian Dokumentasi), USIM
- Penyelaras, Unit Falak, Fakulti Syariah dan Undang-undang, USIM
- Penasihat Syariah, Koperasi Alam Bersih (Ko-Alam)

Jawatankuasa Syariah

PROF. MADYA DR AZMAN MOHD NOOR

DILANTIK MENGANGGOTAI JAWATAN KUASA SYARIAH

- 1 Januari 2019 - 31 Disember 2020

PENDIDIKAN

- Doktor Falsafah, Undang-undang Islam, University of Edinburgh, United Kingdom
- Ijazah Sarjana Undang-undang Jenayah Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Ijazah Sarjana Muamalat (Undang-undang Transaksi Islam), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
- Sarjana Muda Undang-undang Islam, Universiti Islam Madinah, Arab Saudi

JAWATAN LAIN YANG DISANDANG

- Pensyarah Kanan, Institut Perbankan dan Kewangan Islam Antarabangsa, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

- Naib Pengerusi, Lembaga Syariah, Al-Rajhi Bank Malaysia
- Pengerusi, Jawatankuasa Syariah, Am Metlife Family Takaful
- Panel Pakar MQA dalam Muamalah dan Perbankan Islam
- Ahli, Jawatankuasa Fatwa Pejabat Mufti Negeri Perlis

JAWATAN YANG PERNAH DISANDANG

- Ahli, Jawatankuasa Syariah, SME Bank
- Ahli, Majlis Penasihat Syariah, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
- Ahli, Jawatankuasa Syariah, MNRB Retakaful
- Panel Pakar Muamalat, JAKIM



PROF. DATO' DR MOHD AZMI OMAR

DILANTIK MENGANGGOTAI JAWATAN KUASA SYARIAH

- 1 Januari 2019 - 31 Disember 2020

PENDIDIKAN

- Doktor Falsafah (Kewangan) Bangor University, Wales, United Kingdom
- Chartered Professional in Islamic Finance (CPIF), Institut Kewangan Islam Profesional Bertauliah (CIIF)
- Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) Northern Illinois University, Amerika Syarikat
- Sarjana Muda (Kewangan) Northern Illinois University, Amerika Syarikat
- Diploma Perbankan, Institut Teknologi Mara (UiTM)

JAWATAN LAIN YANG DISANDANG

- Presiden/ Ketua Pegawai Eksekutif, Pusat Antarabangsa Pendidikan Kewangan Islam (INCEIF)
- Ahli, Jawatankuasa Syariah, Etiqa Takaful Berhad

- Ahli, Majlis Akreditasi, Agensi Akreditasi Kewangan
- Pakar Kewangan Islam, Autoriti Monetari Brunei Darussalam
- Ahli Lembaga Pemegang Amanah, Responsible Finance & Investment (RFI) Foundation, United Kingdom

JAWATAN YANG PERNAH DISANDANG

- Ketua Pengarah, Institut Latihan dan Penyelidikan Islam, Islamic Development Bank Group Jeddah, Arab Saudi
- Timbalan Rektor, Professor dan Pensyarah, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
- Ahli, Jawatankuasa Syariah, Amanah Ikhtiar Malaysia
- Ahli, Lembaga Pengarah & Jawatankuasa Pelaburan, Permodalan Bank Simpanan Nasional Berhad
- Pengerusi, Jawatankuasa Pakar Pelan Strategik Islam Hadhari, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia



DR MOHAMMAD ZAINI YAHAYA

DILANTIK MENGANGGOTAI JAWATAN KUASA SYARIAH

- 1 Mei 2019 - 31 Ogos 2021

PENDIDIKAN

- Doktor Falsafah, Jabatan Fiqh & Usul, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
- Ijazah Sarjana Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- Sarjana Muda Syariah (Kepujian), Universiti Al-Azhar, Kaherah, Mesir

JAWATAN LAIN YANG DISANDANG

- Pensyarah Kanan, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, UKM
- Timbalan Pengarah, Pusat Islam, UKM

JAWATAN YANG PERNAH DISANDANG

- Pensyarah, UKM
- Tutor, UKM
- Panel Penyelidik, Penyelidikan Penambahbaikan Kurikulum KAFA, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

- Panel Penilai, Penyelidikan Projek Kursi Felo Utama Dalam Kajian Fatwa INFAD, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
- Pengerusi, Panel Jawatankuasa Peningkatan Mutu Program Penerbitan Buku Teks Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR), Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)
- Pengerusi, Panel Mesyuarat Penilaian Manuskrip Bahan Contoh Pakej Buku Teks Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR), Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)
- Jawatankuasa Pembinaan DSKP KSSM Al-Shahadah Al-Ulya Ulul Albab Turath Dirasat Islamiah 2017, Kementerian Pelajaran Malaysia
- Ahli, Jawatankuasa Syariah, Asian Finance Bank



USTAZ MOHD ZAMEREY ABDUL RAZAK

DILANTIK SEBAGAI SETIAUSAHA

- 18 Ogos 2014 - Sekarang

PENDIDIKAN

- Ijazah Sarjana Pengajian Islam Syariah, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Sarjana Muda Syariah Fiqh dan Perundangan Islam (Kepujian), Universiti Yarmouk, Jordan

JAWATAN LAIN YANG DISANDANG

- Pengerusi, Lembaga Pemegang Amanah Akademi Imam Syafi'e
- Ahli Lembaga Pemegang Amanah, Tabung Amanah Tok Kenali
- Ahli Lembaga Pemegang Amanah, Yayasan Kolej Universiti Islam Sleangor (KUIS)

JAWATAN YANG PERNAH DISANDANG

- Ketua, Jabatan Syariah, Takaful Ikhlas Berhad
- Ahli Jawatankuasa Syariah, Stella Capital al-Aqarat - Amerika Syarikat
- Ahli Jawatankuasa Syariah, Islamic Retail Fund (Isareit Retail Properties Sdn Bhd Malaysia)
- Ketua, Bahagian Syariah, Asian Finance Bank Berhad
- Setiausaha Jawatankuasa Syariah, Asian Finance Bank Berhad
- Setiausaha Jawatankuasa Syariah, Safeena (L) Ltd (Islamic Marine Fund-Labuan)
- Penasihat Industri, Fakulti Muamalat dan Pengurusan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Jawatankuasa Pengurusan

Jawatankuasa Pengurusan



1. DATO' ROSMAN MOHAMED
Ketua Pegawai Eksekutif

2. DATO' SYED ABDUL AZIZ SYED HASSAN
Ketua Pegawai Perkhidmatan Korporat

3. DR MOHAMMAD HANIS OSMAN
Ketua Pegawai Perbankan Runcit

4. NOR HAIMEE ZAKARIA
Ketua Pegawai Kewangan

5. AHMAD SHUKRI ABDUL RAHMAN
Ketua Pegawai Risiko

6. ABDUL RAZAK ABU BAKAR
Ketua Pegawai Perbankan Perniagaan

7. MUZAMIR OMAR
Ketua Pegawai Strategi dan Transformasi

8. AMREN FAISAL FADZIL
Ketua Pegawai Perbendaharaan

9. NIZAM BIN SANI
*Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Bank Rakyat /
Pemangku Ketua Pemasaran & Komunikasi*

10. ROSLAN SAAD
Pengarah Projek Pejabat Perbankan Teras

11. WAN MARIAH ABU HASSAN
Ketua Modal Insan

Jawatankuasa Pengurusan

DATO' ROSMAN MOHAMED*Ketua Pegawai Eksekutif***PENDIDIKAN**

- Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (St. Louis University, Missouri, Amerika Syarikat)
- Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Urbana University, Ohio, Amerika Syarikat)
- Diploma Eksekutif Pemasaran @ Perkhidmatan Bank Jualan (International Management Centre, Buckingham, United Kingdom)

PENGALAMAN DALAMAN

- Ketua Pegawai Eksekutif Bank Rakyat (2020)
- Pemangku Pengarah Urusan (2019)
- Pengurus Besar Kanan, Perkhidmatan Korporat (2012 - 2014)

PENGALAMAN LUARAN

- Pengarah Urusan, Sumber Manusia, Abdul Latiff Jameel Company Limited
- Pengarah HR & Pembangunan Organisasi Serantau bagi Rantau Asia Pasifik, Cabot Specialty Chemical Inc., Rantau Asia Pasifik
- Rakan Kongsi Pengurusan, LDS (M) Sdn Bhd & Pusat Kepimpinan Personaliti Prestasi Terbaik
- Pengurus Kanan, Pengurusan Pembangunan, British American Tobacco (M) Berhad
- Pengurus Kanan, Pengurusan Pembangunan, Rothmans of Pall Mall (M) Berhad
- Pengasas dan Perundingcara Urusan, Growthworks (Asia) Sdn Bhd
- Ketua Pembangunan Latihan & Kerjaya, Maybank Berhad
- Pegawai Perakaunan Eksekutif, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)

**NOR HAIMEE ZAKARIA***Ketua Pegawai Kewangan***PENDIDIKAN**

- Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Perakaunan, Kewangan dan Ekonomi - Ijazah Pertama, University of Essex, Colchester, Essex, United Kingdom (1987 - 1990)
- Felo, Chartered Association of Certified Accountant, United Kingdom (ACCA)
- Akauntan Bertauliah, Institut Akauntan Malaysia (MIA)

PENGALAMAN DALAMAN

- Ketua Pegawai Kewangan (2014)
- Ketua, Akaun & Pengurusan Maklumat (2008)

PENGALAMAN LUARAN

- Setiausaha Syarikat, Bank Islam Malaysia Berhad (2007 - 2008)
- Ketua, Kewangan Kumpulan / Setiausaha Bersama, BIMB Holdings Berhad (2003 - 2006)
- Pengurus Kanan, Kewangan Kumpulan, Bank Islam Malaysia Berhad (2001 - 2003)
- Pengurus Kewangan, Arab Malaysia Development Berhad (1995 - 2001)
- Audit Kanan, Cooper Lancaster Brewers, Chartered Accountants, United Kingdom (1994)
- Juruaudit, Coopers and Lybrand Deloitte (CL), Chartered Accountants, United Kingdom (1990 - 1991)

**DATO' SYED ABDUL AZIZ SYED HASSAN***Ketua Pegawai Perkhidmatan Korporat***PENDIDIKAN**

- Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Ohio University)
- Diploma Industri & Pengurusan Penanaman (ITM)
- Program Pengurusan Kanan (Harvard Business School)

PENGALAMAN DALAMAN

- Pemangku Ketua Pegawai Operasi, Operasi Perbankan
- Ketua Pegawai, Perkhidmatan Korporat

PENGALAMAN LUARAN

- Ketua Pegawai Eksekutif, Rakyat Holdings Sdn Bhd (2012 - 2017)
- Ketua Pegawai Eksekutif, Zikay Group Sdn Bhd (2008 - 2012)
- Pengurus Besar (Hartanah), PECD Sdn Bhd (2000 - 2007)
- Pengurus Pemasaran Kanan, Island & Peninsular Bhd (1988 - 2000)

**AHMAD SHUKRI ABDUL RAHMAN***Ketua Pegawai Risiko***PENDIDIKAN**

- Ijazah Sarjana Eksekutif Perbankan dan Kewangan Islam, Asia E University Malaysia
- Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan, Texas A&M University at Commerce
- Sijil Perundangan Islam (Universiti Islam Antarabangsa Malaysia)
- Ahli, FAA (Agensi Akreditasi Kewangan) - Panel Pengakreditasi
- Pengerusi Gantian, AIBIM dan Jawatankuasa Modal Prudential
- Pengkaji Luar, Sijil Profesional Islam INCEIF (CIFP) dalam Modul Pengurusan Risiko

PENGALAMAN DALAMAN

- Ketua Pegawai Risiko (2016)

PENGALAMAN LUARAN

- Ketua, Jabatan Pengurusan Risiko, OCBC Al-Amin Bank Berhad (2008 - 2016)
- Naib Presiden, Operasi Kredit Runcit, AlRajhi Banking & Investment Corporation (M) Berhad
- Bank Muamalat (M) Berhad
 - Ketua, Bahagian Pengurusan Pembiayaan, Jabatan Perkhidmatan Pembiayaan Otomobil (2006)
 - Ketua, Bahagian Pengurusan Risiko Kredit, Jabatan Pengurusan Risiko (2003 - 2005)
 - Ketua, Bahagian Semakan & Pematuhan Kredit, Jabatan Pengurusan Risiko (2000 - 2002)
- Timbalan Pengurus, Kualiti Kredit, Jabatan Kawalan, The Pacific Bank Berhad (1995 - 2000)
- Pegawai Kanan, Jabatan Penyeliaan Pinjaman, Oriental Finance Berhad (1991 - 1995)

DR MOHAMMAD HANIS OSMAN*Ketua Pegawai Perbankan Runcit***PENDIDIKAN**

- Doktor Falsafah (Ekonomi) (UIAM)
- Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) (UIAM)
- Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Perakaunan & Kewangan (University of East London, United Kingdom)
- Diploma Lanjutan Pengurusan Perakaunan, UK (CIMA)
- Ahli, Sijil Pemasaran Kewangan Malaysia (Peperiksaan PKKM) - Profesional Perbendaharaan Bertauliah
- Ahli, Peperiksaan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia - Wakil Jurujual Berlesen

PENGALAMAN DALAMAN

- Ketua Pegawai Perbankan Runcit (2018)
- Ketua Pegawai Perbendaharaan (2016)
- Naib Presiden Kanan Perbendaharaan (2016)

- Ketua Perbendaharaan & Pelaburan (2014)
- Ketua Perbendaharaan dan Pelaburan (2009)

PENGALAMAN LUARAN

- Pengurus Kanan, Produk Derivatif & Berstruktur, Perbendaharaan, Bank Islam Malaysia Berhad (2008 - 2009)
- Ketua Perbendaharaan, Al Wifaq Finance Company, Abu Dhabi, UAE (2008)
- Hwangdbs Investment Bank Berhad:
 - Penolong Naib Presiden, FX Swaps (2006 - 2007)
 - Penolong Naib Presiden, Pendapatan Tetap (2003 - 2006)
- Pengurus, Pendapatan Tetap, K&N Kenanga Securities Berhad (2002 - 2003)
- BSN Commercial Bank Berhad
 - Pengurus, Pendapatan Derivatif & Tetap (2001 - 2002)
 - Wakil Jualan Kanan, Produk Derivatif & Berstruktur (1999 - 2000)
 - Wakil Jualan, Pasaran Wang (1996 - 1999)

**ABDUL RAZAK ABU BAKAR***Ketua Pegawai Perbankan Perniagaan***PENDIDIKAN**

- Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) (UUM)
- Ahli, Akauntan Bertauliah (CA) - Institut Akauntan Malaysia

PENGALAMAN DALAMAN

- Ketua Pegawai, Perbankan Perniagaan (2018)
- Naib Presiden Kanan, Perbankan Korporat (2014)
- Penolong Pengurus Besar, Perbankan Komersil (2012)

PENGALAMAN LUARAN

- Ketua PKS, Perbankan Komersil, Bank Islam Malaysia Berhad (2009 - 2012)
- Penolong Naib Presiden, Ketua Kewangan Berstruktur, OCBC Bank Berhad (2004 - 2009)
- Pengurus Perhubungan Kanan, Perbankan Komersil, RHB Bank Malaysia Berhad (2001 - 2004)
- Penolong Pengurus, Kewangan Korporat, Aseamleasers Berhad / Aseamlease Berhad (Maybank) (1996 - 2001)
- Eksekutif Audit / Eksekutif Cukai, Azman Wong Salleh & Co (1993 - 1996)



Jawatankuasa Pengurusan

MUZAMIR OMAR*Ketua Pegawai Strategi dan Transformasi***PENDIDIKAN**

- Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (UiTM)
- Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Kelas Kedua Atas) (University of Kent, United Kingdom)
- Diploma Penterjemahan (Dewan Bahasa dan Pustaka)
- Profesional Kewangan Islam Bertauliah - INCEIF

PENGALAMAN DALAMAN

- Ketua Pegawai, Strategi & Transformasi (2018)
- Naib Presiden, Strategi Korporat (2014)
- Ketua Perancangan Strategik (2013)
- Pengurus di Jabatan Perancangan Korporat (2006)
- Pengurus di Jabatan Perancangan (2005)

**ROSLAN SAAD***Pengarah Projek Pejabat Perbankan Teras***PENDIDIKAN**

- Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kepujian) Pengkhususan dalam Kewangan (UiTM)
- Diploma Sains Komputer (ITM)

PENGALAMAN DALAMAN

- Menanggung Kerja, Ketua Pegawai Teknologi Maklumat (2019)
- Pengarah Projek, Pejabat Perbankan Teras (2019)
- Ketua (Naib Presiden), Pengurusan Lean 1 (2018)
- Ketua (Naib Presiden), Sistem & Saluran Teknologi Maklumat (2016)

- Naib Presiden, Pembangunan & Penyelesaian IT (2014)
- Menanggung Kerja Pengurus Besar, Teknologi Maklumat (2013)
- Ketua Teknologi Maklumat (2013)

PENGALAMAN LUARAN

- Pengurus Besar, Perancangan Strategik & Tadbir Urus, Jabatan IT, Lembaga Tabung Haji (2009 - 2012)
- Ketua, Pejabat Pengurusan Program (PMO), EDS IT Services (Cyberjaya) (2009)
- Naib Presiden / Ketua, Bahagian Operasi & Teknologi Perniagaan, CIMB Islamic (1991 - 2007)

**AMREN FAISAL FADZIL***Ketua Pegawai Perbendaharaan***PENDIDIKAN**

- Ijazah Sarjana Muda Kewangan (UiTM)
- Diploma Analisis Pelaburan (UiTM)
- Perancang Kewangan Bertauliah (CFP)
- Persekutuan Pengurus Unit Amanah Malaysia (FMUTM)

PENGALAMAN DALAMAN

- Ketua Pegawai Perbendaharaan (2018)
- Naib Presiden, Pengurusan Portfolio Pelaburan (2016)
- Pengurus, Ekuiti (2014)
- Pengurus, Pelaburan (2012)

PENGALAMAN LUARAN

- Pengurus Portfolio (Pengurus Kanan), Affin Fund Management (2008 - 2012)
- Eksekutif Perancang Kewangan, Permodalan Nasional Berhad (PNB) (2002 - 2008)

**WAN MARIAH ABU HASSAN***Ketua Modal Insan***PENDIDIKAN**

- Diploma Pengurusan Sumber Manusia / Institut Pengurusan Sumber Manusia, Malaysia

PENGALAMAN DALAMAN

- Ketua Modal Insan (2020)

PENGALAMAN LUARAN

- Coca Cola Bottlers Sdn Bhd
 - Ketua Pengurusan Bakat, Coca Cola Bottlers Sdn Bhd (2019)
 - Rakan Kongsi Perniagaan Kanan Sumber Manusia (2015 - 2018)
- Pengurus Operasi HR, Dutch Lady Milk Industries Bhd (2009 - 2014)
- Pengurus Perekrutan & Integrasi, L'Oreal Malaysia Sdn Bhd (2008 - 2009)
- Eksekutif Kanan, Perekrutan, British American Tobacco (1998 - 2008)

NIZAM SANI*Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Bank Rakyat / Pemangku Ketua Pemasaran & Komunikasi***PENDIDIKAN**

- Ijazah Sarjana Muda Sastera Pemasaran & Pengiklanan (Kepujian), The London Institute, London College of Distributive Trades England

PENGALAMAN DALAMAN

- Ketua Pegawai Eksekutif, Yayasan Bank Rakyat (2020)
- Naib Presiden Kanan, Pemasaran & Komunikasi (2015)

PENGALAMAN LUARAN

- Astro - Measat broadcast Network Systems Sdn Bhd
 - Pengurus Besar, Pemasaran, Radio Astro (2015)
 - Ketua Saluran Premium Melayu (Mustika (4) Indopek (2) Basic HD Channel), Astro
 - Pengurus Kanan / Pengurus Saluran, Astro Prima & Warna, Astro
 - Pengurus Strategi Produk, Astro (2007 - 2008)
- Pengurus, Komunikasi Pemasaran, Bank Al Rajhi (2007)
- Ketua, Unit Perniagaan Berkaitan Kredit, AmAssurance Berhad (2004 - 2006)
- Eksekutif, Pengurusan Program dan Marcom, Maybank Berhad (2001 - 2003)



KOMITED MEMELIHARA ALAM SEKITAR



Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Utama

Lembaga Pengarah Bank Kerjasama Rakyat Berhad (BKRM) telah mewujudkan proses yang jelas dalam tadbir urus korporat dengan mewujudkan corak pengurusan yang berkesan dan berhemah yang mampu meraih kejayaan untuk jangka masa panjang bagi Bank di samping mencapai piawaian prinsip perniagaan dan profesionalisme tertinggi bagi para pemegang saham dan pihak berkepentingan.

1.0 LEMBAGA PENGARAH

1.1 Komposisi Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah terdiri daripada seorang Pengerusi dan tidak kurang daripada enam (6) orang dan tidak lebih daripada sebelas (11) orang ahli lain [Subseksyen 1(1), Jadual Pertama, Akta Bank Rakyat] dan majoriti daripada Lembaga Pengarah dianggotai oleh pengarah bebas [Piawaian 11.6 Garis Panduan Tadbir Urus Korporat diguna pakai untuk DFI yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, 2019].

Komposisi Lembaga Pengarah bagi sepanjang tahun 2019 adalah mematuhi dengan keperluan Garis Panduan Bank Negara Malaysia mengenai Tadbir Urus Korporat bagi Institusi Kewangan Pembangunan. Majoriti ahli Lembaga Pengarah adalah Pengarah Bebas yang bertanggungjawab untuk memastikan terdapatnya semakan danimbangan yang berkesan dalam fungsi Lembaga Pengarah. Pada 31 Disember 2019, Lembaga Pengarah BKRM dianggotai oleh sembilan (9) orang ahli yang terdiri daripada:

- Enam (6) Pengarah Bebas Bukan Eksekutif.
- Dua (2) Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif (Wakil daripada Kementerian Kewangan (MOF) dan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC).
- Satu (1) Pengarah Eksekutif Bukan Bebas yang dilantik sebagai Pengarah Urusan.

Senarai Lembaga Pengarah dan tempoh memegang jawatan bagi tahun 2019 adalah seperti berikut:

No.	Nama Pengarah	Tempoh Memegang Jawatan Pengarah pada 2019
Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif		
1.	Datuk Noripah Kamso	01/01/2019 hingga 31/12/2019
Pengarah Eksekutif Bukan Bebas		
2.	Dato' Rosman Mohamed ^(a)	01/04/2019 hingga 31/12/2019
3.	Dato' Zulkiflee Abbas Abdul Hamid	01/01/2019 hingga 02/04/2019
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif		
4.	Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi ^(b)	01/01/2019 hingga 31/12/2019
5.	Muhamad Shahril Othman ^(c)	08/07/2019 hingga 31/12/2019
6.	Datuk Siti Zauyah Md Desa ^(c)	01/01/2019 hingga 30/06/2019
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif		
7.	Abd Rani Lebai Jaafar	01/01/2019 hingga 31/12/2019
8.	Prof. Dr. Obiyathulla Ismath Bacha	01/04/2019 hingga 31/12/2019
9.	Tunku Dato' Ahmad Burhanuddin Tunku Datuk Seri Adnan	01/10/2019 hingga 31/12/2019
10.	Yuri Zaharin Wahab	04/10/2019 hingga 31/12/2019
11.	Sofiyah Yahya	31/10/2019 hingga 31/12/2019
12.	Dato' Sri Alias Haji Ahmad	01/01/2019 hingga 06/01/2019
13.	Armi Zainudin	01/01/2019 hingga 28/02/2019
14.	Wan Zamri Wan Zain	01/01/2019 hingga 16/06/2019
15.	Dato' Sri Jamil Salleh	01/01/2019 hingga 30/09/2019
16.	Edham Reza Shah Dato' Abdul Rahman	02/01/2019 hingga 30/10/2019

Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Utama

Nota:

- Selaras dengan pelantikan beliau sebagai Pemangku Pengarah Urusan pada 1 Ogos 2019, status Dato' Rosman Mohamed bertukar daripada Pengarah Bebas Bukan Eksekutif kepada Pengarah Eksekutif Bukan Bebas
- Wakil daripada MEDAC
- Wakil daripada MOF

Lembaga Pengarah mempunyai latar belakang yang berbeza serta mempunyai kepakaran dan kemahiran dalam bidang perbankan, kewangan, perakaunan, perundangan dan perniagaan. Lembaga Pengarah juga mempunyai pengalaman dalam menangani risiko dan isu-isu utama yang berkaitan dengan perniagaan Bank terutamanya dalam dasar-dasar, strategi dan pelan tindakan bagi merangka strategi untuk mengatasi sebarang cabaran dan halangan yang bakal dihadapi dengan berkesan dalam persekitaran perbankan masa kini.

1.2 Piagam Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah telah menerima pakai Piagam Lembaga Pengarah yang menggariskan tugas, tanggungjawab dan fungsi para ahli Lembaga Pengarah. Piagam Lembaga Pengarah ini turut menjadi rujukan bagi para ahli Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah untuk melaksanakan tugas pengawasan dengan lebih efektif dan efisien.

- Saiz dan komposisi Lembaga Pengarah
- Pelantikan/Pelantikan semula Pengarah baharu
- Peranan dan Tanggungjawab Lembaga Pengarah
- Kod Tatalaku bagi Pengarah
- Peranan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
- Peranan Jawatankuasa Lembaga Pengarah

1.3 Peranan dan Tanggungjawab Lembaga Pengarah

Dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka, para ahli Lembaga Pengarah komited dan mematuhi sepenuhnya piawaian tertinggi tadbir urus korporat. Ini adalah perlu bagi memastikan Bank Rakyat akan terus mencatat prestasi kewangan yang kukuh dalam memberi nilai jangka panjang dan mampan kepada pihak berkepentingan. Lembaga Pengarah juga mempunyai tanggungjawab fidusiar dan bertindak demi kepentingan Bank.

Peranan utama Lembaga Pengarah adalah seperti berikut:

- Menyediakan panduan dan hala tuju strategik serta merangka perjalanan operasi perniagaan Bank; dan
- Mengkaji dan meluluskan pelan perniagaan dan dasar-dasar penting Bank setelah berbincang dengan Pengarah Urusan dan Pengurusan Kanan.

Tanggungjawab utama Lembaga Pengarah meliputi perkara-perkara berikut:

- Kewangan dan Operasi
 - Mengkaji dan meluluskan strategi perniagaan Bank.
 - Merangka objektif dan dasar yang jelas bagi membolehkan Pengurusan beroperasi dengan berkesan.
 - Mengkaji, melulus dan memantau belanjawan, komitmen kewangan yang besar, pengurusan kewangan, pengambilalihan dan pelupusan.
 - Mengkaji, melulus, dan memantau pelan perniagaan Bank, sasaran tahunan, penyata kewangan dan laporan-laporan lain.
 - Memberi maklum balas dan input, menilai semula dan meluluskan strategi pembangunan pengurusan dan objektif pencapaian.
 - Memastikan tindakan Pengurusan berada dalam rangkuman risiko yang telah diluluskan ketika melaksanakan strategi, pelan dan belanjawan yang telah diluluskan.
 - Mengkaji dan meluluskan semua dasar perniagaan dan operasi bank.
 - Memastikan supaya infrastruktur operasi, sistem kawalan, sistem bagi pengesanan dan pengurusan risiko, kawalan kewangan dan operasi telah tersedia dan dilaksanakan dengan sewajarnya.
 - Mengelak dari berlakunya percanggahan kepentingan, mengenalpasti sebarang kemungkinan berlakunya percanggahan kepentingan dan mengkaji dan meluluskan kemasukan ke dalam, atau variasi terhadap kontrak, transaksi, aturan atau komitmen dengan mana-mana pihak berkaitan atau sebarang urusan yang membabitkan percanggahan kepentingan.

Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Utama

- x. Menentukan dasar dividen seperti jumlah dan bentuk dividen serta masa dividen akan dibayar.
 - xi. Memilih, melantik dan menamatkan pelantikan juruaudit luar.
 - xii. Mengawal selia penilaian Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan berhubung pencapaian juruaudit luar dan penilaian bebas.
 - xiii. Mengekal dan memastikan standard tadbir urus korporat serta menetapkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi mempertingkatkan pencapaian perniagaan dan tanggungjawab korporat.
- b) Pengurusan Risiko
- i. Mengkaji dan meluluskan rangka kerja dan dasar pengurusan risiko serta memastikan supaya kawalan dalaman dan infrastruktur yang mencukupi diwujudkan bagi memantau dan menguruskan semua risiko dengan berkesan.
 - ii. Mengkaji dan meluluskan Dasar Pengurusan Kesenambungan Perniagaan Bank dalam menangani pelbagai bencana atau pun kejadian di luar jangkaan.
 - iii. Menilai keberkesanan pihak Pengurusan dalam mengawal dan mengendalikan risiko-risiko di Bank Rakyat.
- c) Audit Dalaman
- i. Menentukan fungsi, peranan dan tanggungjawab jabatan audit dalaman, skop tugas serta bidang audit kewangan dan pengurusan dengan menilai keberkesanan fungsi audit dalaman dalam memberikan penilaian yang bebas mengenai kecukupan dan pematuhan terhadap dasar dan prosedur yang tersedia.
 - ii. Menilai struktur pelaporan fungsi audit dalaman dan prosedur yang diguna pakai bagi melaporkan kelemahan dan ketidakpatuhan terhadap kawalan dalaman.
- d) Sumber Manusia dan Tadbir Urus
- i. Mengkaji dan meluluskan pelantikan, gred gaji, kenaikan pangkat, imbuhan, pampasan, dan penamatan khidmat warga kerja Pengurusan Kanan.
 - ii. Mengkaji dan meluluskan dasar Sumber Manusia.
 - iii. Melaksanakan penilaian tahunan dan berterusan terhadap pencapaian Pengerusi, Pengarah Urusan dan para ahli Lembaga Pengarah secara individu serta warga kerja Pengurusan Kanan dan menilai keberkesanan Lembaga Pengarah.
 - iv. Menyarankan pakej-pakej imbuhan, elaun, manfaat, pelantikan baru dan pelantikan semula pengarah.
- e) Pematuhan
- i. Menyemak laporan dan cadangan yang berkaitan bagi memastikan supaya operasi Bank mematuhi semua undang-undang berkaitan, akta berkanun, prinsip-prinsip Syariah, dasar dan prosedur yang telah ditetapkan oleh Bank Rakyat.
 - ii. Berpegang dan mematuhi semua undang-undang yang berkaitan, peraturan, arahan, garis panduan dan pekiling (termasuk pendedahan secara berterusan) dan standard etika.
 - iii. Mempertimbang dan memberi maklum balas, pengakusaksian, aku janji atau pengesahan seperti yang dikehendaki oleh pihak-pihak berkuasa berkaitan pematuhan kepada keperluan undang-undang dan peraturan lain.
- f) Lain-lain
- i. Dalam melaksanakan tugas-tugasnya, Lembaga Pengarah mempunyai akses kepada rekod, hartanah dan warga kerja Bank Rakyat.

1.4 Pelantikan Baharu dan Pelantikan Semula

- a) Cadangan pelantikan atau pelantikan semula Pengarah adalah tertakluk kepada kelulusan Menteri yang bertanggungjawab ke atas pembangunan koperasi; dan
- b) Pelantikan Pengarah baharu adalah bagi tempoh permulaan tidak lebih dari tiga (3) tahun dan layak dilantik semula bagi tempoh tidak melebihi dua (2) tahun.

Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Utama

1.5 Latihan dan Pembangunan Profesional Berterusan Pengarah

Latihan yang berterusan adalah penting bagi para ahli Lembaga Pengarah untuk meluaskan perspektif mereka dan sentiasa mengikuti perkembangan industri perbankan dan perubahan keperluan berkanun dan kawal selia untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam melaksanakan tanggungjawab mereka dengan lebih berkesan.

Semua ahli Lembaga Pengarah Bank dikehendaki mendaftar untuk program latihan teras pengarah di bawah Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan (FIDE). Selain itu, para ahli Lembaga Pengarah juga digalakkan untuk menghadiri latihan lain yang berkaitan bagi membolehkan mereka menjalankan tanggungjawab dengan berkesan. Keutamaan akan diberikan kepada latihan elektif anjuran FIDE kerana susunan latihan tersebut berdasarkan bidang-bidang yang berkaitan dengan industri perbankan. Lembaga Pengarah juga boleh mengikuti program latihan lain yang dianjurkan oleh badan-badan profesional tempatan dan pihak-pihak berkuasa dalam bidang yang berkaitan dengan Bank.

Keperluan latihan para ahli Lembaga Pengarah adalah secara berterusan dan bidang yang ditetapkan akan digunakan untuk memberi kefahaman lebih mendalam berhubung isu-isu yang dihadapi oleh Bank. Ahli Lembaga Pengarah telah menghadiri persidangan, seminar dan program latihan berikut pada tahun 2019:

- *Anti-Money Laundering / Counter Financing of Terrorism - Banking Sector*
- *Bank Negara Malaysia Regional Conference on Climate Change*
- *BNM-FIDE Forum Dialogue with the Deputy Governor on the Draft Risk Management in Technology (RMiT) Policy*
- *Corporate Governance for DFIs*
- *C-suites roundtable: Combating Conduct Risk, using Technology and Analytics*
- *Ethical Finance 2019*
- *FIDE Elective Programme Emerging Risks, the Future Board and Return on Compliance*
- *FIDE Elective Programme Understanding Liquidity Risk Management in Banking*
- *FIDE Forum Invitation: "Leadership in A Disruptive World"*
- *FIDE Module A*
- *International Directors Summit 2019: The Trust Compass: Resetting the Course*
- *Shariah Training for Board of Directors & Management of Bank Rakyat*
- *Shariah Training for Board of Directors & Management of Bank Rakyat - Maqasid Al-Shariah & Islamic Finance*
- *Shariah Training for Board of Directors & Management of Bank Rakyat - Islamic Finance Regulatory Framework - IFSA 2013*
- *Shariah Training for Board of Directors & Management of Bank Rakyat - Shariah Contract & It's Application in Islamic Finance - Islamic Deposits & Financing in Practice*
- *"Our Sustainable Planet Series": The Power of Country-Led Impact Based Assessment System*
- *Malaysia SDG Summit 2019*
- *Leadership Energy Summit Asia (LESA2019) (LESA 2019)*
- *MyFintech Week 2019*
- *Shariah Championship Blueprint Workshop*
- *Shariah Scholars Roundtable (i-SHAR)*

1.6 Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Penglibatan efektif dari Pengarah Bebas Bukan Eksekutif membawa perspektif baru dan meningkatkan kebertanggungjawaban Lembaga Pengarah dalam proses membuat keputusan. Tanggungjawab Pengarah Bebas Bukan Eksekutif adalah seperti berikut:

- a) Memberi dan meningkatkan kebebasan dan objektiviti yang diperlukan oleh Lembaga Pengarah;
- b) Memastikan semakan dan imbalan yang berkesan dalam Lembaga Pengarah;
- c) Mengurangkan kemungkinan percanggahan kepentingan antara proses pengubalan dasar dan pengurusan harian Bank;
- d) Mempersoalkan secara membina dan menyumbang terhadap pembangunan strategi perniagaan dan hala tuju Bank; dan
- e) Memastikan sistem dan kawalan yang mencukupi disediakan bagi melindungi kepentingan Bank.

Di samping hak-hak yang diberikan kepada para ahli Lembaga Pengarah, Pengarah Bebas Bukan Eksekutif juga boleh meminta agar pandangan, ulasan dan pendirian mereka direkodkan bagi membolehkan mereka melaksanakan tugas secara berkesan.

1.7 Imbuhan Pengarah

Imbuhan dan elaun Pengerusi serta semua pengarah lain ditentukan oleh Menteri yang bertanggungjawab ke atas pembangunan koperasi dengan persetujuan MOF.

1.8 Peranan dan Tanggungjawab Pengerusi

Pengerusi bertanggungjawab:

- Memimpin dan memastikan ahli Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah berfungsi secara berkesan;
- Mempengerusikan semua mesyuarat Lembaga Pengarah serta mengetuai perbincangan bersama para pengarah;
- Memastikan para pengarah memperolehi maklumat yang tepat, segera dan jelas. Para pengarah berhak untuk meminta maklumat tambahan sekiranya mereka merasakan maklumat yang diperlukan dapat membantu mereka untuk membuat keputusan;
- Memastikan pandangan, garis panduan, pekeliling dan arahan daripada Bank Negara Malaysia, MOF dan MEDAC, disampaikan dan dipatuhi oleh Lembaga Pengarah;
- Memastikan para pengarah meningkatkan kemahiran, pengetahuan, dan serba maklum mengenai Bank secara berterusan;
- Perkongsian maklumat adalah mudah dan berkesan untuk semua pengarah ketika mesyuarat Lembaga Pengarah; dan
- Mempromosikan hubungan yang konstruktif dan saling hormat menghormati di antara para pengarah dan antara Lembaga Pengarah dan Pengurusan.

1.9 Peranan dan Tanggungjawab Pengarah Urusan

Pengarah Urusan bertanggungjawab:

- Bersama-sama dengan Lembaga Pengarah untuk membangunkan dan melaksanakan strategi korporat jangka pendek, sederhana dan panjang Bank, menyediakan pelan perniagaan dan laporan dengan kerjasama pengurusan kanan serta melaporkan/membentangkan inisiatif semasa dan masa hadapan kepada Lembaga Pengarah;
- Memastikan dasar dan keputusan yang dipersetujui oleh Lembaga Pengarah dilaksanakan oleh pengurusan untuk mencapai matlamat yang ditetapkan;
- Memastikan operasi harian Bank adalah cekap dan berkesan;
- Memastikan dasar pengurusan risiko Bank adalah bersesuaian sepanjang masa;
- Menyediakan kepimpinan yang kukuh dan bersama pengurusan, menyampaikan visi Bank, falsafah pengurusan dan strategi perniagaan kepada warga kerja;
- Menilai peluang-peluang perniagaan yang berpotensi dan memberi manfaat kepada Bank; dan
- Melaporkan sebarang perkara penting atau perkara lain yang berkaitan kepada Lembaga Pengarah secara tepat dan segera.

1.10 Mesyuarat Lembaga Pengarah

Mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan sekurang-kurangnya sekali sebulan, manakala mesyuarat tambahan diadakan jika perlu. Pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019, dua puluh (20) mesyuarat Lembaga Pengarah telah diadakan iaitu 12 mesyuarat lembaga pengarah dan 8 mesyuarat khas lembaga pengarah. Butiran mengenai kehadiran para Pengarah adalah seperti yang berikut:

No.	Nama Pengarah	Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah 2019
1.	Datuk Noripah Kamso ^(e)	20/20
2.	Dato' Rosman Mohamed ^(e)	13/14
3.	Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi ^(e)	20/20
4.	Muhamad Shahril Othman ^(e)	8/8
5.	Abd Rani Lebai Jaafar ^(e)	20/20
6.	Prof. Dr. Obiyathulla Ismath Bacha ^(e)	13/14
7.	Tunku Dato' Ahmad Burhanuddin Tunku Datuk Seri Adnan ^(e)	3/4
8.	Yuri Zaharin Wahab ^(e)	3/4
9.	Sofiyani Yahya ^(e)	2/2

No.	Nama Pengarah	Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah 2019
10.	Edham Reza Shah Dato' Abdul Rahman ^(e)	17/18
11.	Dato' Sri Jamil Salleh ^(e)	15/16
12.	Datuk Siti Zauyah Md Desa ^(e)	7/12
13.	Wan Zamri Wan Zain ^(e)	10/11
14.	Dato' Zulkiflee Abbas Abdul Hamid ^{(d) (e)}	2/6
15.	Armi Zainudin ^(e)	3/3
16.	Dato' Sri Alias Haji Ahmad ^(e)	0/0

Nota:

^(d) Sedang bercuti sebelum tamat tempoh memegang jawatan sebagai Pengarah Urusan pada 2 April 2019

^(e) Kehadiran mesyuarat adalah dari tarikh pelantikan

1.11 Jawatankuasa Lembaga Pengarah

Jawatankuasa-jawatankuasa berikut telah diwujudkan bagi membantu Lembaga Pengarah dalam melaksanakan tanggungjawabnya;

- Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan;
- Jawatankuasa Risiko;
- Jawatankuasa Pembiayaan;
- Jawatankuasa Pelaburan;
- Jawatankuasa Tender;
- Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan;
- Jawatankuasa Pengawasan (CoBRa);
- Jawatankuasa Pencalonan (*dibubarkan pada 28 Mei 2019*); dan
- Jawatankuasa Imbuhan (*dibubarkan pada 28 Mei 2019*).

Komposisi, peranan dan tanggungjawab setiap Jawatankuasa Lembaga Pengarah dinyatakan dalam piagam masing-masing.

Ahli yang menganggotai Jawatankuasa-Jawatankuasa Lembaga Pengarah boleh ditukar pada masa dan tempoh yang bersesuaian. Pertukaran dan penggiliran ahli jawatankuasa akan dilakukan bagi memastikan semua ahli jawatankuasa tidak digantikan pada masa yang sama.

2.0 JAWATANKUASA AUDIT DAN PEMERIKSAAN

Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan (AEC) adalah komited untuk memastikan tahap operasi Bank berada pada tahap terbaik. Tanggungjawab ini dilaksanakan melalui pengawasan bebas terhadap pengurusan risiko, kawalan dalaman dan proses tadbir urus.

AEC terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga (3) orang Pengarah Bukan Eksekutif yang majoriti daripada mereka hendaklah Pengarah Bebas. Jawatankuasa tersebut telah bermesyuarat sebelas (11) kali pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 dan kehadiran semua ahli jawatankuasa adalah seperti berikut:

No.	Nama Ahli AEC	Tempoh Keahlian AEC 2019	Kehadiran Mesyuarat AEC 2019
1.	Tunku Dato' Ahmad Burhanuddin Tunku Datuk Seri Adnan (<i>Dilantik sebagai Pengerusi pada 29 Oktober 2019</i>)	29/10/2019 hingga 31/12/2019	2/2
2.	Abd Rani Lebai Jaafar (<i>Pengerusi Interim dari 13 Jun 2019 hingga 1 Ogos 2019</i>)	01/01/2019 hingga 31/12/2019	11/11
3.	Prof. Dr. Obiyathulla Ismath Bacha	13/06/2019 hingga 31/12/2019	7/7
4.	Edham Reza Shah Dato' Abdul Rahman (<i>Pengerusi Interim dari 1 Ogos 2019 hingga 29 Oktober 2019</i>)	26/02/2019 hingga 29/10/2019	6/6
5.	Wan Zamri Wan Zain (<i>Pengerusi Interim dari 7 Mac 2018 hingga 13 Jun 2019</i>)	01/01/2019 hingga 13/06/2019	4/4
6.	Armi Zainudin	01/01/2019 hingga 28/02/2019	3/3

2.1 Objektif AEC

Objektif AEC adalah:

- Membantu Lembaga Pengarah melaksanakan tugas dan tanggungjawab berkanun berkaitan amalan perakaunan dan pelaporan Bank, subsidiari Bank dan Yayasan Bank Rakyat;
- Menyediakan pengawasan bebas bagi laporan kewangan dan sistem kawalan dalaman Bank; dan
- Memastikan supaya proses pengurusan risiko serta semakan dan imbalan yang mencukupi tersedia bagi membolehkan pengurusan keseluruhan Bank yang sewajarnya.

2.2 Fungsi AEC

AEC mempunyai kuasa yang jelas untuk menyiasat perkara-perkara yang termasuk dalam terma rujukannya, selaras dengan had kuasa yang ditentukan oleh Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa. Dalam melaksanakan tugas tersebut, Jawatankuasa mempunyai akses penuh dan tidak terbatas kepada:

- Rekod, harta dan warga kerja Bank;
- Kerjasama dari pihak pengurusan dan berhak mengikut pertimbangannya untuk menjemput mana-mana pengarah atau warga kerja bagi menghadiri mesyuarat;
- Nasihat dan khidmat dari Setiausaha Bank, Pengarah Urusan, Ketua Audit Dalaman dan juruaudit luar; dan
- Kelulusan bertulis daripada Lembaga Pengarah harus diperolehi terlebih dahulu sebelum sebarang fi yang akan perlu ditanggung oleh Bank atas sebarang khidmat nasihat profesional bebas dan kepakaran yang diperlukan.

2.3 Tugas dan Tanggungjawab AEC

Tugas dan tanggungjawab AEC adalah:

- Memastikan akaun disediakan pada masa yang ditetapkan dengan maklumat yang tepat dan semakan ke atas kecukupan peruntukan terhadap perkara diluar jangkaan dan hutang lapuk dan hutang ragu dan penyata-penyata kewangan adalah mematuhi standard pelaporan kewangan yang terpakai.
- Memastikan pelaporan akaun yang adil dan telus untuk dibentangkan kepada Lembaga Pengarah dan memastikan penerbitan akaun tahunan dengan segera.
- Mewujudkan fungsi audit dalaman yang melapor secara langsung kepada Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan.
- Menyelia dan memastikan fungsi audit dalaman mempunyai kedudukan yang sewajarnya di dalam Bank dan mempunyai akses kepada Jawatankuasa pada setiap masa, menilai pencapaian mereka dan melaporkan kepada Lembaga Pengarah pada waktu yang ditetapkan.
- Menyelia, mengkaji dan melaporkan kepada Lembaga Pengarah kecukupan dan keberkesanan fungsi audit dalaman, kawalan dalaman dan pengurusan risiko dan serta proses tadbir urus (termasuk pematuhan Syariah).
- Memastikan semua bentuk penipuan dan penyelewengan disiasat dan maklumbalas serta keterangan diperiksa serta melaporkan penemuan siasatan kepada Lembaga Pengarah.
- Mengkaji sebarang transaksi tidak normal dalam urusan perniagaan dan potensi berlakunya pencanggahan kepentingan yang mungkin wujud antara pihak berkaitan dan melaporkannya kepada Lembaga Pengarah.
- Mencadangkan kepada Lembaga Pengarah sekiranya perlu untuk mengupah pakar luar yang mana fungsi audit dalaman tidak mempunyai kepakaran yang diperlukan untuk melaksanakan audit khas beserta fi yang dikenakan dan menyatakan dengan jelas terma dan skop upahan, susunan kerja dan bentuk pelaporan yang dikehendaki daripada audit luar.
- Mengkaji dan menentukan pelaksanaan fungsi audit Syariah selepas perbincangan dengan Jawatankuasa Syariah.
- Menyelia fungsi audit luar.
- Mengkaji penemuan audit dalaman, audit luar dan Syariah serta mencadangkan kepada Lembaga Pengarah tindakan yang perlu diambil oleh pihak pengurusan.

3.0 JAWATANKUASA RISIKO LEMBAGA PENGARAH

Jawatankuasa Pengurusan Risiko (BRC) dianggotai tidak kurang daripada tiga (3) ahli Lembaga Pengarah Bukan Eksekutif. Dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019, lapan (8) mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko telah diadakan dan butiran mengenai kehadiran adalah seperti yang berikut:

No.	Nama Ahli BRC	Tempoh Keahlian BRC 2019	Kehadiran Mesyuarat BRC 2019
1.	Abd Rani Lebai Jaafar (Dilantik sebagai Pengerusi pada 27 Mac 2018)	1/1/2019 hingga 31/12/2019	8/8
2.	Tunku Dato' Ahmad Burhanuddin Tunku Datuk Seri Adnan	29/10/2019 hingga 31/12/2019	1/1
3.	Yuri Zaharin Wahab	29/10/2019 hingga 31/12/2019	1/1
4.	Prof. Dr. Obiyathulla Ismath Bacha	28/5/2019 hingga 29/10/2019	3/3
5.	Edham Reza Shah Dato' Abdul Rahman	28/05/2019 hingga 29/10/2019	3/3
6.	Datuk Siti Zauyah Md Desa	01/01/2019 hingga 30/06/2019	3/4
7.	Wan Zamri Wan Zain	01/01/2019 hingga 13/06/2019	4/4

3.1 Objektif BRC

Objektif BRC adalah:

- Membuat semakan dalam mengenal pasti dan menguruskan risiko ketara Bank;
- Memastikan kewujudan proses pengurusan risiko dan semakan serta imbalan telah tersedia bagi memastikan pengurusan keseluruhan Bank yang baik; dan
- Membantu mewujudkan dan menguruskan budaya kesedaran risiko yang efektif pada setiap peringkat serta pematuhan terhadap setiap dasar, perundangan dan arahan pihak berkuasa.

3.2 Fungsi BRC

Jawatankuasa mempunyai kuasa bagi mempertimbang dan meluluskan perkara-perkara yang termaktub dalam fungsi dan tanggungjawab yang mana had kuasanya ditentukan oleh Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa. Jawatankuasa mempunyai akses kepada perkara berikut ketika melaksanakan tugas-tugasnya:

- Rekod, harta dan warga kerja Bank;
- Nasihat dan perkhidmatan pegawai pengurusan tinggi sektor Pengurusan Risiko dan Pematuhan dan Ketua Pegawai Risiko (CRO); dan
- Kelulusan bertulis daripada Pengarah Urusan harus diperolehi terlebih dahulu sebelum sebarang caj perlu ditanggung oleh Bank bagi sebarang khidmat nasihat profesional bebas dan kepakaran yang diperlukan bagi melaksanakan tugasnya.

3.3 Tugas dan Tanggungjawab BRC

Tugas dan tanggungjawab BRC adalah:

- a) Menyelia keberkesanan fungsi pengurusan risiko dan memastikan pematuhan selaras dengan Garis Panduan Bank Negara Malaysia berkaitan keperluan pengurusan fungsi pengurusan risiko.
- b) Mengkaji pelaksanaan pengurusan modal sejajar dengan Rangka Kerja Kecukupan Modal untuk Bank-Bank Islam yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dan meluluskan senario bagi ujian tekanan kecukupan modal.
- c) Mengkaji pengagihan modal wajaran risiko dan had-had dasar yang menyeluruh merangkumi risiko kredit, pasaran dan operasi.
- d) Mengkaji bersama pihak pengurusan dan memberi nasihat kepada Lembaga Pengarah sama ada pendekatan yang kukuh dan berkesan telah digunakan ketika mewujudkan pelan kesinambungan perniagaan Bank termasuk memastikan bahawa pelan pemulihan bencana telah diuji secara berterusan.
- e) Mengkaji bersama pihak pengurusan sebarang hal berkaitan perundangan yang mampu memberikan kesan kepada operasi dan pencapaian kewangan Bank.
- f) Mengkaji dan memantau inisiatif dan aktiviti berkaitan Pencegahan Pengubahan Wang Haram/Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AML/CFT) dan pematuhan kepada keperluan perundangan lain.
- g) Membuat seliaan pematuhan terhadap polisi, garis panduan dan prosedur Bank serta semua undang-undang dan peraturan yang diterima pakai.
- h) Memastikan wujudnya sistem bagi memantau pematuhan Bank terhadap undang-undang dan peraturan serta pelaporan secara tahunan bahawa Bank mematuhi setiap keperluan perundangan.
- i) Memastikan semua isu yang dibangkitkan dalam Composite Risk Rating (CRR) Bank Negara Malaysia dipantau dan diselesaikan dengan sebaiknya.
- j) Mengkaji dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah produk dan perkhidmatan baharu serta kuasa budi bicara atau had kuasa yang diberikan atas produk yang dicadangkan.
- k) Mengkaji dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah sebarang cadangan penyumberluaran dan meluluskan pembaharuan perkhidmatan penyumberluaran termasuk pelantikan dan/atau pembaharuan penyedia perkhidmatan penyumberluaran.
- l) Mengkaji semua cadangan perniagaan, terutamanya:
 - produk program dan prestasinya;
 - menyasarkan kriteria pasaran dan menilai risiko sebarang produk dan perkhidmatan; dan
 - penilaian keuntungan produk.

4.0 JAWATANKUASA PEMBIAYAAN PERINGKAT LEMBAGA PENGARAH

Jawatankuasa Pembiayaan Peringkat Lembaga Pengarah (BFC) terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga (3) orang ahli yang majoriti daripada mereka hendaklah Pengarah Bebas. Jawatankuasa tersebut telah bermesyuarat sebelas (11) kali pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 dan kehadiran semua ahli jawatankuasa adalah seperti berikut:

No.	Nama Ahli BFC	Tempoh Keahlian BFC 2019	Kehadiran Mesyuarat BFC 2019
1.	Tunku Dato' Ahmad Burhanuddin Tunku Datuk Seri Adnan (Dilantik sebagai Pengerusi pada 29 Oktober 2019)	29/10/2019 hingga 31/12/2019	1/1
2.	Abd Rani Lebai Jaafar	01/01/2019 hingga 31/12/2019	11/11
3.	Muhamad Shahril Othman	04/10/2019 hingga 31/12/2019	1/2
4.	Prof. Dr. Obiyathulla Ismath Bacha (Pengerusi Interim dari 28 Ogos 2019 hingga 29 Oktober 2019)	28/08/2019 hingga 31/12/2019	3/3
5.	Edham Reza Shah Dato' Abdul Rahman (Pengerusi Interim dari 25 Jun 2019 hingga 28 Ogos 2019)	25/06/2019 hingga 29/10/2019	4/5
6.	Dato' Sri Jamil Salleh	25/06/2019 hingga 30/09/2019	3/3
7.	Wan Zamri Wan Zain (Pengerusi dari 28 Mei 2018 hingga 13 Jun 2019)	01/01/2019 hingga 13/06/2019	6/6
8.	Datuk Siti Zauyah Md. Desa	01/01/2019 hingga 30/06/2019	4/6

4.1 Objektif BFC

Objektif BFC adalah untuk membantu Lembaga Pengarah dalam melaksanakan tanggungjawabnya bagi memastikan kawal selia sewajarnya dilakukan yang membabitkan pengurusan risiko kredit Bank.

4.2 Fungsi BFC

Jawatankuasa tersebut mempunyai kuasa bagi membincangkan perkara-perkara yang termaktub dalam tugas dan tanggungjawabnya selaras dengan had-had kuasa yang ditentukan Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa. Jawatankuasa mempunyai akses kepada perkara berikut sepanjang tempoh melaksanakan tugasannya:

- a) Rekod, harta dan warga kerja Bank;
- b) Nasihat dan khidmat Setiausaha Bank dan pegawai Pengurusan Kanan utama dalam jabatan Perbankan Perniagaan; dan
- c) Kelulusan bertulis daripada Pengarah Urusan harus diperoleh terlebih dahulu atau sebarang fi yang perlu ditanggung oleh Bank bagi sebarang khidmat nasihat profesional bebas dan kepakaran yang diperlukan bagi melaksanakan tugasnya.

4.3 Tugas dan Tanggungjawab BFC

Tugas dan Tanggungjawab BFC adalah:

- a) Mengesahkan atau menolak kelulusan Jawatankuasa Pembiayaan A berhubung semakan tahunan dan tiada perubahan kepada terma dan syarat.
- b) Mengesahkan atau menolak kelulusan Jawatankuasa Pembiayaan A bagi pembiayaan baharu/ tambahan dan/ atau variasi kepada terma dan syarat pembiayaan sedia ada.
- c) Mencadangkan kepada Lembaga Pengarah untuk membuat keputusan bagi sebarang pembiayaan yang melepasi had kuasa yang diberikan kepada Jawatankuasa Pembiayaan A.
- d) Mengesahkan atau menolak cadangan penstrukturan dan penjadualan semula pembiayaan dan mencadangkan keputusan kepada Lembaga Pengarah.
- e) Menyediakan pencapaian akaun-akaun yang telah dijadual dan distruktur semula bagi meminimumkan kerugian kredit dan memaksimumkan pungutan daripada akaun-akaun berkenaan. Mengesahkan atau menolak kelulusan Jawatankuasa Pembiayaan A yang melibatkan semua kes penghapusan dan hapus kira (write-off).
- f) Menyelia pengurusan pembiayaan tidak berbayar serta memantau fungsi pungutan.

5.0 JAWATANKUASA PELABURAN LEMBAGA PENGARAH

Jawatankuasa Pelaburan Lembaga Pengarah (BIC) dianggotai oleh sekurang-kurangnya tiga (3) orang ahli yang majoriti daripada mereka hendaklah merupakan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Jawatankuasa tersebut telah bermesyuarat empat (4) kali pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 dan kehadiran semua ahli jawatankuasa adalah seperti berikut:

No.	Nama Ahli BIC	Tempoh Keahlian BIC 2019	Kehadiran Mesyuarat BIC 2019
1.	Prof. Dr. Obiyathulla Ismath Bacha (Dilantik sebagai Pengerusi pada 13 Jun 2019)	13/06/2019 hingga 31/12/2019	2/2
2.	Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi	29/03/2019 hingga 31/12/2019	2/3
3.	Sofiyah Yahya	31/10/2019 hingga 31/12/2019	1/1
4.	Abd Rani Lebai Jaafar (Pengerusi dari 27 Mac 2018 hingga 13 Jun 2019)	01/01/2019 hingga 29/10/2019	3/3
5.	Datuk Siti Zauyah Md Desa	01/01/2019 hingga 30/06/2019	2/2
6.	Dato' Sri Jamil Salleh	01/01/2019 hingga 30/09/2019	3/3
7.	Wan Zamri Wan Zain	01/01/2019 hingga 13/06/2019	2/2

Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Utama

5.1 Objektif BIC

Objektif BIC adalah untuk memainkan peranan dalam merangka dasar dan hala tuju berkaitan pelaburan bagi memastikan supaya pelaburan Bank selamat dan menjana pulangan yang memuaskan.

5.2 Fungsi BIC

Jawatankuasa tersebut mempunyai kuasa untuk mempertimbang dan meluluskan perkara-perkara yang terangkum dalam tugas dan tanggungjawab utamanya selaras dengan had kuasa yang ditentukan oleh Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa. Dalam melaksanakan tugas tersebut, Jawatankuasa ini mempunyai akses kepada:

- Pelaburan ekuiti, pendapatan tetap, hartanah sebenar dan pelaburan lain yang dianggap perlu.
- Menentu dan meluluskan dasar dan prosedur pelaburan berdasarkan objektif perniagaan Bank secara umum.
- Meluluskan sebarang aktiviti berkaitan pelaburan baharu selain daripada pelaburan hartanah sebenar.
- Mengesahkan pelaburan hartanah sebenar.

5.3 Tugas dan Tanggungjawab BIC

Tugas dan tanggungjawab BIC adalah:

- Menentukan dan meluluskan dasar dan prosedur bagi pelaburan, pengagihan aset, hala tuju pelaburan, kawalan risiko dan pelaburan-pelaburan berkaitan yang lain.
- Mempertimbang dan meluluskan sebarang cadangan berkaitan aktiviti pelaburan baharu selain daripada pelaburan hartanah sebenar.
- Mempertimbang dan mengesyorkan pelaburan hartanah sebenar sebelum dikemukakan kepada Lembaga Pengarah untuk diluluskan.
- Memaklumkan keputusan pelaburan yang telah dicapai kepada Lembaga Pengarah.
- Melantik ahli-ahli Jawatankuasa Pelaburan di peringkat Pengurusan.

6.0 JAWATANKUASA TENDER LEMBAGA PENGARAH

Jawatankuasa Tender Lembaga Pengarah (BTC) dianggotai sekurang-kurangnya tiga (3) orang ahli yang majoriti daripada mereka hendaklah merupakan Pengarah Bebas. BTC telah mengadakan tiga (3) mesyuarat pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 dan kehadiran semua ahli jawatankuasa adalah seperti berikut:

No.	Nama Ahli BTC	Tempoh Keahlian BTC 2019	Kehadiran Mesyuarat BTC 2019
1.	Sofiyan Yahya (Dilantik sebagai Pengerusi pada 31 Oktober 2019)	31/10/2019 hingga 31/12/2019	1/1
2.	Tunku Dato' Ahmad Burhanuddin Tunku Datuk Seri Adnan	29/10/2019 hingga 31/12/2019	0/1
3.	Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi	29/03/2019 hingga 31/12/2019	2/2
4.	Edham Reza Shah Dato' Abdul Rahman (Pengerusi Interim dari 1 Ogos 2019 hingga 29 Oktober 2019)	01/08/2019 hingga 29/10/2019	0/0
5.	Dato' Rosman Mohamed (Pengerusi dari 13 Jun 2019 hingga 31 Julai 2020)	13/06/2019 hingga 31/07/2019	0/0
6.	Wan Zamri Wan Zain (Pengerusi dari 27 Mac 2018 hingga 13 Jun 2019)	01/01/2019 hingga 13/06/2019	2/2
7.	Datuk Siti Zauyah Md Desa	01/01/2019 hingga 30/06/2019	2/2
8.	Dato' Sri Jamil Salleh	01/01/2019 hingga 30/09/2019	2/2
9.	Dato' Sri Alias Haji Ahmad	01/01/2019 hingga 06/01/2019	0/0
10.	Armi Zainudin	01/01/2019 hingga 28/02/2019	1/1

Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Utama

6.1 Objektif BTC

Objektif BTC adalah untuk mempertimbang dan meluluskan tender bernilai lebih daripada RM3 juta (Perbelanjaan Modah dan Ubahsuai).

6.2 Fungsi BTC

Jawatankuasa mempunyai kuasa bagi membincangkan mengenai perkara-perkara yang termaktub dalam tugas dan tanggungjawab selaras dengan had-had kuasa yang ditentukan Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa. Jawatankuasa boleh meluluskan tender pemerolehan bernilai lebih daripada RM3 juta (perbelanjaan modal dan ubah suai) sepanjang tempoh melaksanakan tugas-tugasnya.

6.3 Tugas dan Tanggungjawab BTC

Tugas dan Tanggungjawab BTC adalah:

- Menimbang dan meluluskan tender pemerolehan bernilai lebih daripada RM3 juta (perbelanjaan modal dan ubah suai).
- Merekodkan dengan jelas berkenaan semua asas dan faktor pemilihan serta membentangkan keputusan Jawatankuasa kepada Lembaga Pengarah.

7.0 JAWATANKUASA PENCALONAN DAN IMBUHAN LEMBAGA PENGARAH

Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan (NRC) dibentuk pada 28 Mei 2019 dan dianggotai tidak kurang daripada lima (5) orang ahli yang sekurang-kurangnya empat daripada mereka hendaklah terdiri daripada Pengarah Bukan Eksekutif. NRC telah mengadakan sebelas (11) mesyuarat pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 dan kehadiran semua ahli jawatankuasa adalah seperti berikut:

No.	Nama Ahli NRC	Tempoh Keahlian NRC 2019	Kehadiran Mesyuarat NRC 2019
1.	Abd Rani Lebai Jaafar (Dilantik sebagai Pengerusi pada 1 Ogos 2019)	28/05/2019 hingga 31/12/2019	11/11
2.	Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi	28/05/2019 hingga 31/12/2019	10/11
3.	Muhamad Shahril Othman	01/08/2019 hingga 31/12/2019	5/7
4.	Yuri Zaharin Wahab	29/10/2019 hingga 31/12/2019	1/1
5.	Sofiyan Yahya	31/10/2019 hingga 31/12/2019	1/1
6.	Prof. Dr. Obiyathulla Ismath Bacha	02/10/2019 hingga 29/10/2019	3/3
7.	Dato' Rosman Mohamed (Pengerusi dari 28 Mei 2019 hingga 31 Julai 2019)	28/05/2019 hingga 31/07/2019	4/4
8.	Edham Reza Shah Dato' Abdul Rahman	28/05/2019 hingga 29/10/2019	8/10
9.	Wan Zamri Wan Zain	28/05/2019 hingga 13/06/2019	0/1
10.	Datuk Siti Zauyah Md Desa	28/05/2019 hingga 30/06/2019	1/2
11.	Dato' Sri Jamil Salleh	28/05/2019 hingga 30/09/2019	5/7

Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Utama

7.1 Objektif NRC

Objektif NRC adalah:

- Mewujudkan prosedur rasmi dan telus bagi mengesyorkan calon-calon yang layak untuk dilantik atau dilantik semula sebagai pengarah, ahli Jawatankuasa Syariah, Pengarah Urusan, Pengerusi dan pegawai Pengurusan Kanan utama;
- Menilai keberkesanan para ahli Lembaga Pengarah secara individu, Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah, ahli Jawatankuasa Syariah dan Jawatankuasa Syariah secara keseluruhan;
- Menilai prestasi Pengarah Urusan dan pegawai Pengurusan Kanan Utama;
- Mewujudkan prosedur rasmi dan telus bagi merangka sebuah dasar imbuhan untuk para ahli Lembaga Pengarah, ahli Jawatankuasa Syariah, Pengarah Urusan dan pegawai Pengurusan Kanan utama; dan
- Memastikan supaya struktur pampasan berdaya saing dan selaras dengan budaya, objektif dan strategi Bank.

7.2 Fungsi NRC

Jawatankuasa tersebut mempunyai kuasa untuk mempertimbangkan dan meluluskan perkara yang terangkum dalam tugas dan tanggungjawab utama selaras dengan had kuasa yang ditentukan oleh Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa. Dalam melaksanakan tugas tersebut, Jawatankuasa ini mempunyai akses kepada:

- Rekod, hartanah dan warga kerja Bank;
- Nasihat dan khidmat Setiausaha Bank dan pegawai Pengurusan Kanan utama di jabatan Modal Insan; dan
- Nasihat dan kepakaran profesional bebas yang perlu untuk menjalankan tugasnya dengan kos dibiayai oleh Bank dengan syarat kelulusan bertulis daripada Pengarah Urusan hendaklah diperolehi terlebih dahulu sebelum perbelanjaan sedemikian ditanggung oleh Bank.

7.3 Tugas dan Tanggungjawab NRC

Tugas dan tanggungjawab NRC adalah:

- Mengkaji struktur, saiz dan komposisi Lembaga Pengarah.
- Menetap dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah keperluan minimum berkaitan kemahiran, pengalaman perniagaan, kelayakan profesional dan akademik serta kepakaran dan daya saing teras lain bagi pengarah dan ahli Jawatankuasa Syariah.
- Menentukan had yang sesuai bagi bilangan jawatan pengarah yang boleh dipegang oleh calon dalam syarikat / institusi / organisasi.
- Menilai daya saing dan pengalaman serta mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah bagi calon jawatan pengarah, ahli Jawatankuasa Lembaga Pengarah, ahli Jawatankuasa Syariah dan Pengarah Urusan.
- Menjalankan penilaian berterusan dan kajian prestasi tahunan bagi pengarah, ahli Jawatankuasa Syariah, Pengarah Urusan dan Pengerusi.
- Mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah pemecatan atau sebarang tindakan lain yang perlu diambil terhadap mana-mana pengarah, ahli Jawatankuasa Syariah, Pengarah Urusan atau Pengerusi daripada Lembaga Pengarah atau Jawatankuasa Lembaga Pengarah.
- Mengkaji semula sekurang-kurangnya sekali setahun, berdasarkan rundingan dengan Pengerusi, dan melaksanakan mekanisme penilaian rasmi terhadap keberkesanan Lembaga Pengarah secara keseluruhan dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah serta membuat laporan yang sewajarnya kepada Lembaga Pengarah.
- Menilai dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah berhubung pelantikan, gred pekerjaan, kenaikan pangkat, pakej imbuhan, perancangan penggantian dan penilaian prestasi pegawai Pengurusan Kanan utama.
- Mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah tindakan yang perlu diambil terhadap mana-mana pegawai Pengurusan Kanan utama yang didapati tidak berkesan, tidak komited atau cuai dalam menjalankan tanggungjawab mereka.
- Mengkaji dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah keseluruhan dasar imbuhan pengarah, Pengarah Urusan dan pegawai Pengurusan Kanan utama.
- Mengkaji dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah pakej imbuhan khusus bagi pengarah, Pengarah Urusan dan pegawai Pengurusan Kanan utama yang melapor dari segi fungsi dan pentadbiran, kepada Pengarah Urusan dan warga kerja lain seperti yang ditentukan oleh Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa.

Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Utama

- Menentukan jumlah pakej imbuhan individu bagi warga kerja termasuk bonus, bayaran insentif yang sesuai dan sebagainya, berdasarkan prestasi individu.
- Membuat saranan kepada Lembaga Pengarah berkaitan sebarang semakan imbuhan dan struktur manfaat kakitangan termasuk bonus dan skim gaji berkaitan prestasi bagi memastikan keseragaman di seluruh Bank.
- Mengkaji dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah imbuhan ahli Jawatankuasa Syariah.

8.0 JAWATANKUASA PENGAWASAN LEMBAGA PENGARAH (CoBRa)

Jawatankuasa Pengawasan Lembaga Pengarah (CoBRa) (BOC CoBRa) dianggotai oleh sekurang-kurangnya tiga (3) orang ahli yang majoriti daripada mereka hendaklah merupakan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. BOC CoBRa telah bermesyuarat empat belas (14) kali pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 dan kehadiran semua ahli jawatankuasa adalah seperti berikut:

No.	Nama Ahli BOC CoBRa	Tempoh Keahlian BOC CoBRa 2019	Kehadiran Mesyuarat BOC CoBRa 2019
1.	Yuri Zaharin Wahab (Pengerusi pada 29 Oktober 2019)	29/10/2019 hingga 31/12/2019	3/3
2.	Muhamad Shahril Othman	01/08/2019 hingga 31/12/2019	8/8
3.	Prof. Dr. Obiyathulla Ismath Bacha (Pengerusi Interim dari 1 Ogos 2019 hingga 27 Ogos 2019)	28/05/2019 hingga 31/12/2019	12/14
4.	Edham Reza Shah Dato' Abdul Rahman (Pengerusi Interim dari 28 Ogos 2019 hingga 29 Oktober 2019)	28/05/2019 hingga 29/10/2019	11/11
5.	Dato' Rosman Mohamed (Pengerusi dari 28 Mei 2019 hingga 31 Julai 2019)	28/05/2019 hingga 31/07/2019	6/6

8.1 Objektif BOC CoBRa

Jawatankuasa ini dibentuk oleh Lembaga Pengarah pada 28 Mei 2019 sehingga tiga (3) bulan selepas tarikh pelancaran 'go-live' CoBRa atau sehingga Lembaga Pengarah memutuskan sebaliknya. Tempoh tiga (3) bulan tersebut adalah bagi memastikan pengawasan terus dapat dilaksanakan dalam tempoh penstabilan sistem CoBRa sehingga Jawatankuasa berpuas hati sebagaimana yang dinasihatkan dengan sewajarnya.

8.2 Fungsi BOC CoBRa

- Pihak Pengurusan Bank dan mana-mana pegawai Bank, (termasuk pegawai yang tidak lagi memegang jawatan), hendaklah memberi kerjasama penuh kepada Jawatankuasa dan mematuhi sepenuhnya keputusan Jawatankuasa.
- Jawatankuasa akan menggunakan kuasanya demi kepentingan Bank dengan menyediakan panduan, hala tuju dan saranan strategik untuk Bank, walau bagaimanapun, Jawatankuasa tidak akan campur tangan dalam peranan pihak Pengurusan.
- Jawatankuasa tersebut mempunyai kuasa untuk mempertimbang dan meluluskan perkara-perkara yang termaktub dalam tugas dan tanggungjawab utamanya selaras dengan had kuasa yang ditentukan oleh Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa. Dalam melaksanakan tugas tersebut, Jawatankuasa ini mempunyai kuasa dan akses kepada:
 - rekod, hartanah dan warga kerja Bank;
 - nasihat dan sokongan Setiausaha Bank dan pegawai Pengurusan Kanan utama; dan
 - nasihat dan kepakaran profesional bebas (seperti Dialogue Partner) yang perlu untuk menjalankan tugasnya dengan kos dibiayai oleh Bank menurut rujukan yang telah ditetapkan atau diluluskan, dengan syarat kelulusan bertulis daripada Lembaga Pengarah hendaklah diperolehi terlebih dahulu sebelum perbelanjaan sedemikian ditanggung oleh Bank.

8.3 Tugas dan Tanggungjawab BOC CoBRa

Tugas dan tanggungjawab BOC CoBRa adalah:

- Mengawal selia pelaksanaan dan memantau keputusan Lembaga Pengarah termasuk kebolehsaraan CoBRa dalam tempoh garis masa yang ditetapkan. Jika wujud kemungkinan berlakunya penangguhan, Jawatankuasa dikehendaki berusaha dengan secukupnya dan mengkaji semula pelan segera/pembetulan/pemulihan/pembaikan yang sewajarnya, dengan bantuan pakar yang berkaitan;
- Membuat dan menjalankan penyiasatan, temuduga, penilaian dan mengambil kira semua penemuan dan maklumat berkaitan kemajuan dan pelaksanaan CoBRa menurut perjanjian yang dimeterai antara Bank dan mana-mana pihak (pihak-pihak) ketiga;
- Menilai dan menentukan sama ada sistem CoBRa yang dicadangkan berada dalam rangkuman amalan best-of-breed sejajar dengan program transformasi Bank bagi membolehkan manfaat optimum diperoleh daripada potensi sistem tersebut;
- Mengkaji semua cadangan, penanda aras, ketersediaan, kebolehsaraan, terma perjanjian termasuk pelan tindakan daripada Pasukan Projek, perundingcara dan kontraktor yang terlibat dengan CoBRa sehingga Jawatankuasa berpuas hati, demi kepentingan Bank dan memenuhi jangkaan pihak berkuasa;
- Mendapatkan laporan segera berhubung perkembangan pelaksanaan CoBRa secara kerap atau berkala daripada mana-mana individu tertakluk kepada pengesahan atau kelulusan pakar yang berkaitan bagi membolehkan Jawatankuasa dan/atau Lembaga Pengarah membuat keputusan tepat dari semasa ke semasa;
- Membuat laporan dan saranan kepada Lembaga Pengarah berhubung perkara-perkara di atas, mengikut kesesuaian, dan berhubung apa jua perkara yang termaktub dalam bidang kuasanya, sebagaimana ia dianggap perlu.

9.0 JAWATANKUASA PENCALONAN

Jawatankuasa Pencalonan (BNC) dianggotai tidak kurang daripada lima (5) ahli Lembaga Pengarah, sekurang-kurangnya empat (4) daripada mereka mestilah terdiri daripada Pengarah Bukan Eksekutif. Dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019, lapan (8) mesyuarat telah diadakan dan butiran mengenai kehadiran adalah seperti yang berikut:

No.	Nama Ahli BNC	Tempoh Keahlian BNC 2019	Kehadiran Mesyuarat BNC 2019
1.	Abd Rani Lebai Jaafar (Pengerusi dari 28 Mei 2018 hingga 28 Mei 2019)	1/1/2019 hingga 28/05/2019	8/8
2.	Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi	29/01/2019 hingga 28/05/2019	6/7
3.	Edham Reza Shah Dato' Abdul Rahman	29/01/2019 hingga 28/05/2019	7/7
4.	Wan Zamri Wan Zain	01/01/2019 hingga 28/05/2019	8/8
5.	Datuk Siti Zauyah Md Desa	01/01/2019 hingga 28/05/2019	7/8
6.	Dato' Sri Jamil Salleh	01/01/2019 hingga 29/01/2019	1/1
7.	Armi Zainudin	01/01/2019 hingga 29/01/2019	1/1
8.	Dato' Sri Alias Haji Ahmad	01/01/2019 hingga 06/01/2019	0/0

Nota: BNC telah dibubarkan pada 28 Mei 2019

9.1 Objektif BNC

Objektif BNC adalah:

- Mewujudkan prosedur rasmi dan telus dalam mencadangkan calon bagi pelantikan baharu atau pelantikan semula sebagai pengarah, ahli Jawatankuasa Syariah, Pengarah Urusan, Pengerusi dan pegawai Pengurusan Kanan utama;
- Menilai keberkesanan setiap pengarah, Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah, ahli Jawatankuasa Syariah dan Jawatankuasa Syariah secara keseluruhannya; dan
- Menilai pencapaian Pengarah Urusan dan pegawai Pengurusan Kanan utama.

9.2 Fungsi BNC

BNC mempunyai kuasa untuk berbincang dan meluluskan perkara-perkara yang termaktub dalam tugas dan tanggungjawab utamanya selaras dengan had kuasa yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa. Jawatankuasa ini mempunyai akses kepada perkara berikut ketika melaksanakan tugasnya:

- Rekod, harta dan warga kerja Bank;
- Nasihat dan khidmat Setiausaha Bank dan pegawai Pengurusan Kanan utama dari jabatan Modal Insan/ Sumber; dan
- Kelulusan bertulis daripada Pengarah Urusan harus diperoleh terlebih dahulu atau sebarang fi yang perlu ditanggung oleh Bank bagi sebarang khidmat nasihat profesional bebas dan kepakaran yang diperlukan.

9.3 Tugas dan Tanggungjawab BNC

Tugas dan tanggungjawab BNC adalah:

- Mengkaji struktur, saiz dan komposisi Lembaga Pengarah.
- Mewujudkan dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah keperluan minimum kemahiran, pengalaman perniagaan, tahap profesionalisme, dan kelayakan akademik, kepakaran dan teras kecekapan seseorang pengarah dan ahli Jawatankuasa Syariah.
- Menentukan had yang sesuai bagi lantikan sebagai pengarah yang boleh dijabat oleh calon dalam syarikat/ institusi/ organisasi.
- Menilai kecekapan serta pengalaman dan mencadangkan calon untuk jawatan pengarah, ahli Jawatankuasa Lembaga Pengarah, anggota Jawatankuasa Syariah dan Pengarah Urusan kepada Lembaga Pengarah.
- Melaksanakan penilaian berterusan dan kajian tahunan pencapaian pengarah, ahli Jawatankuasa Syariah, Pengarah Urusan dan Pengerusi.
- Mencadangkan pemecatan atau lain-lain tindakan yang diambil terhadap mana-mana pengarah, anggota Jawatankuasa Syariah, Pengarah Urusan atau Pengerusi Lembaga Pengarah atau Jawatankuasa Lembaga Pengarah kepada Lembaga Pengarah.
- Sekurang-kurangnya sekali setahun, mengkaji menerusi perbincangan dengan Pengerusi, dan melaksanakan mekanisme penilaian rasmi tentang keberkesanan Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah secara keseluruhan dan individu dan sumbangan setiap pengarah kepada kecekapan Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan melaporkan kepada Lembaga Pengarah jika dirasakan perlu.
- Menilai dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah pelantikan, gred jawatan, kenaikan pangkat, pakej imbuhan, perancangan penggantian dan penilaian pencapaian pegawai pengurusan kanan utama.
- Mencadangkan kepada Lembaga Pengarah tindakan yang perlu diambil kepada mana-mana pegawai pengurusan kanan utama yang tidak efektif, ingkar dan cuai ketika melaksanakan tanggungjawab.

10.0 JAWATANKUASA IMBUHAN

Jawatankuasa Imbuhan (BREMCO) perlu dianggotai tidak kurang daripada tiga (3) ahli Lembaga Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019, lima (5) mesyuarat Jawatankuasa Imbuhan telah diadakan dan butiran mengenai kehadiran adalah seperti yang berikut:

No.	Nama Ahli BREMCO	Tempoh Keahlian BREMCO 2019	Kehadiran Mesyuarat BREMCO 2019
1.	Edham Reza Shah Dato' Abdul Rahman (Pengerusi dari 26 Februari 2017 hingga 28 Mei 2019)	26/02/2019 hingga 28/05/2019	2/2
2.	Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi	29/03/2019 hingga 28/05/2019	0/1
3.	Dato' Sri Jamil Salleh	01/01/2019 hingga 28/05/2019	5/5
4.	Wan Zamri Wan Zain	01/01/2019 hingga 28/05/2019	5/5
5.	Dato' Sri Alias Haji Ahmad (Pengerusi dari 21 Jun 2017 hingga 6 Januari 2019)	01/01/2019 hingga 06/01/2019	0/0

Nota: BREMCO telah dibubarkan pada 28 Mei 2019

10.1 Objektif BREMCO

Objektif BREMCO adalah:

- a) Mewujudkan prosedur rasmi dan telus dalam penyediaan dasar imbuhan untuk para pengarah, ahli Jawatankuasa Syariah, Pengarah Urusan dan pegawai Pengurusan Kanan utama; dan
- b) Memastikan struktur imbuhan yang kompetitif dan selaras dengan budaya, objektif dan strategi Bank.

10.2 Fungsi BREMCO

BREMCO mempunyai kuasa untuk membincangkan dan meluluskan perkara-perkara yang termaktub dalam tugas dan tanggungjawabnya selaras dengan had-had yang ditentukan oleh Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa. Jawatankuasa mempunyai akses kepada perkara berikut ketika melaksanakan tugas:

- a) Rekod, harta dan warga kerja Bank;
- b) Nasihat dan khidmat Setiausaha Bank dan pegawai Pengurusan Kanan utama dari jabatan Modal Insan/ Sumber; dan
- c) Kelulusan bertulis daripada Pengarah Urusan harus diperoleh terlebih dahulu atas sebarang fi yang perlu ditanggung oleh Bank bagi sebarang khidmat nasihat profesional bebas dan kepakaran yang diperlukan bagi melaksanakan tugasnya.

10.3 Tugas dan Tanggungjawab BREMCO

Tugas dan tanggungjawab BREMCO adalah:

- a) Mengkaji dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah dasar lengkap imbuhan yang melibatkan para pengarah, Pengarah Urusan dan pegawai Pengurusan Kanan utama.
- b) Mengkaji dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah pakej ganjaran khusus untuk para pengarah, Pengarah Urusan dan pegawai Pengurusan Kanan utama yang secara fungsi atau pentadbiran melapor terus kepada Pengarah Urusan dan warga kerja lain yang ditentukan oleh Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa.
- c) Menentukan pakej ganjaran keseluruhan untuk warga kerja termasuk jumlah bonus yang bersesuaian, pembayaran insentif, dan lain-lain ganjaran berdasarkan pencapaian individu.
- d) Membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah berhubung sebarang kajian yang berkaitan dengan ganjaran untuk warga kerja dan struktur ganjaran termasuk bonus dan skim gaji dan memastikannya selaras bagi keseluruhan Bank.
- e) Mengkaji dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah pemberian imbuhan kepada ahli Jawatankuasa Syariah.

1.0 KOMPOSISI

- Jawatankuasa Audit & Pemeriksaan ("AEC") adalah sebuah jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Lembaga Pengarah daripada kalangan Ahli Lembaga Pengarahnya.
- AEC terdiri daripada tiga (3) orang ahli yang kesemua mereka adalah Pengarah Bukan Eksekutif.
- Secara kolektif, AEC terdiri daripada Ahli-Ahli yang mempunyai pelbagai kemahiran, pengetahuan dan pengalaman yang diperlukan, termasuk kepakaran dan pengalaman dalam bidang perakaunan atau berkaitan perbankan untuk melaksanakan tugas mereka.

2.0 AUTORITI

AEC mempunyai autoriti yang jelas untuk menyasiat perkara dalam terma rujukannya selaras dengan had yang ditentukan oleh Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa. Semasa menjalankan tugas sedemikian, AEC hendaklah mempunyai akses penuh dan tidak terhad kepada:

- Rekod, harta benda dan kakitangan Bank;
- Sumber yang diperlukan untuk melaksanakan tugasnya;
- Kerjasama daripada Pengurusan dan kuasa untuk mengundang mana-mana Pengarah dan / atau warga kerja, termasuk juruaudit luar tanpa kehadiran warga kerja lain untuk menghadiri mesyuaratnya;
- Nasihat dan perkhidmatan Setiausaha Bank, Pengarah Urusan, Ketua Juruaudit Dalaman ("KJAD") dan juruaudit luar; dan
- Nasihat dan kepakaran profesional bebas yang diperlukan untuk melaksanakan tugasnya atas tanggungan Bank, dengan syarat kelulusan bertulis dari Lembaga mesti diperoleh sebelum menanggung apa-apa perbelanjaan tersebut bagi pihak Bank.

Nota: Dalam melaksanakan fungsinya, AEC tidak diperuntukkan dengan kuasa membuat keputusan tetapi hendaklah melaporkan cadangannya kepada Lembaga Pengarah untuk mendapatkan keputusan.

3.0 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Peranan dan tanggungjawab AEC, antara lain, termasuk yang berikut:

3.1 Tadbir Urus Korporat, Kawalan Dalaman dan Fungsi Audit

- Mengawasi kerja dan prestasi Audit Dalaman dan memastikan fungsi Audit Dalaman mematuhi "Garis Panduan Fungsi Audit Dalaman Institusi Berlesen" (BNM/RH/GL013-4) Bank Negara Malaysia, termasuk yang berikut:
 - Memastikan fungsi Audit Dalaman mempunyai kedudukan yang sesuai dalam Bank dan akses kepada AEC pada setiap masa;
 - Meluluskan Piagam Audit Dalaman untuk disokong oleh Lembaga Pengarah;
 - Menyemak kecukupan dan keberkesanan kawalan dalaman, pengurusan risiko dan proses tadbir urus (termasuk pematuhan Syariah) Bank dan anak syarikatnya termasuk skop audit, program audit, penemuan dan saranan yang diutarakan untuk tindakan pihak Pengurusan;
 - Mengesahkan program latihan dan sumber belanjawan untuk melaksanakan tanggungjawab Audit Dalaman yang berkesan;
 - Melantik, menetapkan ganjaran, menilai prestasi dan memutuskan pemindahan dan pemecatan KJAD;

- Menilai kecukupan fungsi dan sumber Audit dalaman, dan mempunyai autoriti yang diperlukan untuk melaksanakan tugasnya; dan
- Memastikan keberkesanan fungsi audit teknologi dalaman. Ini termasuk memastikan kecukapan kakitangan audit untuk melaksanakan audit teknologi. AEC akan menyemak dan memastikan skop audit, prosedur dan kekerapan audit teknologi yang sesuai. AEC juga perlu memastikan terdapat pengawasan yang berkesan terhadap tindakan pembetulan untuk menangani sebarang kelemahan kawalan teknologi dengan segera.
- Mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah pelantikan penasihat luar apabila fungsi Audit Dalaman tidak mempunyai kepakaran yang diperlukan untuk menjalankan audit khusus. Dalam situasi sedemikian, AEC mengesyorkan yuran yang perlu dibayar, memastikan terdapat perangkaan syarat-syarat dan skop penglibatan serta keperluan pelaporan yang jelas.
- Memantau pematuhan terhadap amalan tadbir urus korporat dan mengenal pasti ketidakpatuhan yang signifikan.
- Penentuan kepatuhan terhadap keperluan statutori yang berkaitan.

3.2 Fungsi Juruaudit Luar

AEC akan mengawasi juruaudit luar, dengan melaksanakan perkara-perkara berikut:

- Mengesyorkan bukan sahaja pelantikan tetapi juga penyingkiran juruaudit;
- Menyemak pelan juruaudit luar, laporan audit dan mengekalkan komunikasi tetap dengan juruaudit luar, dan memastikan juruaudit luar melaporkan kepada AEC mengenai perkara-perkara penting;
- Menyemak surat juruaudit luar mengenai kelemahan prosedur perakaunan dan kawalan dalaman, dan maklum balas Pengurusan terhadap laporan dan surat juruaudit luar, dan memastikan bahawa pasukan Pengurusan Kanan mengambil langkah-langkah pembetulan yang perlu dan tepat pada masanya untuk menangani penemuan;
- Menubuhkan dasar dan prosedur, untuk menilai dan mengawasi kesesuaian dan kebebasan juruaudit luar; dan
- Mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah tentang sejauh mana dan penyediaan perkhidmatan bukan audit yang boleh dijalankan oleh juruaudit luar dan memastikan kecukupan semakan dan imbalan mengenai penyediaan perkhidmatan bukan audit tersebut.

3.3 Audit Syariah

- Menyemak fungsi Audit Syariah; dan
- Menyemak penemuan audit dalaman, luar dan Syariah dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah tindakan yang akan diambil oleh pasukan Pengurusan Kanan.

3.4 Proses Pelaporan Kewangan

- Mengkaji kesesuaian dan kebolegunaan standard perakaunan yang digunakan dalam penyediaan penyata kewangan;
- Memastikan akaun disediakan dengan tepat dan pada masanya, dengan semakan kerap ke atas kecukupan peruntukan bagi kemungkinan luar jangka serta hutang lapuk dan ragu;
- Memastikan pelaporan yang adil dan telus, penyediaan akaun kewangan yang cepat dan menyemak penyata kewangan untuk dikemukakan kepada Lembaga Pengarah; dan
- Memastikan semua anomali yang berkaitan dan tidak berkaitan dengan penyelewengan dan penipuan disiasat, respons dan penjelasan diperiksa dan disiasat, dan penemuan dilaporkan kepada Lembaga Pengarah.

3.5 Pengurusan Fraud dan Integriti Korporat

- Memantau dan memberikan jaminan ke atas tadbir urus pelaksanaan rangka kerja dan dasar;
- Meningkatkan program kesedaran dalam kalangan kakitangan bagi mempromosikan integriti korporat dan budaya anti-penipuan dalam Bank ke arah tadbir urus yang mantap dan pematuhan terhadap rangka kerja dan dasar;
- Meluluskan rangka kerja dan dasar Pengurusan Fraud dan Integriti Korporat;
- Respons, pada tahap yang sesuai, terhadap perkara-perkara berkaitan penipuan dan integriti korporat, aduan, kemungkinan litigasi atau pelanggaran Kod Etika dan Etika Perniagaan, undang-undang kebangsaan dan keperluan pengawalseliaan;
- Menyemak dan memantau laporan mengenai risiko penipuan dan rasuah, polisi dan aktiviti kawalan, termasuk perkara-perkara berikut:
 - Memberi jaminan bahawa kawalan adalah berkesan;
 - Menubuhkan mekanisme untuk memastikan AEC menerima maklumat yang sahih dan tepat pada masanya daripada Pengurusan, pekerja, juruaudit dalaman dan luaran, dan pihak berkepentingan lain; dan
 - Memastikan keberkesanan pelaporan bebas mengenai insiden berkaitan fraud dan integriti termasuk saluran pemberian maklumat.
- Memastikan wujud dasar yang jelas mengenai toleransi sifar terhadap fraud dan rasuah;
- Memastikan tindakan tegas diambil ke atas sebarang insiden melibatkan fraud dan integriti;
- Memastikan terma rujukan untuk Integriti Korporat adalah selaras dengan Garis Panduan Pengurusan Unit Integriti Dan Governans yang diterbitkan oleh Cawangan Pembangunan, Bahagian Pengurusan Integriti Agensi, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2019.

4.0 KEHADIRAN MESYUARAT

Sebanyak 11 Mesyuarat AEC telah diadakan dalam 2019. Perincian kehadiran bagi setiap ahli adalah seperti berikut:

Ahli AEC	Kehadiran Mesyuarat
Wan Zamri Wan Zain	
<i>Pengerusi Interim (tamat berkuat kuasa dari 13 Jun 2019)</i>	4/4 (100%)
Abd Rani Lebai Jaafar	
<i>Ahli (dilantik berkuat kuasa dari 27 Mac 2018)</i>	11/11 (100%)
<i>Pengerusi Interim (dilantik berkuat kuasa dari 13 Jun 2019 dan tamat berkuat kuasa dari 1 Ogos 2019)</i>	
Armi Zainuddin	
<i>Ahli (tamat berkuat kuasa dari 28 Februari 2019)</i>	3/3 (100%)

Ahli AEC	Kehadiran Mesyuarat
Edham Reza Shah Dato' Abdul Rahman	
Ahli (dilantik berkuat kuasa dari 26 Februari 2019 dan tamat berkuat kuasa dari 29 Oktober 2019)	6/6 (100%)
Pengerusi Interim (dilantik berkuat kuasa dari 1 Ogos 2019 dan tamat berkuat kuasa dari 29 Oktober 2019)	
Prof. Dr. Obiyathulla Ismath Bacha	
Ahli (dilantik berkuat kuasa dari 13 Jun 2019)	7/7 (100%)
Tunku Dato' Ahmad Burhanuddin Tunku Datuk Seri Adnan	
Pengerusi (dilantik berkuat kuasa dari 29 Oktober 2019)	2/2 (100%)

Nota: * Termasuk Mesyuarat AEC yang diadakan untuk Pengurusan Fraud & Integriti Korporat.

5.0 RINGKASAN AKTIVITI

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019, AEC telah menjalankan aktiviti-aktiviti berikut dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawabnya:

5.1 Laporan Kewangan

Menyemak keputusan kewangan suku tahun yang belum diaudit dan penyata kewangan tahunan Bank dan Kumpulan Bank Rakyat yang diaudit untuk memastikan pelaporan kewangan dan keperluan pendedahan mematuhi standard perakaunan dan keperluan pengawalan.

5.2 Laporan Tahunan

Menyemak dan meluluskan Laporan AEC untuk dimasukkan ke dalam Laporan Tahunan Bank Rakyat bagi Tahun Kewangan berakhir 31 Disember 2018.

5.3 Audit Dalaman

- Menyemak dan meluluskan pelan audit tahunan untuk memastikan skop audit dan liputan yang tuntas bagi aktiviti Bank Rakyat, syarikat subsidiarinya dan Yayasan Bank Rakyat serta kecukupan sumber Sektor Audit Dalaman untuk melaksanakan fungsinya.
- Menyemak laporan Audit Dalaman, saranan audit dan respons Pengurusan kepada saranan tersebut.
- Menyemak laporan status berhubung dengan tindakan yang dilaksanakan oleh Pengurusan untuk memulihkan isu audit yang tertanggung untuk memastikan kelemahan kawalan ditangani.
- Menyemak Laporan Bulanan Pencapaian dan Prestasi Audit Dalaman untuk memastikan kemajuan, pencapaian, prestasi, dan liputan fungsi Audit Dalaman sejajar dengan pelan audit tahunan.
- Menyemak laporan audit yang dikeluarkan oleh autoriti pengawalan, respons Pengurusan kepada saranan Pengawal atur dan tindakan pemulihan yang diambil untuk memperbaiki kelemahan yang dikesan.

- Menyemak laporan audit yang berkaitan dengan syarikat subsidiari dan Yayasan Bank Rakyat bagi mendapatkan gambaran keseluruhan pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman entiti tersebut.
- Membincangkan dan meluluskan penunjuk prestasi utama (KPI) 2019 untuk KJAD.
- Menilai prestasi KJAD secara tahunan dan suku tahunan.
- Mengarahkan pelaksanaan siasatan ke atas hal yang dalam lingkungan terma rujukannya.
- Menyemak dan mengambil maklum minit mesyuarat AEC bagi mendapatkan gambaran keseluruhan perbincangan dan tindakan pemulihan yang diambil oleh Pengurusan ke atas kelemahan kawalan yang dibangkitkan oleh Sektor Audit Dalaman.
- Membincangkan dan memantau status pelaksanaan cadangan pembaikan yang disarankan oleh perunding luar dalam Laporan Semakan Penilaian Kualiti (QAR) luaran. Laporan QAR telah dibentangkan kepada AEC pada bulan Februari 2019 dan hasil QAR tersebut menunjukkan aktiviti Sektor Audit Dalaman mematuhi Piawaian Institut Juruaudit Dalaman ("IIA") dan amalan utama.

5.4 Audit Luar

- Menyemak bersama dengan juruaudit luar:
 - Memorandum Perancangan Audit dan skop kerja bagi tahun ini; dan
 - Keputusan audit, laporan audit yang relevan berkaitan, Surat Pengurusan dan Memorandum Sokongan Saranan bersama dengan respons / ulasan Pengurusan berhubung dengan dapatan audit.
- Memastikan terdapat semakan dan imbalan yang wajar disediakan supaya peruntukan bagi perkhidmatan bukan audit tidak mengganggu juruaudit daripada memberikan pertimbangan bebas.
- Menaksir prestasi juruaudit luar dan membuat saranan kepada Lembaga Pengarah tentang pelantikan semula mereka.
- Menyemak dan memantau secara berkala tindakan yang diambil untuk membetulkan penemuan audit yang dibangkitkan oleh juruaudit luar untuk memastikan isu-isu diuruskan dan diperbaiki dengan wajar dan tepat pada masanya.
- Menilai prestasi juruaudit luar sebelum memberi saranan kepada Lembaga Pengarah untuk pelantikan semula. Penilaian dijalankan mengikut Garis Panduan Juruaudit Luar BNM berdasarkan skop utama yang meliputi prestasi, kebebasan dan objektif.

5.5 Pengurusan Fraud and Integriti Korporat

- Menyemak dan memberi jaminan ke atas tadbir urus dan pelaksanaan rangka kerja serta dasar bagi Bahagian Pengurusan Fraud dan Jabatan Integriti Korporat.
- Menyemak dan membincangkan laporan siasatan yang berkaitan dengan fraud dan salah laku integriti, penemuan dan cadangan yang dibangkitkan berkaitan kelemahan kawalan dan tindakan yang diambil oleh Pengurusan untuk mencegah sebarang perulangan.
- Memastikan keberkesanan pelaporan bebas mengenai insiden berkaitan fraud dan integriti termasuk saluran pemberian maklumat (*whistleblowing*).
- Memastikan pelaksanaan tindakan pembetulan yang tegas terhadap sebarang insiden berkaitan fraud dan integriti.

5.6 Transaksi Pihak Berkaitan

Menyemak transaksi pihak berkaitan yang dilaksanakan Bank Rakyat dan subsidiari-subsidiarinya.

6.0 LATIHAN

Latihan yang dihadiri oleh ahli AEC dilaporkan di bawah Penyata Tadbir Urus Korporat.

7.0 FUNGSI AUDIT DALAM

AEC disokong oleh Sektor Audit Dalam bagi melaksanakan kewajipan dan tanggungjawabnya. Sektor Audit Dalam menyediakan penaksiran yang bersifat bebas dan objektif tentang kecukupan dan keberkesanan pengurusan risiko, kawalan dalaman dan proses tadbir urus. Sektor Audit Dalam juga melaksanakan audit siasatan apabila dilaporkan berlakunya tindakan yang tidak betul, menyalahi undang-undang dan tidak jujur.

Sektor Audit Dalam menyemak keberkesanan struktur kawalan dalaman ke atas aktiviti Bank Rakyat, syarikat subsidiarinya dan Yayasan Bank Rakyat yang memfokus kepada bahagian berisiko tinggi yang ditentukan dengan menggunakan pendekatan berasaskan risiko. Semua aktiviti berisiko tinggi, dalam setiap bahagian yang boleh diaudit, akan diaudit secara tahunan.

Fungsi Sektor Audit Dalam meliputi antara lain semakan kecukupan pengurusan risiko, kawalan operasi, pematuhan prosedur, garis panduan dan keperluan berkanun yang ditetapkan, kualiti aset, kecekapan pengurusan dan tahap khidmat pelanggan. Tugas audit ini bertujuan untuk memastikan kawalan yang ditetapkan adalah wajar, dilaksanakan dengan berkesan dan mencapai tahap pendedahan risiko boleh terima yang konsisten dengan dasar pengurusan risiko Bank. Dalam melaksanakan semakan tersebut, Sektor Audit Dalam memberikan saranan untuk menambah baik dan meningkatkan sistem kawalan dalaman dan proses kerja sedia ada.

Sektor Audit Dalam juga menjalankan audit ke atas sistem maklumat Bank Rakyat untuk memastikan keselamatan sumber pengkomputeran adalah cukup terjamin bagi melindungi integriti dan kerahsiaan data serta kawalan yang mencukupi untuk memastikan kesinambungan sistem dalam menampung keperluan operasi perniagaan.

Sektor Audit Dalam menyediakan fungsi perundingan atau khidmat nasihat dalam menilai tahap pendedahan risiko sistem baharu, produk dan perkhidmatan perniagaan untuk menaksir kawalan yang sepatutnya disediakan bagi mengurangkan risiko yang dikenal pasti sebelum pelaksanaannya. Untuk mengekalkan keobjektifan dan kebebasan, Sektor Audit Dalam tidak terlibat dalam pemilihan sistem atau proses pelaksanaan semasa melaksanakan fungsi perundingan atau khidmat nasihat tersebut.

Semua aktiviti pengauditan dilaksanakan sejajar dengan objektif dan dasar Bank Rakyat serta mematuhi polisi dan garis panduan relevan yang dikeluarkan oleh BNM. Aktiviti pengauditan yang dijalankan juga mematuhi Kod Etika dan Standard Antarabangsa bagi Amalan Profesional Pengauditan Dalam yang diisytiharkan oleh Institut Juruaudit Dalam ("IIA").

Dalam 2019, aktiviti yang dilaksanakan oleh Sektor Audit Dalam adalah seperti yang berikut:

- Merangka pelan audit tahunan dengan menggunakan pendekatan berasaskan risiko dengan mengambil kira Pelan Strategik Bank iaitu BR25 dan input daripada Pengurusan (seperti yang disarankan oleh Institut Juruaudit Dalam);
- Melaksanakan penaksiran bebas dan memberikan jaminan objektif ke atas kecukupan dan keberkesanan pengurusan risiko, kawalan dalaman dan proses tadbir urus melalui semakan berstruktur ke atas jabatan dan operasi yang dikenal pasti dalam pelan audit tahunan;
- Mengenal pasti dan mencadangkan alternatif penjimatan kos dan pencegahan susutan pendapatan daripada pelaksanaan audit;
- Melaksanakan semakan ke atas draf penyata kewangan suku tahunan yang belum diaudit untuk memastikan pematuhan Bank dengan standard perakaunan dan pelaporan kewangan yang berkaitan serta pematuhan terhadap keperluan kawal selia yang relevan;
- Menjalankan penaksiran berkala untuk memastikan sistem kawalan dalaman patuh Syariah yang kukuh dan berkesan telah dilaksanakan;

- Melaksanakan penaksiran bebas dan memberikan jaminan objektif untuk menambah nilai dan menambah baik pematuhan Syariah di Bank Rakyat;
- Memantau dan menjamin keteguhan dan kemantapan kerangka kerja tadbir urus Syariah di Bank;
- Membantu Jawatankuasa Syariah melaksanakan peranannya mengawasi hal ehwal Syariah yang berkaitan dengan operasi dan aktiviti perniagaan Bank melalui penyertaan Audit Syariah dalam Mesyuarat Jawatankuasa Syariah yang membolehkan Jawatankuasa Syariah mengenal pasti isu yang memerlukan perhatiannya dan sekiranya perlu, mencadangkan langkah-langkah pembetulan;
- Melaksanakan audit ke atas sistem maklumat Bank untuk memastikan keselamatan, kawalan dan pematuhan sistem yang mencukupi terhadap akta atau keperluan pengawalturan yang relevan;
- Menyemak pendedahan risiko sistem baharu, produk dan perkhidmatan perniagaan bagi memastikan kawalan disediakan untuk mengurangkan risiko yang dikenal pasti sebelum pelaksanaan;
- Menghadiri pelbagai mesyuarat jawatankuasa pengurusan dalam kapasiti perunding dan penasihat untuk memberikan pandangan bebas berhubung tadbir urus dan kawalan ke atas projek-projek penting Bank berkaitan teknologi maklumat;
- Menjalankan tugas ad-hoc dan semakan khas sebagaimana yang diarahkan oleh AEC, Pengurusan atau BNM;
- Terlibat dalam pelbagai latihan Pengurusan Kesinambungan Perniagaan untuk memastikan kesediaan Bank dalam menyambung semula/memulihkan aktiviti dan sistem operasinya jika berlaku bencana dalam garis waktu yang ditetapkan;
- Memastikan tahap pematuhan terhadap dasar dan prosedur serta keperluan berkanun yang ditetapkan;
- Menyarankan penambahbaikan dan peningkatan kepada sistem sedia ada bagi kawalan dalaman, prosedur/proses kerja, Garis Panduan Operasi (GPO) dan Manual Jabatan;
- Menjalankan penyiasatan ke atas aktiviti atau hal ehwal seperti yang diarahkan oleh AEC dan Pengurusan;
- Menyediakan Laporan Jawatankuasa Audit & Pemeriksaan bagi Laporan Tahunan Bank Rakyat bagi Tahun Kewangan berakhir 31 Disember 2018;
- Mengendalikan Program Kesedaran Kawalan Dalam (*Internal Control Awareness Programmes*) bagi kakitangan cawangan; dan
- Mengendalikan Program Juruaudit Tetamu (*Guest Auditor Programme*) bagi kakitangan cawangan.

Jumlah kos yang dibelanjakan untuk Sektor Audit Dalam Bank Rakyat bagi 2019 adalah RM8,617,878.98.

Laporan Jawatankuasa Pengurusan Risiko

Laporan Jawatankuasa Pengurusan Risiko

Tiada Risiko Diabaikan: Menzahirkan Nilai Pengurusan Risiko

Pengurusan Risiko berterusan menyumbang ke arah nilai tambah dan menyokong hasrat Bank untuk memenuhi objektif strategik dan perkembangan perniagaan dalam tahun 2019. Oleh itu, dalam usaha mendorong perkembangan perniagaan Bank, Pengurusan Risiko kekal komited sebagai rakan kongsi strategik melalui penyertaan dan penglibatan secara aktif terhadap seluruh pihak berkepentingan dengan mengawal aktiviti pengambilan risiko secara proaktif agar sentiasa terkawal berdasarkan rangka kerja yang ditetapkan.

Sebagai barisan pertahanan kedua di dalam Bank, Pengurusan Risiko tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak memastikan dasar dan parameter risiko yang bersesuaian dan relevan dengan pertumbuhan perniagaan, tanpa melampaui dasar yang digariskan oleh rangka kerja pengambilan risiko.

Untuk memastikan pelaksanaan pengurusan risiko sentiasa kukuh, Rangka Kerja Pengurusan Risiko telah ditambah baik selaras dengan polisi dokumen 'Risk Governance' yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia. Ini meliputi penggubalan prinsip-prinsip pengurusan risiko bagi memastikan semua aktiviti perniagaan sentiasa bersesuaian dengan skala dan kompleksiti Bank.

Keteguhan piawai kredit merupakan prinsip teras bagi risiko kredit. Dasar-dasar kredit dikaji dan disemak secara berkala berdasarkan toleransi risiko Bank sebagai langkah untuk mengukuhkan lagi polisi-polisi kredit; antara lain; memperkasakan kuasa kelulusan pembiayaan perniagaan kepada individu-individu yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah.

Pemantauan prestasi portfolio pembiayaan yang berterusan sentiasa dijalankan dalam menambah baik dan menyokong sebarang proses membuat keputusan perniagaan. Ini dapat disaksikan melalui penglibatan secara aktif Pengurusan Risiko dengan pemilik setiap risiko dan hasilnya, pelaksanaan kepelbagaian yang lebih berhati-hati, khususnya kepada segmen pelanggan tertentu yang berisiko. Di samping itu, komunikasi antara pihak-pihak yang terlibat juga dapat dilihat berhubung proses mengenal pasti dan langkah-langkah pencegahan yang perlu melalui pemantauan yang berterusan bagi memastikan persekitaran pengurusan risiko dapat dikawal dengan baik. Inisiatif ini turut memberi pemahaman dan nilai kepada Bank dari sudut pembentukan parameter kredit baharu yang kemudian akan diterjemahkan kepada strategi risiko Bank.

Menyedari bahawa risiko kredit merupakan elemen penting ke arah mencapai budaya kredit yang mantap, peranan "Post-Approval Credit Review" (PACR) yang diwujudkan dalam Pengurusan Risiko terus diperkukuhkan dalam penyediaan penilaian bebas terhadap kualiti taksiran kredit dan keberkesanan proses kredit. Sesi perkongsian pengetahuan dan maklum balas berhubung hal-hal kredit dijalankan secara berkala dengan pihak yang berkaitan bagi memastikan pengajaran yang dipelajari dilaksanakan secara berhemah. Justeru itu, ini akan membantu menyelaraskan keseluruhan proses kredit dan pembiayaan yang lebih berkualiti.

Pembangunan Kapasiti yang Komprehensif bagi Teknik Pemodelan

Bank telah memulakan usahanya ke arah pembangunan kapasiti yang komprehensif bagi teknik pemodelan dengan memberi perhatian kepada penambahbaikan pemodelan risiko kredit Bank. Ini merupakan kesinambungan kepada usaha Bank dalam memperkasakan kemampuan kewangannya dengan menerima pakai keperluan Piawai Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) 9 bagi membangunkan sebuah model risiko kredit yang mantap dan terperinci untuk menganggar kerugian risiko kredit di peringkat segmen dan portfolio perniagaan.

Pembangunan kapasiti yang komprehensif tersebut telah membentuk asas yang kukuh bagi Bank untuk mengharungi cabaran perbankan masa kini berdasarkan demografik dan firmografik pelanggan serta perubahan ekonomi. Ini dilakukan dengan dengan cara penglibatan yang aktif dengan unit-unit perniagaan dan Divisyen Ekonomi sebagai sebahagian daripada proses pemodelan. Penglibatan ini bertujuan untuk menambah baik proses serta memupuk kesedaran terhadap risiko dan penerimaan model tersebut oleh unit-unit perniagaan yang mana akan diterjemahkan sebagai komitmen terhadap risiko dalam strategi perniagaan mereka.

Pada masa yang mendatang, pembangunan kapasiti yang komprehensif akan turut melengkapkan Bank dengan kemampuan pengesahan model dan meluaskan keseluruhan pemahaman berhubung penggunaan dan implikasi model tersebut terhadap unit-unit perniagaan dan Divisyen Ekonomi.

Evolusi Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah

Pengawasan Lembaga Pengarah terhadap pengurusan risiko telah mencatat satu mercu tanda baharu pada tahun 2019. Komposisi Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah telah diperkukuhkan lagi dengan pelantikan, Tunku Dato' Ahmad Burhanuddin Tunku Datuk Seri Adnan dan Encik Yuri Zaharin Wahab.

Tunku Dato' Ahmad Burhanuddin mempunyai pengalaman kepimpinan yang luas dalam industri perbankan dan audit, manakala Encik Yuri Zaharin yang merupakan seorang peneraju terkemuka dalam bidang IT menyediakan perspektif strategik dalam pengurusan risiko teknologi dan keselamatan siber. Hasil gabungan daya kepimpinan penuh berkaliber bersama Tuan Haji Abdul Rani Lebai Jaafar sebagai Pengerusi yang penuh dengan ilmu dan pengetahuan mendalam dalam bidang kewangan Islam, Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah kini mempunyai komposisi yang teguh untuk melaksanakan tugas pengawasannya secara berkesan ke atas keseluruhan spektrum risiko di Bank Rakyat.

Piagam Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah juga telah diperluaskan agar meliputi pengawasan hal-hal berkaitan teknologi termasuk risiko IT dan keselamatan siber. Jawatankuasa tersebut akan mengawal selia pelan pembangunan strategik IT dan keselamatan siber Bank serta keberkesanan pelaksanaan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Teknologi dan Rangka Kerja Ketahanan Siber. Ini turut merangkumi tanggungjawab bagi memastikan agar usaha menyeluruh dan komprehensif dalam memprofil risiko IT dan keselamatan siber dilaksanakan oleh pihak pengurusan.

Persediaan bagi Kemunculan Bank 4.0

Dalam menuju ke arah pendigitalan dan perubahan berwawasan di bawah Pelan Strategik BR25, Pejabat Keselamatan Maklumat telah diwujudkan di bawah Sektor Pengurusan Risiko pada penghujung 2019 bagi mendorong dan melaksanakan strategi untuk mengurus keselamatan maklumat, teknologi dan risiko siber di seluruh Bank.

Peranan Pejabat Keselamatan Maklumat sebagai barisan pertahanan kedua telah diperkemas lagi agar menjadi sebuah komponen penting dalam Rangka Kerja Pengurusan Risiko. Ia turut dipertanggungjawabkan dengan kuasa dan kebebasan untuk menyediakan pengawasan, khidmat nasihat serta semakan dan imbalan yang berkesan kepada operasi IT dan keselamatan siber. Fungsi tersebut bertanggungjawab melaksanakan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Teknologi dan Rangka Kerja Ketahanan Siber, memberi nasihat kepada projek-projek teknologi kritikal serta memberi pandangan bebas kepada Lembaga Pengarah dan pengurusan kanan berhubung keselamatan maklumat serta perkhidmatan teknologi dan digital.

Memastikan Kemampunan melalui Pengurangan Pendedahan Risiko

Dalam kemelut peningkatan gejala penipuan, *Macau Scam*, denda tinggi yang dikenakan oleh Bank Negara Malaysia ke atas pelanggaran keperluan pencegahan perubahan wang haram dan salah laku serta "Cash Threshold Reporting" yang telah dikurangkan daripada RM50,000 dan ke atas sehari kepada RM25,000 dan ke atas sehari, serangan siber, kebocoran data dan impak peristiwa keadaan cuaca melampau ke atas kewangan dan operasi, sesungguhnya telah diperakui secara umum bahawa risiko operasi adalah salah satu bentuk risiko paling besar yang dihadapi oleh institusi kewangan pada tahun 2019.

Pada tahun ini, peningkatan ketahanan operasi melalui peluasan fungsi-fungsi pengurusan risiko yang telah sedia ada pada masa ini ke Unit Perniagaan dan Sokongan penting lain telah dilaksanakan bagi memastikan supaya aktiviti pengurusan risiko dapat disepadukan dengan sebaiknya ke seluruh Bank. Langkah usaha sama semua bahagian dalam Bank juga adalah amat penting bagi mengurangkan sebarang pendedahan risiko manusia pada masa depan. Proses pengurusan risiko operasi berterusan dan sedang dibangunkan yang beroperasi seiring pembangunan dan pelaksanaan strategi Bank adalah penting untuk menambah nilai mampan yang maksimum kepada setiap aktiviti Bank.

Pelbagai program kesedaran anjuran Pejabat Pengurusan Kesinambungan Perniagaan telah dijalankan bertujuan untuk mempertingkatkan kesiapsiagaan kakitangan dalam bertindak balas terhadap gangguan operasi yang mungkin menjejaskan operasi Bank. Pasukan Pengurusan Krisis Bank yang terdiri daripada para pegawai pengurusan kanan dan pasukan sokongan perniagaan telah mengambil bahagian dalam sesi latihan berasaskan perbincangan yang telah berlangsung sebagai peluang pertama Bank untuk menilai kualiti pelan pengurusan krisis dan keberkesanan pelaksanaan pihak-pihak bertanggungjawab. Mengurangkan pendedahan risiko operasi melalui penilaian daya saing di peringkat pengurusan bermaksud Bank mempersiapkan mereka untuk menjadi sebahagian daripada 'Pasukan Prestasi Tinggi' seperti yang dinyatakan dalam BR25 Teras 4 Modal Insan.

Kesimpulannya, tahun 2019 telah menampilkan arah aliran yang positif bagi pendedahan kerugian risiko operasi berbanding tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, sokongan komprehensif daripada setiap pihak berkepentingan dalam mematuhi keperluan undang-undang serta dasar dan prosedur dalaman masih menjadi salah satu aspek teras dalam membantu meminimumkan kerugian risiko operasi untuk Bank. Pengurangan pemilikan risiko melalui pematuhan dengan semua dasar, garis panduan dan prosedur penting adalah selari dengan BR25 Teras 5 Kelestarian dengan cita-cita untuk mengevolusi sumbangan terhadap pertumbuhan ekonomi mampan.

Memupuk Pertumbuhan dan Pulangan Mampan

Struktur pertumbuhan aset dan liabiliti yang optimum akan memastikan pulangan yang mampan bagi Bank. Matlamat ini disokong oleh strategi komprehensif yang menumpu kepada penerokaan produk dan perkhidmatan baharu, menyelaraskan komposisi portfolio dan menasaskan pasaran yang lebih luas. Hala tuju strategi portfolio pelaburan menjurus ke arah pencapaian pulangan maksimum sambil mengekalkan tahap aset cair berkualiti tinggi yang mencukupi selaras dengan keperluan pematuhan. Bagi memelihara portfolio yang seimbang, Bank telah meneruskan usaha kepelbagaian dana dan mengurangkan kebergantungan kepada deposit korporat dengan meningkatkan dana runcit dan akaun Semasa dan Simpanan (CASA-i) sambil memastikan keberkesanan dari segi kos.

Harga yang kompetitif akan membawa kepada peningkatan konsisten dalam pertumbuhan dan pendapatan Bank. Justeru, dasar peletakan harga telah disediakan dan dikaji tepat pada masanya agar selari dengan gambaran keadaan pasaran dalaman dan luaran untuk dijadikan sebagai panduan dalam mengharmonikan risiko dan pulangan sambil tetap memfokus kepada pertumbuhan.

Mengurus pendedahan risiko struktur, iaitu risiko kadar pulangan dan kecairan akan menjamin kedudukan aset dan liabiliti yang sihat akan melindungi pulangan. Kadar pendedahan bagi risiko pulangan diurus melalui penyimpanan modal dan mempelbagaian komposisi portfolio yang mengutamakan pertumbuhan pembiayaan kadar terapung dan CASA-i. Hasil segala rancangan dan usaha yang digembleng dari setahun ke setahun, Bank telah berjaya memastikan supaya tahap pendedahan risiko kadar pulangan berada di paras yang digariskan dalam amalan terbaik.

Menyemai Amalan Terbaik dalam Pengurusan Risiko Kecairan

Bank terus mempertingkatkan usahanya mempelbagaikan struktur liabiliti dengan objektif utama untuk menstabilkan sumber-sumber pendanaan. Sumber utama dana meliputi deposit pelanggan, deposit antara bank dan dana jangka sederhana. Selain itu, Bank turut mewujudkan dan melaksanakan program-program pengumpulan dana strategik serta mengadakan aliran kredit tunggu sedia dengan pihak luar pada asas bila perlu.

Kedudukan risiko kecairan dipantau dari semasa ke semasa melalui rangka kerja, dasar dan prosedur pengurusan risiko kecairan yang telah diwujudkan. Bank menggunakan pelbagai kaedah untuk memantau dan mengawal pendedahan risiko kecairan seperti kedudukan aliran tunai harian, jurang kesalahpahaman kecairan, konsentrasi deposit, ketersediaan dana dan ujian tekanan. Proses bagi mengurus risiko kecairan tersebut termasuk mengekalkan jumlah aset cair berkualiti tinggi tanpa halangan yang mencukupi sebagai perlindungan terhadap jangkaan ketidakpastian ke atas aliran tunai Bank.

Bank juga mempunyai Pelan Pendanaan Kecairan Luar Jangka (LCFP) yang menyediakan satu pendekatan sistematik bagi menangani kemungkinan berlaku krisis kecairan atau gangguan pendanaan yang menjejaskan kemantapan kecairan dan kesolvenan kewangan. LCFP meliputi strategi, kuasa membuat keputusan, saluran dan proses komunikasi serta aturan tindakan bagi membolehkan pihak pengurusan membuat keputusan segera. Pelan tersebut disemak dan diuji dari semasa ke semasa untuk memastikan keberkesanan dan kemantapan dalam menangani krisis kecairan, serta memenuhi keperluan pada masa yang tepat dan kos yang munasabah.

Pelan 2020

Seiring perubahan semasa dan ketidakpastian ekonomi global, Pengurusan Risiko akan terus mendukung dan mengemudi Bank dalam melaksanakan mandat yang dipertanggungjawabkan iaitu menyediakan pembiayaan kepada Perniagaan Kecil dan Sederhana (PKS) serta komuniti Perniagaan Mikro yang kurang mendapat perhatian. Pengurusan Risiko juga sedang mengkaji kebolehlaksanaan untuk memperkenalkan penilaian psikometrik bagi segmen pelanggan tersebut. Langkah seterusnya adalah melancarkan infrastruktur yang mencukupi bagi risiko model untuk mentadbir kecekapan dan kebolehlaksanaan model yang digunakan.

Selaras dengan Pelan Strategik BR25 sebagai Bank Lestari, Bank akan merangka dasar dan prosedur berhubung pengurusan risiko kelestarian untuk mengurus pendedahan Bank terhadap risiko tersebut. Dasar dan prosedur berhubung kelestarian merangkumi aktiviti perniagaan dan operasi Bank akan diselaraskan dengan prinsip-prinsip utama Matlamat Pembangunan Lestari PBB yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Satu kaedah penilaian khusus untuk mengenal pasti dan mengukur risiko kelestarian akan digunakan sebagai sebahagian daripada proses taksiran bagi para pelanggan dan vendor.

1.0 OBJEKTIF JAWATANKUASA SYARIAH

Penubuhan Jawatankuasa Syariah ("Jawatankuasa Syariah") di Bank Rakyat adalah mengikut keperluan yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia ("BNM"). Tujuannya adalah untuk memastikan semua aktiviti, produk, transaksi, operasi dan pengurusan zakat Bank Rakyat dan semua anak syarikat mematuhi ketetapan Syariah pada setiap masa sebagai institusi kewangan Islam sepenuhnya yang ditubuhkan di Malaysia.

2.0 PEMBENTUKAN JAWATANKUASA SYARIAH

- 2.1 Jawatankuasa Syariah perlu melapor secara terus kepada Lembaga Pengarah ("LP") dan hendaklah diiktiraf sebagai Jawatankuasa bebas.
- 2.2 Pelantikan ahli Jawatankuasa Syariah mestilah mendapat kelulusan bertulis daripada BNM dan Lembaga Pengarah seperti yang disyorkan oleh Jawatankuasa Pencalonan.
- 2.3 Ahli Jawatankuasa Syariah mestilah memenuhi kriteria 'layak dan sesuai' untuk menjadi ahli Jawatankuasa Syariah selaras dengan ketetapan dalam Rangkakerja Tadbir Urus Syariah untuk Institusi Kewangan Islam yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia ("SGF/BNM").
- 2.4 Jawatankuasa Syariah mesti dianggotai oleh sekurang-kurangnya lima (5) orang ahli seperti yang dikehendaki oleh SGF/BNM.
- 2.5 Majoriti ahli Jawatankuasa Syariah perlu mempunyai kelayakan Syariah dengan sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda Syariah, yang merangkumi pengajian dalam Usul Fiqh (asal usul undang-undang Islam) atau Fiqh Muamalat daripada universiti yang diiktiraf.
- 2.6 Pengerusi Jawatankuasa Syariah perlu mempunyai kelayakan Syariah.
- 2.7 Jawatankuasa Syariah boleh dianggotai oleh pakar dalam pelbagai bidang, pengalaman dan pengetahuan bagi menyokong perbincangan berkaitan Syariah secara terperinci.
- 2.8 Majoriti ahli Jawatankuasa Syariah mestilah mampu menguasai penulisan dan pertuturan dalam Bahasa Arab serta mempunyai pemahaman yang baik dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris.
- 2.9 Ahli Jawatankuasa Syariah tidak diiktiraf sebagai ahli Jawatankuasa Syariah dan tidak dibenarkan untuk menjalankan tugas sebagai Ahli Jawatankuasa Syariah setelah tamat tempoh perkhidmatan sehinggalah kelulusan pelantikan yang baru diperolehi.

3.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

- 3.1 Bertanggungjawab terhadap semua keputusan, pandangan dan pendapat berkaitan Syariah yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Syariah.
- 3.2 Memberi pandangan, menyediakan input dan bantuan berkaitan Syariah kepada Lembaga Pengarah, pihak-pihak berkepentingan dalam Bank Rakyat dan pihak-pihak yang berkaitan dengan operasi perniagaan dan aktiviti Bank Rakyat termasuklah anak syarikat dan koperasi-koperasi di bawah seliaan Suruhanjaya Koperasi Malaysia ("SKM") yang merujuk kepada Bank Rakyat berdasarkan isu kepatuhan terhadap ketetapan Syariah pada setiap masa.
- 3.3 Menerima pakai ketetapan Majlis Penasihat Syariah BNM ("MPS/BNM") dan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti ("MPS/SECCOM") setelah diterbitkan bagi tujuan mengeluarkan keputusan Syariah dan memaklumkan kepada pengurusan dan Lembaga Pengarah sekiranya Jawatankuasa Syariah menggunakan autoritinya untuk menggunakan keputusan yang lebih ketat sepertimana yang dibenarkan oleh SGF/BNM.
- 3.4 Melaksanakan penyeliaan Syariah ke atas operasi perniagaan dan aktiviti Bank Rakyat termasuk anak-anak syarikat serta memberikan panduan kepada Bank Rakyat dan anak-anak syarikat untuk melaksanakan keputusan Syariah yang telah ditetapkan.

Terma Rujukan Jawatankuasa Syariah

- 3.5 Menilai dan mengesahkan kajian Syariah, Takyif Fiqhi (penyesuaian hukum), laporan dan penemuan yang dilaksanakan oleh semua fungsi Syariah iaitu Penyelidikan dan Perundangan Syariah, Pengawasan Syariah, Risiko Syariah dan Audit Syariah bagi memastikan kepatuhan kepada ketetapan Syariah.
- 3.6 Meluluskan semua rangka kerja, polisi, prosedur dan semua dokumentasi berkaitan Syariah dan memastikan isi kandungannya tidak mempunyai sebarang elemen yang bertentangan dengan Syariah.
- 3.7 Meluluskan dan mengesahkan dokumentasi berkaitan produk dan operasi perniagaan tidak terhad kepada dokumentasi perundangan, polisi dan prosedur produk, manual produk serta bahan pemasaran bagi memastikan kepatuhan terhadap ketetapan Syariah, dengan pengecualian tugas tertentu yang telah diberikan autoriti kepada fungsi dalaman Syariah berdasarkan kelulusan sebulat suara yang direkodkan oleh ahli-ahli Jawatankuasa Syariah.
- 3.8 Memberikan pandangan dan membantu Bank Rakyat untuk berbincang dengan MPS/BNM dan MPS/SECCOM secara bertulis jika diperlukan.
- 3.9 Menasihati Bank Rakyat berkenaan pengiraan, peruntukan dan pengagihan zakat dan mengesahkan senarai penerima zakat yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Zakat Perniagaan Bank di bawah Asnaf ("JZPBA").
- 3.10 Berkecuali daripada membuat keputusan yang bertentangan dengan ketetapan MPS/BNM yang berkemungkinan bercanggah dengan Akta Bank Negara Malaysia 2009.
- 3.11 Tidak bertindak dengan cara yang boleh menjejaskan ketetapan dan keputusan yang dibuat oleh MPS/BNM dan Jawatankuasa Syariah dan dikehendaki menghormati dan mematuhi ketetapan Syariah yang dikeluarkan oleh MPS/BNM dan tidak mengeluarkan pandangan yang bercanggah dengan keputusan Jawatankuasa Syariah ketika mewakili jawatankuasa di peringkat umum.
- 3.12 Menarik balik keputusan Syariah yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Syariah sekiranya terdapat ketetapan Syariah baru dan atau yang dipinda oleh MPS/BNM dan MPS/SECCOM.
- 3.13 Menyelaraskan percanggahan Syariah dengan pendekatan undang-undang bagi membawa Bank Rakyat ke arah amalan kepatuhan Syariah terbaik yang diterima secara keseluruhannya secara berperingkat.
- 3.14 Mengesah dan meluluskan isu-isu penemuan ketidakpatuhan Syariah, tindakan rektifikasi dan proses pembersihan termasuk senarai benefisiari bagi pendapatan Tidak Patuh Syariah bagi tujuan pelaporan kepada Lembaga Pengarah.
- 3.15 Memaklumkan kepada BNM berkenaan aktiviti Tidak Patuh Syariah sekiranya tidak ditangani dengan efektif dan berkesan atau tiada tindakan pembedahan yang dilaksanakan oleh Bank Rakyat.
- 3.16 Memaklumkan kepada Lembaga Pengarah berkaitan isu-isu Syariah secara berkala.
- 3.17 Mendedahkan maklumat yang mencukupi berkaitan Syariah seperti yang ditetapkan oleh BNM dalam laporan tahunan Jawatankuasa Syariah yang terkandung di dalam Laporan Tahunan Bank Rakyat dan meluluskan Laporan Tahunan tersebut sebelum diterbitkan.
- 3.18 Bertindak bagi pihak Bank Rakyat untuk memberikan respon dan maklumbalas berkaitan Syariah dalam Mesyuarat Agung Tahunan Bank Rakyat atau dalam aktiviti serta program yang melibatkan Bank Rakyat.
- 3.19 Mematuhi prinsip kerahsiaan berkaitan perniagaan, operasi dan hal ehwal Bank Rakyat pada setiap masa, di mana segala maklumat yang diperolehi tidak dibenarkan untuk digunakan bagi tujuan yang boleh menjejaskan Bank Rakyat.
- 3.20 Tanggungjawab lain yang ditugaskan oleh Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa atau sebarang isu Syariah yang memerlukan perhatian segera Jawatankuasa Syariah.

Terma Rujukan Jawatankuasa Syariah

4.0 MESYUARAT JAWATANKUASA SYARIAH

- 4.1 Mesyuarat Jawatankuasa Syariah perlu dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali bagi tempoh dua bulan.
- 4.2 Kehadiran minimum mesyuarat Jawatankuasa Syariah mestilah dihadiri oleh 2/3 daripada ahli Jawatankuasa, dengan kehadiran majoriti oleh ahli yang mempunyai kelayakan Syariah.
- 4.3 Sekiranya Pengerusi Jawatankuasa Syariah tidak dapat menghadiri mesyuarat, Jawatankuasa Syariah perlu memilih seorang daripada mereka yang mempunyai kelayakan Syariah sebagai pengerusi gantian.
- 4.4 Sebarang keputusan mesyuarat perlu dipersetujui oleh 2/3 ahli Jawatankuasa Syariah yang hadir, dengan majoriti undi ialah daripada ahli-ahli yang mempunyai kelayakan Syariah.
- 4.5 Sebarang perbezaan pendapat dalam kalangan ahli Jawatankuasa Syariah mestilah direkodkan beserta justifikasi dan ahli berkenaan berhak untuk berkecuali sewaktu undian dilaksanakan.
- 4.6 Ahli Jawatankuasa Syariah mestilah menghadiri sekurang-kurangnya 75% daripada bilangan mesyuarat yang diadakan pada setiap tahun kewangan, kecuali dengan alasan yang munasabah yang diadakan di pejabat rasmi Ibu Pejabat Bank Rakyat, atau di mana-mana lokasi yang ditentukan oleh Sekretariat Jawatankuasa Syariah samada di dalam atau di luar Malaysia.
- 4.7 Mesyuarat Jawatankuasa Syariah boleh dilakukan melalui video atau persidangan melalui telefon sebagai alternatif.
- 4.8 Pengarah Urusan, Ketua Pegawai Risiko, Ketua Audit Dalam dan lain-lain wakil pengurusan boleh dijemput untuk menghadiri mesyuarat untuk memberikan penjelasan kepada Jawatankuasa Syariah berkaitan isu-isu berbangkit dan atau yang berkaitan dengan kertas kerja yang dibentangkan.
- 4.9 Keputusan rasmi Jawatankuasa Syariah perlu diedarkan kepada Pengurusan dan Lembaga Pengarah setiap suku tahun dan maklumat kepada unit perniagaan dan unit sokongan mesti dilakukan selepas mesyuarat setelah diteliti oleh Setiausaha Jawatankuasa Syariah dan disahkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Syariah.
- 4.10 Bilangan Mesyuarat Jawatankuasa Syariah yang diadakan pada tahun tersebut beserta maklumat mengenai kehadiran ahli perlu dinyatakan dalam laporan tahunan Bank.

5.0 LAPORAN TAHUNAN JAWATANKUASA SYARIAH

- 5.1 Jawatankuasa Syariah perlu melaporkan semua produk yang telah diluluskan dan telah dilancarkan bagi tahun tersebut dan menyatakan maklumat yang bersesuaian dengan Syariah seperti yang ditetapkan oleh BNM dalam Laporan Tahunan Jawatankuasa Syariah yang dilaporkan dalam Laporan Tahunan Bank Rakyat, mengesahkan pengurusan zakat adalah selaras dengan ketetapan Syariah dan mengesahkan Laporan Tahunan sebelum diterbitkan.
- 5.2 Laporan Tahunan tersebut perlu menyenaraikan semua maklumat yang diperlukan oleh BNM selaras dengan Garis Panduan Pelaporan Kewangan bagi Institusi Kewangan Pembangunan.
- 5.3 Laporan tersebut hendaklah ditandatangani oleh semua ahli Jawatankuasa Syariah.

Terma Rujukan Jawatankuasa Syariah

6.0 PERWAKILAN DALAM MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH

- 6.1 Wakil Jawatankuasa Syariah menghadiri mesyuarat LP sebagai penghubung antara Jawatankuasa Syariah dan Lembaga Pengarah mengenai hal-hal berkaitan isu-isu Syariah.
- 6.2 Seorang daripada Ahli Jawatankuasa Syariah boleh dilantik sebagai wakil tetap manakala seorang lain sebagai wakil gantian jika wakil tetap tidak dapat hadir ke mesyuarat tersebut.
- 6.3 Wakil Jawatankuasa Syariah perlu memberikan pandangan Syariah tanpa terlibat dalam urusan lain daripada peranan dan tanggungjawab Jawatankuasa Syariah.
- 6.4 Elaun mesyuarat yang dibayar kepada wakil Jawatankuasa Syariah adalah tertakluk kepada kelulusan Lembaga Pengarah dan / atau semakan semula dari semasa ke semasa berdasarkan syor Jawatankuasa Imbuan.

7.0 PENASIHAT KEPADA JAWATANKUASA ZAKAT PERNIAGAAN BANK DI BAWAH ASNAF

- 7.1 Dua (2) orang daripada ahli Jawatankuasa Syariah dilantik sebagai penasihat kepada JZPBA untuk memastikan pengurusan zakat adalah mematuhi ketetapan Syariah.
- 7.2 Mesyuarat JZPBA hanya boleh dilaksanakan dengan kehadiran sekurang-kurangnya seorang penasihat Syariah.
- 7.3 Penasihat Syariah hendaklah memberikan nasihat dan pandangan berkaitan zakat yang meliputi pengiraan zakat, peruntukan, pengagihan, isu had kifayah (jumlah yang mencukupi) dan kelayakan asnaf (penerima zakat) agar selaras dengan prinsip dan ketetapan Syariah.
- 7.4 Elaun mesyuarat yang dibayar kepada penasihat Syariah adalah tertakluk kepada kelulusan Lembaga Pengarah dan atau semakan semula dari semasa ke semasa berdasarkan syor Jawatankuasa Imbuan.

8.0 IMBUHAN AHLI JAWATANKUASA SYARIAH

- 8.1 Ahli Jawatankuasa Syariah diberikan elaun bulanan tetap dan elaun hadir mesyuarat berdasarkan kehadiran mesyuarat.
- 8.2 Elaun mesyuarat merujuk kepada kehadiran ke mesyuarat Jawatankuasa Syariah dan mesyuarat lain yang memerlukan kehadiran ahli tersebut.
- 8.3 Ahli Jawatankuasa Syariah layak untuk menerima elaun dan tuntutan elaun perjalanan jika diundang menghadiri atau mewakili Bank Rakyat dalam program rasmi atau tidak rasmi Bank Rakyat, dijemput sebagai penceramah bagi program dalaman atau luaran Bank Rakyat atau sebarang program yang dianjurkan oleh Bank Rakyat.
- 8.4 Bank Rakyat boleh mempertimbangkan kenaikan jumlah elaun kepada ahli Jawatankuasa Syariah yang diluluskan untuk perantaraan semula.
- 8.5 Jumlah imbuan adalah tertakluk kepada kelulusan Lembaga Pengarah atau kajian dari semasa ke semasa berdasarkan syor daripada Jawatankuasa Imbuan. Elaun yang diterima mestilah sesuai dengan beban tugas dan tanggungjawab ahli Jawatankuasa Syariah.

Terma Rujukan Jawatankuasa Syariah

9.0 SETIAUSAHA DAN URUS SETIA JAWATANKUASA SYARIAH

- 9.1 Ketua Syariah yang mempunyai kelayakan Syariah perlu dilantik oleh Jawatankuasa Syariah sebagai Setiausaha. Walau bagaimanapun, Setiausaha tidak mempunyai kuasa mengundi dalam sebarang keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Syariah.
- 9.2 Setiausaha kepada Jawatankuasa Syariah, atau wakil setiausaha yang dilantik oleh Setiausaha untuk menggantikannya (yang tidak dapat hadir dengan maaf) perlu menghadiri semua mesyuarat dan menyimpan rekod yang tepat bagi semua perbincangan semasa mesyuarat. Semua rekod berkaitan mesyuarat perlu disemak oleh Setiausaha sebelum diedarkan.
- 9.3 Fungsi Sekretariat kepada Jawatankuasa Syariah diserahkan kepada Sekretariat Jawatankuasa Syariah di bawah fungsi Penyelidikan dan Perundingan Syariah.


10.0 KEHADIRAN MESYUARAT JAWATANKUASA SYARIAH PADA 2019

Nama Ahli Jawatankuasa	Kehadiran Mesyuarat Jawatankuasa	Peratusan Kehadiran
SS Dato' Setia Mohd Tamyas Abd Wahid	12/13	92.31%
Prof. Dato' Dr. Mohd Azmi Omar	13/15	86.66%
Dr. Mohammad Zaini Yahaya	15/15	100%
Ust. Md. Yunus Abd. Aziz	10/15	66.66%
Ust. Wan Rumaizi Wan Husin	14/15	93.33%
Dr. Abdullaah Jalil	13/15	86.66%
Prof. Madya Dr. Azman Mohd Noor	13/15	86.66%

PENYATA KEWANGAN

- 120 Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad
- 124 Penyata Pengarah
- 125 Laporan Tahunan Jawatankuasa Syariah Bank Rakyat 2019
- 131 Akuan Berkanun
- 132 Laporan Para Pengarah
- 134 Penyata Kedudukan Kewangan
- 136 Penyata Untung atau Rugi dan Pendapatan Komprehensif Lain
- 138 Penyata Perubahan Ekuiti
- 142 Penyata Aliran Tunai
- 145 Nota Kepada Penyata Kewangan





**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
BANK KERJASAMA RAKYAT MALAYSIA BERHAD
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

Sijil Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad dan Kumpulan telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019 dan Penyata Untung Atau Rugi Dan Pendapatan Komprehensif Lain, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 4 hingga 206.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad dan Kumpulan pada 31 Disember 2019 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS), peraturan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, Akta Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas) Akta 1978 (Akta 202), Akta Koperasi 1993 (Akta 502) dan Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 (Akta 618).

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad dan Kumpulan dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan (MFRS) dan peraturan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, Akta Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas) Akta 1978 (Akta 202), Akta Koperasi 1993 (Akta 502) dan Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 (Akta 618). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad dan Kumpulan adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad dan Kumpulan.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad dan Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad dan Kumpulan memberi gambaran yang saksama.
- f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Saya juga telah memaklumkan Lembaga Pengarah bahawa saya telah mematuhi keperluan etika yang berkaitan dengan kebebasan dan telah memaklumkan semua hubungan dan hal-hal lain yang berkemungkinan menjejaskan kebebasan dan langkah pencegahan yang bersesuaian, sekiranya berkaitan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan peraturan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, Akta Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas) Akta 1978 (Akta 202), Akta Koperasi 1993 (Akta 502) dan Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 (Akta 618), saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 15 dalam penyata kewangan.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah berdasarkan keperluan peraturan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, Akta Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas) Akta 1978 (Akta 202), Akta Koperasi 1993 (Akta 502) dan Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 (Akta 618) dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan Sijil ini.



Penyata Pengarah

Kami, **DATUK NORIPAH KAMSO** dan **TUNKU DATO' AHMAD BURHANUDDIN TUNKU DATUK SERI ADNAN**, yang merupakan dua daripada Pengarah Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad dengan ini menyatakan bahawa:

- (i) Penyata kewangan Bank telah disediakan menurut peruntukan-peruntukan Akta Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas) 1978 (Akta 202), Akta Koperasi 1993 (Akta 502), Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 (Akta 618) dan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS") serta Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa ("IFRS") dengan pengubahsuaian dibuat berdasarkan panduan-panduan diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dan berlandaskan prinsip-prinsip Syariah;
- (ii) Penyata-penyata kewangan bagi anak-anak syarikat Bank telah disediakan menurut MFRS, IFRS dan peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 2016 di Malaysia.

Pada pendapat para Pengarah, penyata kewangan yang dikemukakan memberi gambaran yang benar dan saksama berkenaan hal ehwal Kumpulan dan Bank pada 31 Disember 2019 dan hasil operasi serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah mengikut resolusi para Pengarah.



DATUK NORIPAH KAMSO
Pengerusi



Pengarah

TUNKU DATUK SERI ADNAN

Kuala Lumpur
Tarikh: 25 Februari 2020

Laporan Tahunan Jawatankuasa Syariah Bank Rakyat 2019

Dalam menjalankan peranan dan tanggungjawab sebagai Ahli Jawatankuasa Syariah Bank Rakyat, kami dengan ini mengemukakan laporan pematuhan Syariah bagi aktiviti perniagaan dan operasi Bank Rakyat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019.

Pengurusan Bank Rakyat adalah bertanggungjawab untuk memastikan Bank Rakyat menjalankan perniagaan selaras dengan prinsip Syariah. Adalah menjadi tanggungjawab kami untuk memberikan pandangan yang autonomi, berdasarkan penelitian kami ke atas operasi Bank Rakyat untuk melaporkan kepada Lembaga Pengarah Bank Rakyat.

Mesyuarat Jawatankuasa Syariah telah dilaksanakan sebanyak 15 sesi sepanjang tahun kewangan 2019 termasuk 3 mesyuarat khas dan semakan telah dilaksanakan ke atas produk, perkhidmatan, transaksi, proses dan seluruh dokumentasi perbankan. Kami memberikan pandangan Syariah terhadap pelbagai aspek kepada Bank dalam usaha untuk memastikan kepatuhan kepada aplikasi prinsip Syariah serta resolusi dan ketetapan yang dikeluarkan oleh Majlis Penasihat Syariah badan-badan yang berautoriti di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Bagi memastikan kelancaran operasi perbankan, kami memberikan kuasa dan menurunkan autoriti melulus kepada Jabatan Penyelidikan dan Perundingan Syariah untuk meluluskan perkara-perkara umum berkaitan Syariah dan kelulusan oleh Jabatan Penyelidikan dan Perundingan Syariah tersebut dilaporkan kepada kami secara berkala bagi tujuan semakan dan pengesahan.

Kami merancang dan melaksanakan semakan untuk mendapatkan segala maklumat dan penjelasan yang perlu bagi memperoleh bukti-bukti yang mencukupi untuk memberi jaminan yang munasabah bahawa Bank Rakyat tidak melanggar prinsip-prinsip Syariah.

KELULUSAN

1. Kami telah mengesahkan dan meluluskan prinsip dan kontrak bagi produk yang ditawarkan oleh Bank Rakyat bagi tahun 2019 seperti berikut :
 - i. Pakej Pembiayaan Khas bagi Koperasi berasaskan konsep *Tawarruq (Dual Wakalah)* dilancarkan pada 3 April 2019.
 - ii. Kad Kredit-i Platinum Explorer Bank Rakyat berasaskan konsep *Tawarruq* dilancarkan pada 27 September 2019.
2. Kami telah melaksanakan pengesahan dan kelulusan terhadap transaksi, aplikasi dan urusanniaga yang dilakukan oleh Bank Rakyat melalui proses-proses berikut :
 - i. Semakan Syariah ke atas produk-produk bank serta polisi, garis panduan dan prosedur jabatan.
 - ii. Semakan Syariah ke atas dokumen-dokumen perundangan dan perbankan, Helaian Pendedahan Produk, notis dan bahan-bahan pemasaran sebelum penerbitan.
 - iii. Semakan terhadap status pematuhan Syariah ke atas pelanggan-pelanggan bagi produk perbankan komersil sebelum kelulusan pembiayaan.
 - iv. Semakan Syariah ke atas operasi perbankan di peringkat cawangan, jabatan-jabatan yang berkaitan dan subsidiari Bank Rakyat yang melibatkan semakan terhadap pelaksanaan dokumen perundangan dan turutan *akad*.
 - v. Semakan Syariah terhadap aplikasi sistem yang berkaitan dengan produk-produk perbankan.
 - vi. Semakan Syariah terhadap aktiviti bank termasuk penyewaan aset Bank Rakyat dan subsidiari kepada pihak ketiga serta aktiviti penajaan.
 - vii. Penilaian risiko Syariah ke atas produk-produk baru, penambahbaikan kepada produk-produk sedia ada, proses, prosedur, aktiviti-aktiviti perniagaan dan operasi perbankan.
 - viii. Audit Syariah ke atas operasi, dokumentasi dan aplikasi sistem di jabatan-jabatan, cawangan-cawangan dan subsidiari Bank Rakyat.

PENYELIDIKAN & PERUNDINGAN SYARIAH, PENGAWASAN SYARIAH, AUDIT SYARIAH, RISIKO SYARIAH

3. Fungsi Penyelidikan dan Perundingan Syariah, Pengawasan Syariah, Audit Syariah dan Risiko Syariah telah memainkan peranan penting untuk memastikan objektif kepatuhan Syariah dicapai di setiap peringkat pada setiap masa melalui semakan dan penilaian terhadap semua aktiviti dan operasi perbankan.
4. Kami telah melaksanakan penilaian terhadap kerja-kerja yang dijalankan oleh Penyelidikan dan Perundingan Syariah, Pengawasan Syariah, Audit Syariah dan Risiko Syariah termasuk pemeriksaan berdasarkan sampel ujian, jenis transaksi, dokumen-dokumen berkaitan dan prosedur yang digunakan oleh Bank Rakyat.
5. Penyelidikan dan Perundingan Syariah melaksanakan perundingan Syariah ke atas pembangunan produk dan operasi perniagaan harian termasuk mengeluarkan Sijil Semakan Patuh Syariah, menyediakan parameter Syariah, semakan dokumentasi perbankan di samping melaksanakan proses tapisan dan pra-kelulusan terhadap permohonan pembiayaan, bahan-bahan pemasaran dan perlantikan pedagang berdasarkan penurunan autoriti melulus oleh kami. Mereka juga bertanggungjawab untuk melaksanakan kajian Syariah dan mengeluarkan *Takyif Fiqhi* ke atas isu-isu semasa berkaitan produk-produk dan perkhidmatan perbankan Islam sebagai sokongan kepada kertas cadangan perniagaan bank.
6. Pengawasan Syariah dan Audit Syariah telah melaksanakan semakan dan Audit Syariah berdasarkan Pelan Semakan Syariah dan Pelan Audit Syariah yang telah diluluskan oleh kami. Laporan Semakan Syariah dan Laporan Penilaian Audit dibentangkan dan dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Syariah untuk disahkan bahawa Bank telah mematuhi ketetapan Syariah yang ditetapkan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (MPS BNM), Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan ketetapan yang diluluskan oleh kami.
7. Risiko Syariah bertanggungjawab untuk menentukan, mengukur, memantau dan mengawal risiko ketidakpatuhan Syariah bagi melaksanakan mitigasi serta mengurangkan pengulangan isu ketidakpatuhan Syariah. Pendekatan yang sistematik dalam menguruskan risiko ketidakpatuhan Syariah membolehkan bank meneruskan operasi dan aktiviti secara efektif tanpa mendedahkan Bank kepada tahap risiko yang tidak boleh diterima.
8. Bagi tahun kewangan 2019, Pengawasan Syariah, Audit Syariah dan Risiko Syariah telah membentangkan laporan-laporan berikut kepada kami :

Pengawasan Syariah

- a. Laporan Semakan Syariah ke atas 147 Cawangan di Seluruh Malaysia
- b. Laporan Semakan Syariah ke atas 17 Rakyat Xcess & Ar-Rahnu X'Change (kombo), 4 Rakyat Xcess and 27 Ar-Rahnu X'Change
- c. Laporan Semakan Syariah ke atas 4 Pusat Pembiayaan Kenderaan
- d. Laporan Semakan Syariah ke atas 43 permohonan pembiayaan korporat dan koperasi
- e. Laporan Semakan Syariah ke atas 17 permohonan pembiayaan perdagangan
- f. Laporan Semakan Syariah ke atas 7 subsidiari Bank Rakyat seperti berikut :
 - i. Rakyat Management Services Sdn. Bhd (RMS),
 - ii. Rakyat Holdings Sdn. Bhd.,
 - iii. Rakyat Asset Sdn. Bhd.
 - iv. Rakyat Hartanah Sdn. Bhd.
 - v. Rakyat Niaga Sdn. Bhd.
 - vi. Rakyat Facility Management Sdn. Bhd.
 - vii. Rakyat Travel Sdn. Bhd.
- g. Laporan Semakan Syariah ke atas Koperasi yang menerima pembiayaan Bank Rakyat
- h. Laporan Semakan Syariah: Jabatan Pengurusan Keanggotaan
- i. Laporan Semakan Syariah: Jabatan Penyeliaan & Pembangunan Koperasi
- j. Laporan Semakan Syariah: Jabatan Pasaran Wang
- k. Laporan Semakan Syariah: Jabatan Pertukaran Wang Asing
- l. Laporan Semakan Syariah: Jabatan Perbankan Koresponden
- m. Laporan Semakan Syariah: Jabatan Pemasaran Perbendaharaan
- n. Laporan Semakan Syariah: Jabatan Ekuiti
- o. Laporan Semakan Syariah : Jabatan Pendapatan Tetap
- p. Laporan Semakan Syariah : Jabatan Pembiayaan Runcit Tidak Bercagar (Peribadi-i & Pendidikan-i)
- q. Laporan Semakan Syariah : Jabatan Pembangunan Produk - Bercagar, Kawalan & Pemprosesan Hartanah dan Pembiayaan Hartanah

- r. Laporan Semakan Syariah: Jabatan Pembangunan Perniagaan dan Pemasaran Sewa Beli
- s. Laporan Semakan Syariah: Jabatan Mikro dan Program Pembiayaan
- t. Laporan Semakan Syariah: Bahagian Perbankan Perniagaan
- u. Laporan Semakan Syariah: Jabatan Pembiayaan Koperasi (Pembangunan Perniagaan)

Audit Syariah

- a. Laporan Audit Syariah: Jabatan Komunikasi Korporat (Sumbangan dan Tajaan)
- b. Laporan Audit Syariah: Pembiayaan Perumahan-i
- c. Laporan Audit Syariah: Pembiayaan Kenderaan-i
- d. Laporan Audit Syariah: Pembiayaan Peribadi-i
- e. Laporan Audit Syariah: Deposit Berjangka-i
- f. Laporan Audit Syariah: Jabatan Pengurusan Aktiviti
- g. Laporan Audit Syariah: Jabatan Pemasaran Strategik
- h. Laporan Audit Syariah: Jabatan Saluran Penghantaran
- i. Laporan Audit Syariah: Susulan ke atas penemuan Audit yang belum selesai bagi suku ke-4 tahun 2018.
- j. Laporan Audit Syariah: Jabatan Pendapatan Tetap
- k. Laporan Audit Syariah: Jabatan Pertukaran Wang Asing
- l. Laporan Audit Syariah: Jabatan Pemantauan Awal
- m. Laporan Audit Syariah: Pasaran Wang
- n. Laporan Audit Syariah: Pajak Gadai-i Ar-Rahnu
- o. Laporan Audit Syariah: Jabatan Kerajaan/ Syarikat Berkaitan Kerajaan (Pembangunan Perniagaan)
- p. Laporan Audit Syariah: Jabatan Pusat Kutipan
- q. Laporan Audit Syariah: Semakan terhadap ke atas Kredit Kad-i, Perniagaan *Acquiring*
- r. Laporan Audit Syariah: Rakyat Travel Sdn Bhd.
- s. Laporan Audit Syariah: Jabatan Susulan Runcit
- t. Laporan Audit Syariah: Susulan ke atas penemuan Audit yang belum selesai bagi suku pertama tahun 2019
- u. Laporan Audit Syariah: Jabatan Perundangan (Pembiayaan Korporat & Dokumentasi)
- v. Laporan Audit Syariah: Jabatan Transaksi Perbankan Korporat
- w. Laporan Audit Syariah: Jabatan & Bahagian di bawah Sektor Perkhidmatan Korporat (Selain Jabatan Transaksi Perbankan Korporat)
- x. Laporan Audit Syariah: Jabatan & Bahagian di bawah Sektor Strategi & Transformasi
- y. Laporan Audit Syariah: Bahagian Strategi & Pengurusan Prestasi Perbankan Runcit
- z. Laporan Audit Syariah: Sektor Pengurusan Khidmat Pelanggan & Garis Panduan
- aa. Laporan Audit Syariah: Susulan ke atas penemuan Audit yang belum selesai bagi suku ke-2 tahun 2019
- bb. Laporan Audit Syariah: Jabatan Perundangan (Operasi & Litigasi)
- cc. Laporan Audit Syariah: Sektor Pematuhan & Tadbir Urus
- dd. Laporan Audit Syariah Rakyat Management Services Sdn Bhd
- ee. Laporan Audit Syariah : Pembiayaan Wargakerja : Semakan terhadap proses *Tawarruq*
- ff. Laporan Audit Syariah : Jabatan Pembiayaan Perdagangan
- gg. Laporan Audit Syariah : Susulan ke atas penemuan Audit yang belum selesai bagi suku ke-3 tahun 2019

Risiko Syariah

- a. Profil Risiko Syariah bagi tahun 2018

Kesedaran dan Latihan Syariah

9. Bagi tahun kewangan 2019, sebanyak 27 latihan dan taklimat kesedaran Syariah telah dilaksanakan kepada wargakerja bank yang dihadiri oleh lebih daripada 900 peserta dari seluruh Malaysia. Secara keseluruhannya, hampir 80 jam tempoh yang telah diperuntukkan bagi latihan dan taklimat tersebut .
10. Akademi Latihan Bank Rakyat juga mengekalkan slot aplikasi Syariah dalam Perbankan Islam selama setengah hari dalam kursus induksi yang dianjurkan khusus untuk wargakerja baru sebagai salah satu usaha untuk memastikan semua wargakerja bank di semua peringkat memahami aplikasi Syariah terhadap produk-produk yang ditawarkan oleh bank.

11. Bank Rakyat komited untuk mengukuhkan tahap pemahaman ilmu Syariah kepada wargakerja bank khususnya pegawai-pegawai Syariah dengan pelaksanaan program *International Shariah Scholars Roundtable* (iSHAR) sekaligus dapat meningkatkan pengiktirafan ke atas Bank Rakyat di mata pemain industri. Tujuh (7) orang ahli Jawatankuasa Syariah bersama dengan dua puluh empat (24) pegawai Pematuhan Syariah telah menghadiri perbincangan intensif ini selama 2 hari bersama ulama Syariah terkemuka dalam industri kewangan Islam.
12. Selain itu, Ahli Jawatankuasa Syariah Bank Rakyat juga telah menyertai pelbagai program dan seminar latihan berkaitan kewangan Islam di peringkat tempatan dan antarabangsa. Seorang ahli Jawatankuasa Syariah telah membentangkan kertas kajian di *International Conference of Entrepreneurial Finance* yang ke-7 (CIFEMA 2019) yang diadakan di Morocco. Tiga (3) orang Ahli Jawatankuasa Syariah juga telah menghadiri Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara yang ke-13 dan *International Shari'ah Scholars Forum* (ISSF) ke-14 anjuran *International Shari'ah Research Academy for Islamic Finance* (ISRA).
13. Bagi menyemai budaya pematuhan Syariah di Bank Rakyat, Jabatan Pengawasan Syariah telah mengendalikan 2 siri program *Zero Tolerance Clinic* yang meliputi sesi taklimat Pematuhan Syariah yang dihadiri oleh wargakerja cawangan yang terpilih di seluruh negara. Pegawai Syariah yang menjalankan semakan Syariah di 147 cawangan juga telah menyampaikan sesi taklimat kepada wargakerja cawangan mengenai kepatuhan Syariah. Program-program tersebut dilaksanakan bertujuan untuk memberi kesedaran kepada Unit Sokongan & Perniagaan (BSU) bagi mengelakkan berlakunya isu-isu ketidakpatuhan Syariah serta mengemaskini maklumat berkaitan peraturan Syariah baru yang dikeluarkan oleh Bank Rakyat atau badan-badan yang berautoriti.

Penemuan Isu Ketidakpatuhan Syariah

14. Bagi tahun kewangan 2019, penemuan isu-isu ketidakpatuhan Syariah seperti berikut telah dibentangkan kepada kami:
 - a. Kelewatan pengeluaran Sijil Pemilikan Emas kepada Rakyat Management Services Sdn Bhd (RMS)
 - b. Pengewaan caj berlebihan kepada pelanggan di atas kelewatan penutupan akaun setelah bayaran diterima daripada Rakyat Management Services Sdn Bhd (RMS)
 - c. Bayaran melalui cek dan *Interbank GIRO* serta transaksi urusanniaga wafer emas Rakyat Management Services Sdn Bhd (RMS) tidak dijalankan secara spot (T + 0)
 - d. Kelulusan permohonan Pembiayaan Peribadi-i Aslah Awam yang ditandatangani oleh pihak ketiga tanpa pengetahuan dan persetujuan pelanggan
 - e. Proses lelongan awam bagi produk Ar-Rahnu tidak dilaksanakan mengikut ketetapan Garis Panduan Operasi Pembiayaan 215 Pajak Gadai-i
 - f. Penutupan akaun pelanggan Ar-Rahnu di bawah harga *reserve*
 - g. Bayaran premium insurans konvensional yang dibiayai oleh bank bagi Pembiayaan Kenderaan-i (An-Naqlu 2)
 - h. Pengewaan Caj Lewat Bayar yang berlebihan dalam sistem IBS bagi Pembiayaan Runcit-i
15. Semua penemuan isu ketidakpatuhan Syariah beserta pelan rektifikasi telah dibentangkan kepada kami dan Lembaga Pengarah untuk tujuan kelulusan serta telah dilaporkan kepada Bank Negara Malaysia selaras dengan ketetapan Pelaporan Ketidakpatuhan Syariah yang dinyatakan dalam Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [IFSA].
16. Penemuan isu ketidakpatuhan Syariah yang berlaku adalah disebabkan oleh ketidakpatuhan kepada garis panduan operasi yang dikenalpasti oleh Pengawasan Syariah, Audit Syariah dan Bahagian Pematuhan. Kami juga mengambil maklum bahawa Bank telah melaksanakan tindakan pembetulan serta mengambil langkah-langkah pencegahan dan merangka plan mitigasi bagi mengelakkan isu yang sama berulang pada masa yang akan datang termasuklah mengendalikan latihan Syariah kepada semua wargakerja yang berkaitan.
17. Bagi tempoh tahun kewangan 2019, Bank menerima pendapatan tidak patuh Syariah berjumlah **RM336,948.14**. Jumlah tersebut telah dipulangkan kepada pelanggan yang terlibat dan sebahagiannya dilupuskan untuk tujuan kebajikan berdasarkan kelulusan oleh Jawatankuasa Syariah dan Lembaga Pengarah.

Zakat Perniagaan

18. Bagi tahun kewangan 2019, kami mengesahkan bahawa Bank Rakyat telah melaksanakan tanggungjawab membayar zakat perniagaan kepada Majlis Agama Islam Negeri-Negeri berjumlah **RM14,661,750.00** dengan menggunakan methodologi pengiraan modal berkembang selaras dengan Manual Pengurusan Zakat Perbankan yang dikeluarkan oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji.
19. Bagi Zakat Asnaf, kami mengesahkan bahawa zakat perniagaan bank sebanyak **RM8,797,050.00** telah diagihkan kepada asnaf-asnaf yang layak selaras dengan Polisi dan Prosedur Pengurusan Zakat Perniagaan Bank Rakyat yang telah diluluskan oleh kami.
20. Secara keseluruhan, kami mengesahkan bahawa Bank Rakyat telah berjaya membayar zakat perniagaan pada tahun 2019 sebanyak **RM23,458,800.00**.

Inisiatif Wakaf di Bank Rakyat

21. Bank Rakyat telah mencatat sejarah baru dalam industri wakaf negara apabila Bank telah menandatangani dan memeterai perjanjian kerjasama dengan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) pada 24 Oktober 2018. Melalui kerjasama ini, Bank bersetuju untuk membantu mempromosi, mengutip dan mengurus secara bersama Dana Wakaf tersebut. Bank juga menawarkan perkhidmatan kutipan melalui pelbagai saluran kutipan.
22. Dana wakaf yang berjaya dikumpulkan diurus secara bersama oleh Jawatankuasa Pengurusan Bersama (JMC) yang diwakili oleh wakil Bank dan wakil MAIDAM. JMC telah bersetuju dan memutuskan untuk membantu MAIDAM dalam menubuhkan Pusat Hemodialisis MAIDAM Terengganu sebagai projek pertama bagi merealisasikan kerjasama ini.
23. Bagi tahun kewangan 2019, kami mengesahkan bahawa Bank telah memenuhi tanggungjawab sosial korporat Wakaf dan telah membantu MAIDAM mencapai sasaran kutipan untuk membiayai kos pengubahsuaian dan pembelian mesin dialisis bagi Pusat Hemodialisis MAIDAM ini.
24. Sehingga 30 November 2019, Bank telah berjaya mengumpul sebanyak **RM1,289,876.10** melalui pelbagai saluran kutipan yang disediakan oleh Bank. Bank juga telah menyumbang dengan nisbah RM 1 : RM 1 sebanyak **RM187,988.05** *matching grant* dari jumlah yang diluluskan iaitu RM 1 juta.

Berdasarkan laporan di atas, **kami berpandangan bahawa:**

1. Prinsip dan kontrak Syariah yang dilaksanakan pada produk-produk yang disenaraikan di para 1 adalah mematuhi prinsip-prinsip dan resolusi Syariah yang dikeluarkan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia serta keputusan Syariah yang dibuat oleh kami.
2. Transaksi, aplikasi dan urusanniaga yang dilaksanakan oleh Bank Rakyat yang telah disemak oleh kami kecuali penemuan ketidakpatuhan Syariah yang dinyatakan di atas adalah mematuhi prinsip-prinsip dan resolusi Syariah yang dikeluarkan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia, serta keputusan Syariah yang dibuat oleh kami.
3. Tindakan pembetulan ke atas semua kes-kes yang dikategorikan sebagai Tidak Patuh Syariah telah dilaksanakan sewajarnya.
4. Transaksi, aplikasi dan urusanniaga yang memerlukan siasatan lanjut dan pembetulan akan dijalankan secara berterusan.
5. Pendapatan yang diterima daripada sumber yang tidak mematuhi prinsip Syariah telah dilupuskan sewajarnya.
6. Pengiraan dan pengagihan Zakat Perniagaan Bank Rakyat bagi tahun 2019 adalah disahkan selaras dengan prinsip Syariah.
7. Kutipan dana wakaf di bawah inisiatif wakaf Bank Rakyat bagi tahun 2019 adalah disahkan selaras dengan prinsip Syariah.

Laporan Tahunan Jawatankuasa Syariah Bank Rakyat 2019

Kami, ahli-ahli Jawatankuasa Syariah Bank Rakyat, berdasarkan pengetahuan kami dengan ini mengesahkan bahawa operasi Bank Rakyat dengan sehabis baik usaha mereka, bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 telah dijalankan selaras dengan prinsip Syariah.



USTAZ MD. YUNUS ABD. AZIZ
Ahli Jawatankuasa Syariah



USTAZ ABDULLAAH JALIL
Ahli Jawatankuasa Syariah



PROF. DATO' DR. MOHD AZMI OMAR
Ahli Jawatankuasa Syariah



SS DATO' SETIA HJ. MOHD TAMYES ABD WAHID
Pengerusi Jawatankuasa Syariah



USTAZ WAN RUMAIZI WAN HUSIN
Ahli Jawatankuasa Syariah



PROF. MADYA DR. AZMAN MOHD NOOR
Ahli Jawatankuasa Syariah



DR. MOHAMAD ZAINI YAHAYA
Ahli Jawatankuasa Syariah

Akuan Berkanun

Saya, **NOR HAIMEE ZAKARIA**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, dengan ikhlasnya mengakui bahawa penyata kewangan ini, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan di atas kehendak peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenar dan sesungguhnya diakui oleh penama di atas di Kuala Lumpur pada 25 Februari 2020.



NOR HAIMEE ZAKARIA



Laporan Para Pengarah

LAPORAN PARA PENGARAH

Para Pengarah Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad ("Bank") dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka dan penyata kewangan Kumpulan dan Bank yang beraudit bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2019.

KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama Bank adalah sebagai sebuah koperasi yang menjalankan aktiviti perbankan berlandaskan prinsip Syariah melalui pengambilan deposit dan penyediaan perkhidmatan kewangan untuk keperluan runcit dan komersil.

Aktiviti utama untuk anak-anak syarikat adalah dinyatakan dalam Nota 15 kepada penyata kewangan ini.

Tiada sebarang perubahan yang signifikan di dalam aktiviti utama Bank dan anak-anak syarikat sepanjang tempoh kewangan.

KEPUTUSAN OPERASI

	Kumpulan RM'000	Bank RM'000
Keuntungan sebelum cukai dan zakat	1,793,867	1,751,665
Cukai	(122,936)	(112,130)
Zakat	(39,184)	(36,459)
Keuntungan selepas cukai dan zakat	1,631,747	1,603,076
Pembahagian berkanun	(477,362)	(477,362)
Keuntungan bagi tahun selepas pembahagian berkanun	1,154,385	1,125,714
Pendapatan komprehensif lain	504,566	504,566
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun	1,658,951	1,630,280
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun boleh diagih kepada: Pemegang ekuiti Bank	1,658,951	1,630,280

Pada pendapat para Pengarah, keputusan operasi Kumpulan dan Bank bagi tempoh kewangan semasa adalah tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urusan niaga atau peristiwa yang material dan luar biasa.

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Tiada sebarang pemindahan yang material dari rizab atau peruntukan dan sebaliknya pada sepanjang tempoh kewangan kecuali yang dinyatakan dalam penyata kewangan.

DIVIDEN

Pada tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2019, Bank telah membayar dividen tunai sebanyak 13% berjumlah RM379 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018.

Bagi tahun kewangan semasa, Lembaga Pengarah telah mencadangkan dividen tunai sehingga 14% berjumlah RM420 juta. Dividen yang dicadangkan akan diiktiraf dalam tempoh kewangan yang berikutnya selepas mendapat kelulusan pihak luar yang berkuasa.

Laporan Para Pengarah

LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN

Para Pengarah berpendapat penyata kewangan yang telah disediakan di muka surat 134 hingga 277 telah disusun untuk memberikan gambaran yang benar dan saksama berkenaan hal ehwal Kumpulan dan Bank pada 31 Disember 2019 dan hasil operasi serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Para Pengarah berpuas hati bahawa sebelum penyata kedudukan kewangan dan penyata untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain Kumpulan dan Bank dibuat, langkah-langkah sewajarnya telah diambil ke atas berkaitan perkara-perkara berikut:

- menentukan bahawa tindakan sewajarnya telah diambil berkaitan dengan hapus kira hutang lapuk dan peruntukan rosotnilai dan elaun untuk hutang ragu dan telah berpuas hati bahawa semua pembiayaan terjejas dan hutang lapuk yang diketahui telah dihapus kira dan peruntukan rosotnilai serta elaun bagi pembiayaan terjejas telah dibuat secukupnya untuk hutang ragu; dan
- memastikan bahawa sebarang aset semasa yang mungkin tidak dapat direalisasikan pada nilai buku melalui urusan perniagaan biasa telah dibuat pengurangan berdasarkan anggaran nilai boleh direalis.

Sepanjang pengetahuan para Pengarah, tidak wujud pada tarikh laporan ini sebarang keadaan yang boleh mengakibatkan perkara-perkara berikut:

- amaun yang dihapus kira untuk pembiayaan terjejas dan hutang lapuk atau amaun peruntukan rosotnilai dan elaun untuk hutang ragu dalam penyata kewangan Kumpulan dan Bank yang tidak mencukupi dengan ketaranya; atau
- nilai aset-aset semasa dalam penyata kewangan Kumpulan dan Bank yang mengelirukan; atau
- amaun yang dilaporkan dalam penyata kewangan Kumpulan dan Bank yang mengelirukan; dan
- sebarang kepatuhan kepada kaedah sedia ada dalam penilaian aset atau liabiliti Kumpulan dan Bank yang mengelirukan dan tidak bersesuaian.

Pada tarikh laporan, tidak wujud:


- sebarang cagar ke atas aset-aset Kumpulan dan Bank yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan ini yang menjadi sandaran terhadap liabiliti pihak lain; dan
- sebarang liabiliti luar jangka bagi Kumpulan dan Bank yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan.

Tiada liabiliti luar jangka atau liabiliti lain yang perlu ditanggung oleh Kumpulan dan Bank yang belum diselesaikan kecuali seperti yang dinyatakan di Nota 39 kepada penyata kewangan ini. Tiada liabiliti luar jangka atau liabiliti lain yang telah berkuatkuasa atau berkemungkinan akan dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan ini dimana pada pendapat para Pengarah, akan atau mungkin akan menjejaskan keupayaan Kumpulan dan Bank untuk menunaikan kewajibannya apabila perlu dilunaskan.

Pada pendapat para Pengarah, tiada butiran, urusan niaga atau peristiwa yang material dan luar biasa yang telah berlaku dalam tempoh waktu di antara akhir tahun kewangan semasa dan tarikh laporan ini yang mungkin menjejaskan dengan ketara operasi Kumpulan dan Bank pada tahun kewangan berikutnya.

Para Pengarah, dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengakui bahawa tiada perkara-perkara lain dalam pengetahuan mereka yang tidak didedahkan menurut Seksyen 59, Akta Koperasi 1993.

h mengikut resolusi para Pengarah.



DATUK NORIPAH RAMSU **TUNKU DATUK SERI ADNAN**

Kuala Lumpur, Malaysia
25 Februari 2020

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019

	Nota	Kumpulan		Bank	
		2019 RM'000	2018 RM'000	2019 RM'000	2018 RM'000
Aset					
Tunai dan dana jangka pendek	6	1,760,287	1,163,630	1,759,669	1,161,454
Pelaburan kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi	7	636,693	742,297	636,693	742,297
Pelaburan kewangan pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain	8	22,273,842	22,329,782	22,273,834	22,329,773
Pelaburan kewangan pada kos terlunas	9	10,261,091	10,155,789	10,261,091	10,155,789
Pembiayaan dan pendahuluan	10	70,967,646	69,003,855	71,042,565	69,003,855
Perdagangan belum terima	11	324	2,459	-	-
Aset-aset lain	12	1,139,698	1,132,604	1,121,584	1,097,380
Hak penggunaan aset	13	64,287	-	90,230	-
Inventori	14	6,790	8,018	-	-
Pelaburan dalam anak-anak syarikat	15	-	-	100,744	100,744
Hartanah dan peralatan	16	696,761	713,862	598,167	621,876
Aset tak ketara	17	294,321	265,294	281,136	252,109
Hartanah pelaburan	18	1,322,726	1,214,812	1,008,047	1,005,948
Bayaran pajakan terdahulu	19	59,182	60,708	59,182	60,708
Cukai boleh pulih		139,957	5,780	137,455	3,267
Aset cukai tertunda	20	673	86,333	-	86,000
Jumlah aset		109,624,278	106,885,223	109,370,397	106,621,200

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019 (Sambungan)

	Nota	Kumpulan		Bank	
		2019 RM'000	2018 RM'000	2019 RM'000	2018 RM'000
Liabiliti					
Deposit daripada pelanggan	21	83,831,405	82,735,900	83,831,405	82,735,900
Deposit dan penempatan daripada bank-bank dan institusi-institusi kewangan	22	1,300,000	824,000	1,300,000	824,000
Perdagangan belum bayar		1,652	2,840	-	-
Kewajipan rekursa atas pembiayaan dijual kepada Cagamas	23	360,770	710,335	360,770	710,335
Sekuriti hutang diterbitkan	24	2,562,786	3,143,366	2,562,786	3,143,366
Fasiliti cashline	25	200,607	-	200,607	-
Liabiliti-liabiliti lain	26	1,732,223	1,590,976	1,897,370	1,711,453
Peruntukan cukai		110	18	-	-
Liabiliti cukai tertunda	20	80,017	4,064	69,000	-
Jumlah liabiliti		90,069,570	89,011,499	90,221,938	89,125,054
Dana pemegang saham					
Modal saham	27	2,986,030	2,986,030	2,986,030	2,986,030
Dana penebusan saham		9,860	19,104	9,860	19,104
Rizab	28	16,558,818	14,868,590	16,152,569	14,491,012
Jumlah dana pemegang saham		19,554,708	17,873,724	19,148,459	17,496,146
Jumlah liabiliti dan dana pemegang saham		109,624,278	106,885,223	109,370,397	106,621,200
Komitmen dan tanggungan luar jangka	39	2,340,818	2,796,414	2,340,818	2,796,414

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

Penyata Untung atau Rugi dan Pendapatan Komprehensif Lain bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019

	Nota	Kumpulan		Bank	
		2019 RM'000	2018 RM'000	2019 RM'000	2018 RM'000
Pendapatan	29	6,498,151	6,455,074	6,424,127	6,402,324
Perbelanjaan	30	(3,327,879)	(3,382,670)	(3,259,395)	(3,328,724)
Pendapatan bersih		3,170,272	3,072,404	3,164,732	3,073,600
Elaun untuk rosotnilai	31	(547,125)	(417,511)	(556,852)	(417,511)
Pendapatan operasi lain	32	581,182	414,637	552,677	445,026
Perbelanjaan operasi	33	(1,410,462)	(1,210,351)	(1,408,892)	(1,226,113)
Keuntungan sebelum cukai dan zakat		1,793,867	1,859,179	1,751,665	1,875,002
Cukai	34	(122,936)	(76,025)	(112,130)	(70,609)
Zakat	35	(39,184)	(25,533)	(36,459)	(24,592)
Keuntungan selepas cukai dan zakat		1,631,747	1,757,621	1,603,076	1,779,801
Pembahagian berkanun	36				
Pindahan ke rizab berkanun: 25% (2018: 25%)		(409,882)	(451,098)	(409,882)	(451,098)
Sumbangan kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi: 2% (2018: 2%)		(35,033)	(37,500)	(35,033)	(37,500)
Sumbangan kepada Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi: 1% (2018: 1%)		(17,517)	(18,750)	(17,517)	(18,750)
Sumbangan kepada Yayasan Bank Rakyat		(14,930)	(14,930)	(14,930)	(14,930)
		(477,362)	(522,278)	(477,362)	(522,278)
Keuntungan bagi tahun		1,154,385	1,235,343	1,125,714	1,257,523

Penyata Untung atau Rugi dan Pendapatan Komprehensif Lain bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019 (Sambungan)

	Nota	Kumpulan		Bank	
		2019 RM'000	2018 RM'000	2019 RM'000	2018 RM'000
Pendapatan komprehensif lain					
Item yang berkemungkinan akan dikelaskan semula dalam untung atau rugi: Keuntungan bersih atas penilaian semula pelaburan kewangan pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain	28(iii)	504,566	48,468	504,566	48,468
		504,566	48,468	504,566	48,468
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun		1,658,951	1,283,811	1,630,280	1,305,991
Perolehan sesaham (RM)					
Asas	37	0.55	0.59	-	-

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

Penyata Perubahan Ekuiti

bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019

Kumpulan	← Tidak boleh diagihkan →		→ Boleh diagihkan		Jumlah ekuiti RM'000
	Modal saham RM'000	Dana penebusan saham RM'000	Rizab lain-lain RM'000	Keuntungan tertahan RM'000	
Pada 1 Januari 2018	2,986,030	36,440	6,036,130	7,567,061	16,625,661
Keuntungan selepas cukai dan zakat	-	-	-	1,757,621	1,757,621
Pindahan ke rizab berkanun	-	-	-	(451,098)	(451,098)
Sumbangan kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi	-	-	-	(37,500)	(37,500)
Sumbangan kepada Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi	-	-	-	(18,750)	(18,750)
Sumbangan kepada Yayasan Bank Rakyat	-	-	-	(14,930)	(14,930)
Keuntungan bagi tahun	-	-	-	1,235,343	1,235,343
Pendapatan komprehensif lain	-	-	48,468	-	48,468
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun	-	-	48,468	1,235,343	1,283,811
Pindahan dari keuntungan tertahan	-	-	451,098	-	451,098
Terbitan untuk ahli baru	14,168	-	-	-	14,168
Pengeluaran saham	(31,504)	-	-	-	(31,504)
Pindahan ke modal saham	17,336	(17,336)	-	-	-
Dividen (Nota 38)	-	-	-	(469,774)	(469,774)
Lebihan peruntukan sumbangan kepada Yayasan Bank Rakyat	-	-	-	264	264
Pada 31 Disember 2018	2,986,030	19,104	6,535,696	8,332,894	17,873,724
	Nota 27		Nota 28	Nota 28	

Penyata Perubahan Ekuiti

bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019 (Sambungan)

Kumpulan	← Tidak boleh diagihkan →		→ Boleh diagihkan		Jumlah ekuiti RM'000
	Modal saham RM'000	Dana penebusan saham RM'000	Rizab lain-lain RM'000	Keuntungan tertahan RM'000	
Pada 1 Januari 2019	2,986,030	19,104	6,535,696	8,332,894	17,873,724
Keuntungan selepas cukai dan zakat	-	-	-	1,631,747	1,631,747
Pindahan ke rizab berkanun	-	-	-	(409,882)	(409,882)
Sumbangan kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi	-	-	-	(35,033)	(35,033)
Sumbangan kepada Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi	-	-	-	(17,517)	(17,517)
Sumbangan kepada Yayasan Bank Rakyat	-	-	-	(14,930)	(14,930)
Keuntungan bagi tahun	-	-	-	1,154,385	1,154,385
Pendapatan komprehensif lain	-	-	504,566	-	504,566
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun	-	-	504,566	1,154,385	1,658,951
Pindahan dari keuntungan tertahan	-	-	409,882	-	409,882
Terbitan untuk ahli baru	13,840	-	-	-	13,840
Pengeluaran saham	(23,084)	-	-	-	(23,084)
Pindahan ke modal saham	9,244	(9,244)	-	-	-
Dividen (Nota 38)	-	-	-	(378,973)	(378,973)
Lebihan peruntukan sumbangan kepada Yayasan Bank Rakyat	-	-	-	368	368
Pada 31 Disember 2019	2,986,030	9,860	7,450,144	9,108,674	19,554,708
	Nota 27		Nota 28	Nota 28	

Penyata Perubahan Ekuiti
bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019 (Sambungan)

Bank	← Tidak boleh diagihkan →		→ Boleh diagihkan		Jumlah ekuiti RM'000
	Modal saham RM'000	Dana penebusan saham RM'000	Rizab lain-lain RM'000	Keuntungan tertahan RM'000	
Pada 1 Januari 2018	2,986,030	36,440	6,036,871	7,166,562	16,225,903
Keuntungan selepas cukai dan zakat	-	-	-	1,779,801	1,779,801
Pindahan ke rizab berkanun	-	-	-	(451,098)	(451,098)
Sumbangan kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi	-	-	-	(37,500)	(37,500)
Sumbangan kepada Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi	-	-	-	(18,750)	(18,750)
Sumbangan kepada Yayasan Bank Rakyat	-	-	-	(14,930)	(14,930)
Keuntungan bagi tahun	-	-	-	1,257,523	1,257,523
Pendapatan komprehensif lain	-	-	48,468	-	48,468
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun	-	-	48,468	1,257,523	1,305,991
Pindahan dari keuntungan tertahan	-	-	451,098	-	451,098
Terbitan untuk ahli baru	14,168	-	-	-	14,168
Pengeluaran saham	(31,504)	-	-	-	(31,504)
Pindahan ke modal saham	17,336	(17,336)	-	-	-
Dividen (Nota 38)	-	-	-	(469,774)	(469,774)
Lebih peruntukan sumbangan kepada Yayasan Bank Rakyat	-	-	-	264	264
Pada 31 Disember 2018	2,986,030	19,104	6,536,437	7,954,575	17,496,146
	Nota 27		Nota 28	Nota 28	

Penyata Perubahan Ekuiti
bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019 (Sambungan)

Bank	← Tidak boleh diagihkan →		→ Boleh diagihkan		Jumlah ekuiti RM'000
	Modal saham RM'000	Dana penebusan saham RM'000	Rizab lain-lain RM'000	Keuntungan tertahan RM'000	
Pada 1 Januari 2019	2,986,030	19,104	6,536,437	7,954,575	17,496,146
Keuntungan selepas cukai dan zakat	-	-	-	1,603,076	1,603,076
Pindahan ke rizab berkanun	-	-	-	(409,882)	(409,882)
Sumbangan kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi	-	-	-	(35,033)	(35,033)
Sumbangan kepada Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi	-	-	-	(17,517)	(17,517)
Sumbangan kepada Yayasan Bank Rakyat	-	-	-	(14,930)	(14,930)
Keuntungan bagi tahun	-	-	-	1,125,714	1,125,714
Pendapatan komprehensif lain	-	-	504,566	-	504,566
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun	-	-	504,566	1,125,714	1,630,280
Pindahan dari keuntungan tertahan	-	-	409,882	-	409,882
Terbitan untuk ahli baru	13,840	-	-	-	13,840
Pengeluaran saham	(23,084)	-	-	-	(23,084)
Pindahan ke modal saham	9,244	(9,244)	-	-	-
Dividen (Nota 38)	-	-	-	(378,973)	(378,973)
Lebih peruntukan sumbangan kepada Yayasan Bank Rakyat	-	-	-	368	368
Pada 31 Disember 2019	2,986,030	9,860	7,450,885	8,701,684	19,148,459
	Nota 27		Nota 28	Nota 28	

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

Penyata Aliran Tunai

bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019

	Kumpulan		Bank	
	2019 RM'000	2018 RM'000	2019 RM'000	2018 RM'000
Aliran tunai dijanakan dari/(digunakan dalam) aktiviti-aktiviti operasi				
Keuntungan bagi tahun	1,154,385	1,235,343	1,125,714	1,257,523
Pelarasan untuk:				
Pindahan ke rizab berkanun	409,882	451,098	409,882	451,098
Sumbangan kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi	35,033	37,500	35,033	37,500
Sumbangan kepada Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi	17,517	18,750	17,517	18,750
Sumbangan kepada Yayasan Bank Rakyat	14,930	14,930	14,930	14,930
Cukai	122,936	76,025	112,130	70,609
Zakat	39,184	25,533	36,459	24,592
Belanja keuntungan atas sekuriti hutang diterbitkan (Nota 30)	127,971	156,649	127,971	156,649
Elaun untuk rosotnilai atas pembiayaan dan pendahuluan (Nota 31)	549,627	417,769	559,354	417,769
(Amaun dikira semula)/Elaun untuk rosotnilai atas pelaburan kewangan pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain (Nota 31)	(201)	475	(201)	475
Amaun dikira semula untuk rosotnilai atas pelaburan kewangan pada kos terlunas (Nota 31)	(2,301)	(733)	(2,301)	(733)
Susut nilai atas hartanah dan peralatan (Nota 33(ii))	58,945	63,839	55,173	60,308
Susut nilai atas hak penggunaan aset (Nota 33(ii))	18,252	-	23,808	-
Pelunasan bayaran pajakan terdahulu (Nota 33(ii))	1,526	1,526	1,526	1,526
Pelunasan bayaran aset tak ketara (Nota 33(ii))	24,146	22,929	24,146	22,929
Hartanah dan peralatan dihapus kira (Nota 33(ii))	81	6	81	6
Laba atas pelupusan hartanah dan peralatan (Nota 32(ii))	(785)	(244)	(31)	(1)
Kerugian atas pembiayaan dihapus kira (Nota 33(ii))	14,221	15,188	14,221	15,188
Rosotnilai perdagangan dan belum terima lain (Nota 33(ii))	20,442	398	26,945	971
Laba atas penilaian semula hartanah pelaburan (Nota 32(ii))	(30,421)	(103,259)	(2,913)	(104,841)
Amaun dikira semula untuk rosotnilai atas perdagangan belum terima (Nota 32(ii))	(181)	(224)	-	-
Laba bersih atas pelupusan pelaburan kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi (Nota 32(ii))	(30,702)	(9,123)	(30,702)	(9,123)
Laba bersih atas pelupusan pelaburan kewangan pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain (Nota 32(ii))	(2,990)	(213)	(2,990)	(213)
(Laba)/Rugi bersih atas penilaian semula pelaburan kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi (Nota 32(ii))	(26,560)	167,745	(26,560)	167,745
Belanja keuntungan rekursa atas pembiayaan dijual kepada Cagamas (Nota 30)	26,844	34,313	26,844	34,313
Belanja keuntungan atas fasiliti cashline (Nota 30)	607	-	607	-
Dividen daripada pelaburan kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi (Nota 32(ii))	(19,406)	(12,596)	(19,406)	(12,596)
Dividen daripada anak-anak syarikat (Nota 32(ii))	-	-	-	(34,768)
Keuntungan operasi sebelum perubahan dalam modal kerja	2,522,982	2,613,624	2,527,237	2,590,606

Penyata Aliran Tunai

bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019 (Sambungan)

	Kumpulan		Bank	
	2019 RM'000	2018 RM'000	2019 RM'000	2018 RM'000
Aliran tunai dijanakan dari/(digunakan dalam) aktiviti-aktiviti operasi (sambungan)				
Pelarasan untuk: (sambungan)				
Kurangan/(Tambah) dalam aset operasi:				
Deposit dan penempatan dengan institusi-institusi kewangan	-	101,384	-	100,992
Pembiayaan dan pendahuluan	(2,516,526)	(259,655)	(2,601,172)	(259,655)
Perdagangan belum terima	1,834	(470)	-	-
Aset-aset lain	(27,054)	(114,102)	(51,149)	(112,351)
Inventori	1,228	1,273	-	-
(Kurangan)/Tambah dalam liabiliti operasi:				
Deposit daripada pelanggan	1,095,505	(499,596)	1,095,505	(499,596)
Deposit dan penempatan daripada bank-bank dan institusi-institusi kewangan	476,000	824,000	476,000	824,000
Perdagangan belum bayar	(1,188)	159	-	-
Kewajipan rekursa pembiayaan dijual kepada Cagamas	(376,409)	(72,312)	(376,409)	(72,312)
Liabiliti-liabiliti lain	(8,267)	121,516	19,635	130,895
Tunai hasil daripada operasi	1,168,105	2,715,821	1,089,647	2,702,579
Cukai pendapatan dibayar	(104,945)	(111,522)	(99,348)	(106,148)
Bayaran balik cukai	9,537	-	8,030	-
Zakat dibayar	(32,143)	(39,464)	(31,059)	(38,137)
Tunai bersih dijanakan dari aktiviti operasi	1,040,554	2,564,835	967,270	2,558,294

Penyata Aliran Tunai
bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019 (Sambungan)

	Kumpulan		Bank	
	2019 RM'000	2018 RM'000	2019 RM'000	2018 RM'000
Aliran tunai dijanakan dari/(digunakan dalam) aktiviti-aktiviti pelaburan				
Pembelian pelaburan kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi	(2,390,000)	(2,376,463)	(2,390,000)	(2,376,463)
Penerimaan pelupusan bersih dari pelaburan kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi	2,552,866	2,049,873	2,552,866	2,049,401
Pembelian pelaburan kewangan pada nilai saksama melalui pendapatankomprehensif lain	(1,935,000)	(4,981,000)	(1,935,000)	(4,981,000)
Penerimaan pelupusan bersih dari pelaburan kewangan pada nilai saksama melalui pendapatankomprehensif lain	2,498,696	2,394,659	2,498,696	2,394,659
Pembelian pelaburan kewangan pada kos terlunas	(3,808,000)	(5,408,260)	(3,808,000)	(5,408,260)
Penerimaan pelupusan bersih dari pelaburan kewangan pada kos terlunas	3,704,999	5,690,256	3,704,999	5,690,256
Pembelian hartanah pelaburan	(89,567)	(46,321)	-	(43,722)
Penerimaan pelupusan bersih dari hartanah pelaburan	1,385	-	814	-
Pembelian hartanah dan peralatan	(32,163)	(81,819)	(31,647)	(81,416)
Pembelian aset tak ketara	(53,174)	(211,562)	(53,174)	(211,562)
Penerimaan dari pelupusan hartanah dan peralatan	1,712	324	133	1
Penerimaan dari pelupusan aset tak ketara	1	-	1	-
Pembelian hak penggunaan aset	(24,781)	-	(31,587)	-
Dividen daripada pelaburan kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi	19,406	12,596	19,406	12,596
Dividen daripada anak-anak syarikat	-	-	-	34,768
Pelaburan dalam anak-anak syarikat	-	-	-	(34,768)
Tunai bersih dijanakan dari/ (digunakan dalam) aktiviti pelaburan	446,380	(2,957,717)	527,507	(2,955,510)
Aliran tunai dijanakan dari/(digunakan dalam) aktiviti-aktiviti pembiayaan				
Penerimaan dari terbitan saham kepada ahli	13,840	14,168	13,840	14,168
Dividen dibayar	(378,973)	(469,774)	(378,973)	(469,774)
Dana diterima daripada kerajaan	2,649	1,392	2,649	1,392
Pembayaran ansuran belanja keuntungan sekuriti hutang diterbitkan	(708,551)	(457,053)	(708,551)	(457,053)
Pembayaran pembiayaan daripada institusi kewangan lain	-	(8,844)	-	-
Pembayaran balik liabiliti pajakan	(19,242)	-	(25,527)	-
Penerimaan fasiliti cashline	200,000	-	200,000	-
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan	(890,277)	(920,111)	(896,562)	(911,267)
Peningkatan/(pengurangan) bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai	596,657	(1,312,993)	598,215	(1,308,483)
Tunai dan kesetaraan tunai pada permulaan tahun	1,163,630	2,476,623	1,161,454	2,469,937
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	1,760,287	1,163,630	1,759,669	1,161,454
Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada:				
Tunai dan tunai jangka pendek (Nota 6)	1,760,287	1,163,630	1,759,669	1,161,454
	1,760,287	1,163,630	1,759,669	1,161,454

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

Nota Kepada Penyata Kewangan
bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019

1. MAKLUMAT AM

Bank telah ditubuhkan di bawah Akta Koperasi 1993 dengan alamat pejabat berdaftar di Tingkat 35, Menara 1, Menara Kembar Bank Rakyat, No 33, Jalan Rakyat, 50470, Kuala Lumpur.

Kegiatan-kegiatan utama Bank adalah sebagai sebuah koperasi yang menjalankan aktiviti perbankan berlandaskan prinsip Syariah melalui pengambilan deposit dan pemberian perkhidmatan kewangan untuk keperluan runcit dan komersil.

Kegiatan-kegiatan utama bagi anak-anak syarikat adalah seperti yang dinyatakan dalam Nota 15.

Tiada sebarang perubahan ketara dalam kegiatan-kegiatan utama Bank dan anak-anak syarikat pada tahun kewangan semasa.

Bank mempunyai sejumlah 147 cawangan pada 31 Disember 2019 (2018: 147).

2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan Bank telah disediakan menurut peruntukan-peruntukan Akta Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas) 1978 (Akta 202), Akta Koperasi 1993 (Akta 502), Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 (Akta 618) dan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS"), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa ("IFRS"), panduan-panduan diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dan berlandaskan prinsip-prinsip Syariah.

Penyata-penyata kewangan bagi anak-anak syarikat Bank telah disediakan menurut MFRS, IFRS dan peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 2016 di Malaysia.

Penyata kewangan ini dinyatakan dalam Ringgit Malaysia ("RM") dan digenapkan kepada ribuan terhampir ("000") kecuali dinyatakan sebaliknya.

Berikut adalah piawaian perakaunan, pindaan dan interpretasi yang telah dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("MASB") tetapi belum diguna pakai oleh Kumpulan dan Bank.

MFRS, Interpretasi dan pindaan berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2020

- Pindaan kepada MFRS 3, *Kombinasi Perniagaan - Definisi Perniagaan*
- Pindaan kepada MFRS 101, *Pembentangan Penyata Kewangan* dan MFRS 108 *Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan - Definisi Material*
- Pindaan kepada MFRS 9 *Instrumen Kewangan*, MFRS 139 *Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran* dan MFRS 7 *Instrumen Kewangan: Pendedahan Kadar Keuntungan Ukur Rujuk Pembaharuan*
- Rangka Kerja Konseptual Pelaporan Kewangan Disemak Semula

MFRS, Interpretasi dan pindaan berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2021

- MFRS 17, *Kontrak Insurans*

MFRS, Interpretasi dan pindaan berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas tarikh yang belum disahkan

- Pindaan kepada MFRS 10, *Penyata Kewangan Disatukan* dan MFRS 128, *Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama - Penjualan atau Sumbangan Aset di antara Pelabur dan Syarikat Bersekutu atau Usaha Sama*

Penggunaan awal piawaian perakaunan, pindaan atau interpretasi dijangka tidak memberi kesan kewangan yang material bagi tempoh semasa dan penyata kewangan terdahulu Kumpulan dan Bank.

Nota Kepada Penyata Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019 (Sambungan)

3. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

3.1 Asas penyediaan

Penyata kewangan Kumpulan dan Bank telah disediakan mengikut asas kos sejarah, kecuali bagi aset tertentu dan instrumen kewangan yang diukur pada amaun dinilai semula atau nilai saksama pada setiap tempoh akhir pelaporan, seperti yang dijelaskan dalam dasar perakaunan di bawah.

Kos sejarah secara umumnya adalah berdasarkan nilai saksama pertimbangan yang terlibat dalam pertukaran untuk barangan dan perkhidmatan.

Nilai saksama ialah harga yang akan diterima untuk menjual aset atau dibayar untuk memindahkan liabiliti di dalam urus niaga yang teratur antara peserta pasaran pada tarikh penilaian, tanpa mengira sama ada harga tersebut boleh diperhatikan atau boleh dianggarkan menggunakan teknik penilaian lain. Dalam menganggarkan nilai saksama sesuatu aset atau liabiliti, Kumpulan mengambil kira ciri-ciri aset atau liabiliti jika peserta pasaran akan mengambil kira ciri-ciri tersebut apabila memberikan harga aset atau liabiliti pada tarikh penilaian. Nilai saksama untuk penilaian dan/atau untuk tujuan pendedahan di dalam penyata kewangan disatukan ditentukan atas dasar tersebut, kecuali untuk urus niaga pembayaran berasaskan saham di bawah skop MFRS 2, transaksi pajakan di bawah skop MFRS 16, dan pengukuran yang mempunyai persamaan kepada nilai saksama tetapi bukan pada nilai saksama, seperti nilai boleh realis bersih dalam MFRS 102 atau nilai digunakan dalam MFRS 136.

Tambahan pula, untuk tujuan pelaporan, penilaian nilai saksama dikategorikan kepada Tahap 1, 2 dan 3 berdasarkan tahap input kepada pengukuran nilai saksama yang boleh diperhatikan dan kepentingan input kepada pengukuran nilai saksama pada keseluruhannya, yang diterangkan seperti berikut:

- Tahap 1 - Harga disebut (tidak terlaras) di dalam pasaran aktif untuk aset atau liabiliti yang sama yang boleh diakses oleh entiti pada tarikh pengukuran;
- Tahap 2 - Teknik penilaian yang mana input peringkat terendah yang penting kepada pengukuran nilai saksama yang diperhatikan secara langsung atau tidak langsung;
- Tahap 3 - Teknik penilaian yang mana input tahap terendah yang signifikan kepada pengukuran nilai saksama tidak dapat diperhatikan.

Dasar perakaunan utama yang dibentangkan adalah seperti di bawah.

3.2 Anak-anak syarikat dan asas penyatuan

Penyata kewangan disatukan merangkumi penyata kewangan Bank dan entiti (termasuk entiti berstruktur) yang dikawal oleh Bank dan anak-anak syarikatnya. Kawalan dicapai apabila Bank mempunyai kuasa ke atas penerima pelaburan, terdedah, atau mempunyai hak, kepada pulangan berubah daripada penglibatannya dengan penerima pelaburan, dan mempunyai kebolehan untuk menggunakan kuasanya bagi mempengaruhi pulangan penerima pelaburan.

Bank mentaksir semula sama ada ia menguasai penerima pelaburan jika fakta dan keadaan menunjukkan terdapat perubahan kepada satu atau lebih daripada tiga elemen kawalan yang dinyatakan di atas.

Apabila Bank mempunyai kurang hak mengundi majoriti atas sesuatu penerima pelaburan, ia mempunyai kuasa atas penerima pelaburan apabila hak mengundi adalah mencukupi untuk memberikannya kebolehan praktikal untuk mengarahkan aktiviti yang berkaitan dengan penerima pelaburan secara unilateral. Bank perlu menimbang semua fakta dan keadaan yang berkaitan dalam mentaksir sama ada hak mengundi Bank sebagai penerima pelaburan adalah mencukupi untuk memberikannya kuasa, termasuk:

- saiz pegangan Bank atas hak mengundi berbanding saiz dan sebaran pegangan pemegang undi yang lain;
- potensi hak mengundi yang dipegang oleh Bank, pemegang undi yang lain atau pihak lain;
- hak yang timbul daripada pengaturan kontrak yang lain; dan
- atau tidak mempunyai, kebolehan pada waktu semasa untuk mengarahkan aktiviti yang berkaitan pada masa keputusan perlu dibuat, termasuk corak undian pada mesyuarat pemegang saham yang lepas.

Nota Kepada Penyata Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019 (Sambungan)

3. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

3.2 Anak-anak syarikat dan asas penyatuan (sambungan)

Penyatuan anak syarikat bermula apabila Bank memperoleh kawalan atas anak syarikat dan berhenti apabila Bank kehilangan kawalan atas anak syarikat. Secara khusus, pendapatan dan perbelanjaan anak syarikat yang diperoleh atau dilupuskan pada tahun semasa adalah dimasukkan di dalam untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain dari tarikh Bank memperoleh kawalan sehingga tarikh apabila Bank tidak lagi mengawal anak syarikat.

Untung atau rugi dan setiap komponen pendapatan komprehensif lain adalah dinisbahkan kepada pemilik Bank dan kepada kepentingan bukan kawalan. Jumlah pendapatan komprehensif anak-anak syarikat adalah dinisbahkan kepada Bank dan kepada kepentingan bukan kawalan walaupun jika ianya menyebabkan kepentingan bukan kawalan mempunyai baki defisit.

Apabila perlu, pelarasan dibuat kepada penyata kewangan anak-anak syarikat untuk menyamakan dasar perakaunan mereka selaras dengan polisi perakaunan Kumpulan.

Semua urus niaga aset dan liabiliti, ekuiti, pendapatan, perbelanjaan dan penyata aliran tunai antara Kumpulan disingkirkan sepenuhnya semasa penyatuan.

Perubahan dalam kepentingan pemilikan Kumpulan dalam anak-anak syarikat yang tidak mengakibatkan Kumpulan kehilangan kawalan diambilkira sebagai urus niaga ekuiti. Amaun dibawa bagi kepentingan Kumpulan dan kepentingan bukan kawalan dilaraskan untuk mencerminkan perubahan dalam kepentingan relatif dalam anak-anak syarikat. Sebarang perbezaan antara amaun yang mana kepentingan bukan kawalan dilaraskan dan nilai saksama pertimbangan yang dibayar atau diterima diiktiraf secara langsung dalam ekuiti yang dikaitkan kepada pemilikan Bank.

Apabila Kumpulan kehilangan kawalan anak syarikat, keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi dan dikira sebagai perbezaan antara (i) agregat nilai saksama pertimbangan yang diterima dan nilai saksama sebarang kepentingan tertahan dan (ii) amaun dibawa aset sebelumnya (termasuk muhibah), dan liabiliti anak syarikat dan apa-apa kepentingan tak mengawal. Amaun yang sebelumnya diiktiraf sebagai pendapatan komprehensif lain dan diambilkira seolah-olah Kumpulan telah melupuskan aset. Nilai saksama bagi apa-apa pelaburan yang disimpan oleh anak syarikat terdahulu pada tarikh apabila kawalan hilang dianggap sebagai nilai saksama pada pengiktirafan permulaan bagi perakaunan berikutnya di bawah MFRS 9, *Instrumen Kewangan* ("MFRS 9") dan dimana berkenaan, kos pada pengiktirafan awal pelaburan dalam entiti bersekutu atau usaha sama.

3.3 Kombinasi perniagaan

Pemerolehan anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat perniagaan diambilkira dalam menggunakan kaedah perolehan. Pertimbangan yang dipindahkan dalam kombinasi perniagaan diukur pada nilai saksama yang dikira sebagai jumlah daripada tarikh pemerolehan nilai saksama aset yang dipindahkan oleh Kumpulan, liabiliti yang ditanggung oleh Kumpulan kepada pemilik terdahulu yang diperoleh dan instrumen ekuiti yang diterbitkan oleh Kumpulan dalam pertukaran untuk kawalan yang diperoleh. Kos berkaitan perolehan diiktiraf dalam untung atau rugi apabila ditanggung.

Pada tarikh perolehan, aset boleh dikenal pasti yang diperoleh dan liabiliti yang diambil alih diiktiraf pada nilai saksama, kecuali:

- aset atau liabiliti cukai tertunda dan aset atau liabiliti yang berkaitan dengan pengaturan manfaat pekerja di mana masing-masing adalah diukur dan diiktiraf berdasarkan MFRS 112, *Cukai Pendapatan* dan MFRS 119, *Manfaat Pekerja*;
- liabiliti atau instrumen ekuiti yang berkaitan dengan pengaturan pembayaran berasaskan saham yang diperoleh atau pengaturan pembayaran berasaskan saham Kumpulan telah dimeterai untuk menggantikan pengaturan pembayaran berasaskan saham yang diperoleh diukur mengikut MFRS 2, *Pembayaran Berasaskan Saham* pada tarikh perolehan; dan
- aset (atau pelupusan kumpulan) yang dikelaskan sebagai dipegang-untuk-jualan mengikut MFRS 5, *Aset Bukan Semasa Dipegang untuk Jualan dan Operasi yang Dihentikan* diukur mengikut piawaian tersebut.

Nota Kepada Penyata Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019 (Sambungan)

3. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

3.3 Kombinasi perniagaan (sambungan)

Muhibah adalah diukur sebagai lebihan jumlah pertimbangan yang dipindahkan, sebarang amaun kepentingan tak terkawal yang diperolehi, dan nilai saksama kepentingan ekuiti pemeroleh yang sebelum ini yang diperolehi (jika ada) ke atas amaun bersih pada tarikh perolehan aset boleh kenal pasti diperolehi dan liabiliti yang diambil alih. Jika, selepas pentaksiran semula, amaun bersih pada tarikh perolehan aset boleh kenal pasti diperolehi dan liabiliti yang diambil alih melebihi jumlah pertimbangan yang dipindahkan, sebarang amaun kepentingan tak terkawal yang diperolehi dan nilai saksama ekuiti pemeroleh yang sebelum ini mempunyai kepentingan dalam syarikat yang diperolehi (jika ada), lebihan tersebut diiktiraf serta-merta dalam untung atau rugi sebagai laba atas tawaran pembelian.

Kepentingan bukan kawalan adalah kepentingan pemilikan kini dan melayakkan pemegangnya untuk perkongsian berkadar aset bersih entiti sekiranya berlaku pembubaran yang mungkin pada awalnya diukur sama ada pada nilai saksama atau pada perkongsian berkadar kepentingan bukan kawalan atas amaun diiktiraf daripada aset boleh kenal pasti bersih yang diperolehi. Asas pilihan pengukuran dibuat berdasarkan asas urus niaga-demi-urus niaga. Lain-lain jenis kepentingan bukan kawalan diukur pada nilai saksama atau, apabila boleh digunakan, atas asas yang dinyatakan dalam MFRS lain.

Di mana pertimbangan yang dipindahkan oleh Kumpulan dalam kombinasi perniagaan termasuk aset atau liabiliti yang terhasil daripada pengaturan pertimbangan luar jangka, pertimbangan luar jangka tersebut diukur pada nilai saksama pada tarikh perolehan. Perubahan nilai saksama pertimbangan luar jangka yang layak sebagai pelarasan tempoh pengukuran diselaraskan secara retrospektif, dengan pelarasan yang sepadan terhadap muhibah. Pelarasan tempoh pengukuran adalah pelarasan yang timbul daripada maklumat tambahan yang diperolehi semasa "tempoh pengukuran" (yang tidak boleh melebihi satu tahun dari tarikh perolehan) mengenai fakta dan keadaan yang wujud pada tarikh perolehan.

Perakaunan yang berikutnya untuk perubahan dalam nilai saksama pertimbangan luar jangka yang tidak layak sebagai pelarasan tempoh pengukuran bergantung kepada bagaimana pertimbangan luar jangka dikelaskan. Pertimbangan luar jangka yang diklasifikasikan sebagai ekuiti tidak diukur semula pada tarikh pelaporan berikutnya dan penyelesaiannya kemudiannya diambil kira dalam ekuiti. Pertimbangan luar jangka yang dikelaskan sebagai aset atau liabiliti yang merupakan instrumen kewangan dan dalam skop MFRS 9, diukur pada nilai saksama dengan perubahan dalam nilai saksama yang diiktiraf dalam penyata keuntungan atau kerugian menurut MFRS 9. Pertimbangan luar jangka lain yang tidak dalam skop MFRS 9 diukur pada nilai saksama pada setiap tarikh pelaporan dengan perubahan nilai saksama yang diiktiraf dalam untung atau rugi.

Di mana kombinasi perniagaan dicapai secara berperingkat, kepentingan ekuiti yang diperolehi yang sebelumnya dipegang oleh Kumpulan akan diukur semula pada nilai saksama pada tarikh perolehan tersebut (iaitu tarikh apabila Kumpulan mendapat kawalan) dan laba atau kerugian yang terhasil, jika ada, diiktiraf dalam untung atau rugi. Amaun yang timbul daripada kepentingan yang diperolehi sebelum tarikh perolehan dimana sebelum ini telah diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain dikelaskan kepada untung atau rugi, di mana pengolahan itu akan menjadi sesuai jika kepentingan itu telah dilupuskan.

Jika perakaunan awal bagi kombinasi perniagaan adalah tidak lengkap menjelang akhir tempoh pelaporan di mana kombinasi itu berlaku, Kumpulan melaporkan amaun sementara bagi item yang perakaunan adalah tidak lengkap. Amaun sementara diselaraskan semasa tempoh pengukuran (seperti di atas), atau aset atau liabiliti tambahan diiktiraf, untuk mencerminkan maklumat baru yang diperolehi tentang fakta dan keadaan yang wujud pada tarikh perolehan itu bahawa, jika diketahui, akan mempengaruhi amaun yang diiktiraf pada tarikh tersebut.

3.4 Muhibah atas penyatuan

Muhibah yang timbul daripada perolehan perniagaan dibawa pada kos seperti yang wujud pada tarikh perolehan perniagaan (lihat 3.3 di atas) tolak kerugian rosotnilai terkumpul, jika ada.

Bagi tujuan pengujian rosotnilai, muhibah diperuntukkan kepada setiap unit penajaan tunai Kumpulan (atau kumpulan unit penajaan tunai) yang dijangka mendapat manfaat daripada sinergi daripada kombinasi tersebut.

Nota Kepada Penyata Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019 (Sambungan)

3. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

3.4 Muhibah atas penyatuan (sambungan)

Sesuatu unit penajaan tunai yang mana muhibah telah diperuntukkan akan diuji untuk rosotnilai tahunan, atau lebih kerap apabila terdapat tanda yang unit tersebut mungkin terjejas. Jika amaun boleh pulih unit penajaan tunai adalah kurang daripada amaun dibawa, kerugian rosotnilai diperuntukkan terlebih dahulu untuk mengurangkan amaun dibawa muhibah yang diperuntukkan kepada unit tersebut dan kemudiannya kepada aset lain mengikut unit pro-rata berdasarkan amaun dibawa setiap aset dalam unit. Sebarang kerugian rosotnilai bagi muhibah diiktiraf secara langsung dalam untung atau rugi. Kerugian rosotnilai yang diiktiraf bagi muhibah tidak ditarik balik dalam tempoh berikutnya.

Bagi pelupusan unit penajaan tunai yang berkaitan, amaun muhibah termasuk dalam penentuan untung atau rugi ke atas pelupusan.

3.5 Instrumen kewangan

Aset dan liabiliti kewangan diiktiraf apabila, dan hanya apabila Kumpulan dan Bank menjadi pihak dalam peruntukan berkontrak instrumen.

Aset dan liabiliti kewangan awalnya diukur pada nilai saksama. Kos urus niaga yang berkaitan secara langsung dengan perolehan atau terbitan aset dan liabiliti kewangan (selain daripada aset dan liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi) ditambah atau ditolak daripada nilai saksama aset atau liabiliti kewangan, yang bersesuaian, pada pengiktirafan awal. Kos urus niaga yang berkaitan secara langsung kepada perolehan aset atau liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi diiktiraf serta-merta dalam untung atau rugi.

3.5.1 Aset kewangan

3.5.1.1 Tarikh pengiktirafan

Semua aset kewangan pada mulanya diiktiraf pada tarikh dagangan, iaitu tarikh Kumpulan dan Bank menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen tersebut. Ini termasuk perdagangan cara biasa, pembelian atau jualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di pasaran.

3.5.1.2 Pengiktirafan permulaan dan pengukuran seterusnya

Semua aset kewangan diukur pada mulanya pada nilai saksama mereka serta kos urusniaga yang berkaitan secara langsung, kecuali dalam kes aset kewangan yang dicatatkan pada nilai saksama melalui untung atau rugi.

Kumpulan dan Bank mengklasifikasikan semua aset kewangannya berdasarkan model perniagaan untuk menguruskan aset dan ciri-ciri aliran tunai berkontrak aset yang diukur sama ada:

- Kos terlunas
- Nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain ("FVOCI")
- Nilai saksama melalui untung atau rugi ("FVTPL")

Aset kewangan adalah termasuk seperti berikut:

(i) Aset kewangan pada kos terlunas

Kumpulan dan Bank mengukur aset kewangan pada kos terlunas jika kedua-dua syarat berikut dipenuhi:

- Aset kewangan dipegang dalam model perniagaan dengan matlamat untuk memegang aset kewangan untuk mengumpul aliran tunai kontraktual; dan

Nota Kepada Penyata Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019 (Sambungan)

3. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

3.5 Instrumen kewangan (sambungan)

3.5.1 Aset kewangan (sambungan)

3.5.1.2 Pengiktirafan permulaan dan pengukuran seterusnya (sambungan)

(i) Aset kewangan pada kos terlunas (sambungan)

- Syarat kontrak aset kewangan menimbulkan tarikh tertentu kepada aliran tunai yang semata-mata pembayaran prinsipal dan keuntungan ("SPPP") ke atas amaun prinsipal yang tertunggak.

Butiran syarat-syarat ini digariskan di bawah:

(a) Penilaian model perniagaan

Kumpulan dan Bank menentukan model perniagaannya di peringkat yang paling mencerminkan bagaimana kumpulan aset kewangan diuruskan untuk mencapai objektif perniagaannya.

Model perniagaan Kumpulan dan Bank tidak dinilai berdasarkan instrumen mengikut instrumen, tetapi tahap portfolio agregat yang lebih tinggi dan didasarkan pada faktor yang dapat dilihat seperti:

- Bagaimana prestasi model perniagaan dan aset kewangan yang dipegang dalam model perniagaan itu dinilai dan dilaporkan kepada personel pengurusan utama
- Risiko-risiko yang mempengaruhi prestasi model perniagaan (dan aset kewangan yang dipegang dalam model perniagaan itu) dan, khususnya, bagaimana risiko-risiko tersebut diuruskan
- Bagaimana pengurus perniagaan dikompensasi (contohnya, sama ada pampasan berdasarkan nilai saksama aset yang diuruskan atau aliran tunai kontraktual yang dikumpulkan)
- Kekerapan, nilai dan masa jualan yang dijangkakan juga merupakan aspek penting dari penilaian Kumpulan dan Bank

Penilaian model perniagaan berdasarkan senario yang dijangkakan dengan wajar tanpa mengambil kira senario terburuk atau senario stres. Jika aliran tunai selepas pengiktirafan awal direalisasikan dengan cara yang berbeza daripada jangkaan asal Kumpulan dan Bank, Kumpulan dan Bank tidak mengubah klasifikasi baki aset kewangan yang dipegang dalam model perniagaan itu, tetapi memasukkan maklumat tersebut apabila menilai aset kewangan baru yang baru dibeli atau yang baru dibeli pada masa hadapan.

(b) Ujian SPPP

Sebagai langkah kedua proses pengelasannya, Kumpulan dan Bank menilai terma-terma kontrak aset kewangan untuk mengenal pasti sama ada mereka memenuhi ujian SPPP.

"Prinsipal" untuk tujuan ujian ini ditakrifkan sebagai nilai saksama aset kewangan pada pengiktirafan permulaan dan boleh berubah sepanjang hayat aset kewangan (contohnya, jika terdapat pembayaran balik pokok atau pelunasan premium/diskaun).

Unsur kandungan yang paling penting dalam susunan pinjaman biasanya adalah pertimbangan untuk nilai masa wang dan risiko kredit. Untuk membuat penilaian SPPP, Kumpulan dan Bank mengenakan penghakiman dan mempertimbangkan faktor-faktor yang berkaitan seperti mata wang di mana aset kewangan didenominasi, dan tempoh di mana kadar keuntungan ditetapkan.

Nota Kepada Penyata Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019 (Sambungan)

3. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

3.5 Instrumen kewangan (sambungan)

3.5.1 Aset kewangan (sambungan)

3.5.1.2 Pengiktirafan permulaan dan pengukuran seterusnya (sambungan)

(i) Aset kewangan pada kos terlunas (sambungan)

(b) Ujian SPPP (sambungan)

Sebaliknya, istilah kontrak yang memperkenalkan pendedahan lebih daripada *de minimis* kepada risiko atau turun naik dalam aliran tunai kontraktual yang tidak berkaitan dengan susunan pinjaman asas tidak menimbulkan aliran tunai kontrak yang semata-mata pembayaran pokok dan keuntungan pada jumlah tertunggak. Dalam kes sedemikian, aset kewangan diperlukan untuk diukur di FVTPL.

(ii) Nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain ("FVOCI")

Kumpulan dan Bank menggunakan kategori baru di bawah MFRS 9 instrumen hutang yang diukur di FVOCI apabila kedua-dua syarat berikut dipenuhi:

- Instrumen ini dipegang dalam model perniagaan, objektifnya dicapai dengan mengumpul aliran tunai kontraktual dan menjual aset kewangan; dan
- Istilah kontrak aset kewangan memenuhi ujian SPPP.

Aset kewangan di FVOCI kemudiannya diukur pada nilai saksama dengan keuntungan dan kerugian yang timbul akibat perubahan dalam nilai saksama yang diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain ("OCI"). Pendapatan keuntungan dan laba dan kerugian pertukaran asing diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dengan cara yang sama seperti aset kewangan yang diukur pada kos yang dilunaskan. Pada penyahiktirafan, keuntungan atau kerugian kumulatif sebelum ini diiktiraf dalam OCI diklasifikasi semula daripada OCI kepada untung atau rugi.

Instrumen ekuiti biasanya diukur pada FVTPL. Walau bagaimanapun, untuk instrumen ekuiti tidak disebut harga, dengan pilihan tidak boleh ditarik balik pada permulaan, Kumpulan dan Bank mengukur perubahan melalui FVOCI (tanpa mengitar semula keuntungan atau kerugian semasa penyahiktirafan).

(iii) Nilai saksama melalui untung atau rugi ("FVTPL")

Aset kewangan di FVTPL termasuk aset kewangan yang dipegang untuk dagangan dan aset kewangan yang ditetapkan di FVTPL atas pengiktirafan awal. Aset kewangan diklasifikasikan sebagai dipegang untuk urusniaga sekiranya ia diperoleh untuk tujuan menjual atau membeli balik dalam tempoh terdekat. Derivatif, termasuk terbitan derivatif terbenam juga diklasifikasikan sebagai dipegang untuk dagangan.

